


Jilid III
Bil. 6



MALAYSIA

Hari Selasa
24hb Mac, 1981

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 669]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 717]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok)
(Pindaan) [Ruangan 762]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 767]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.
(Kota Bharu).

„ MENTERI PELAJARAN, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.
(Labis).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO
SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S., (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.S.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhorr TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 24hb Mac, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEMBAYARAN ROYALTI KEPADA
NEGERI KEDAH

1. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang mengekalkan pembayaran royalti sebanyak \$10,000 dari belanjawan Persekutuan bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Negeri Kedah mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 6hb Mei, 1869 di antara pihak Britain dan Raja Siam, bersabit dengan Negeri Kedah. Apakah Kerajaan Persekutuan tidak fikir pembayaran royalti tersebut memperkecilkan Kedaulatan Negeri Pulau Pinang yang telah bersekutu dengan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah Negara yang berdaulat yang mempunyai Governornya dan Perlembagaan sendiri. Adakah Kerajaan bercadang memansuhkan Perkara 167 (7) Perlembagaan Persekutuan.

Pemangku Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak fikir pembayaran royalti bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Negeri Kedah memperkecilkan kedaulatan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk memansuhkan perjanjian yang telah dibuat sebelum merdeka di antara pihak Britain dengan Negeri Kedah kerana

seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara tersebut telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Soal memperkecil-kecilkan kedudukan sesebuah negeri kerana mematuhi kedaulatan undang-undang negeri tidak timbul sama sekali dan oleh itu Kerajaan juga tidak bercadang memansuhkan Perkara 167 (7) Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. \$10,000 pada 112 tahun dahulu kalau dibandingkan dengan \$10,000 sekarang ini tentu sekali jauh beza harganya. Oleh kerana itu tidakkah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memikirkan supaya \$10,000 ini dipinda kepada angka, biarlah didengar "juta" untuk royalti dibayar kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bayaran \$10,000 itu adalah satu syarat sahaja sebagai satu formality dan Negeri Kedah tidak bergantung kepada \$10,000 yang dibayar itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Oleh kerana perkara ini telah berbangkit di dalam Dewan Negeri Kedah sendiri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah sendiri membayangkan supaya royalti ini dinaikkan kepada angka berpuluh-puluh juta, maka saya fikir sudah sampai masanya Kerajaan Malaysia ini memikirkan supaya walaupun Kerajaan Negeri Kedah tidak bergantung kepada \$10,000 tetapi Kerajaan Negeri Kedah sekarang ini bergantung kepada "juta".

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Negeri Kedah akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan saya tidak dapat membuat penilaian dengan mata wang tentang harga negeri Kedah.

SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL— PENYERTAAN BUMIPUTRA

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Permodalan Nasional Bhd. (PNB) akan mengkaji semula penyertaan 30% orang-orang Melayu dan Bumiputra dalam Amanah Saham Nasional bahawa capital appreciation bagi seseorang pembeli itu akan dikira pada harga pasaran terbuka pada tahun 1990 untuk menambahkan minat pelabur-pelabur itu dalam Amanah Saham Nasional dan sama ada beliau sedar bahawa pengecualian cukai dividend \$4,000 setahun tidaklah menguntungkan mereka yang berpendapatan rendah, sebaliknya ia memberi kemudahan kepada orang-orang yang mampu sahaja.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya kurang jelas tentang apa yang Ahli Yang Berhormat maksudkan dengan Bahagian Pertama soalan itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud bahawa Permodalan Nasional Berhad akan mengkaji semula berkenaan peratusan penyertaan bumiputra di dalam Skim Amanah Saham Nasional ini, ingin saya tegaskan bahawa Skim Amanah Saham Nasional ini adalah terbuka iaitu 100% kepada bumiputra sahaja dan oleh yang demikian soalan mengkaji semula penyertaan 30% oleh bumiputra di dalam skim ini tidak timbul sama sekali.

Berkenaan dengan kenaikan nilai modal Skim Amanah Saham Nasional ini memang memeruntukkan supaya harga unit-unit Saham Amanah ini akan diurusniaga mengikut harga pasaran terbuka selepas tahun 1990. Skim Amanah Saham Nasional ini adalah terbuka kepada semua bumiputra yang berusia 21 tahun dan lebih. Ianya adalah digalib untuk menggalakkan bumiputra melabur dalam Saham Amanah agar matlamat pemilikan saham sekurang-kurangnya 30% dalam sektor syarikat bumiputra menjelang tahun 1990 akan tercapai.

Untuk menarik minat mereka beberapa galakan adalah diberikan. Ini termasuklah pengecualian cukai ke atas dividend yang diperolehi dari Skim Amanah Saham Nasional setakat \$4,000 pada satu tahun.

Pengecualian cukai ini bukanlah dihadkan kepada orang-orang kaya sahaja, malah ianya boleh dinikmati oleh semua orang.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa dividend ke atas saham-saham adalah dikenakan cukai pendapatan apabila seseorang itu memperoleh pendapatan melebihi sesuatu paras. Dalam hal ini, pengecualian cukai ke atas dividend setakat \$4,000 dari Skim Amanah Saham Nasional ini akan sekurang-kurangnya memberi pelepasan cukai kepada ramai pelabur. Yang harus diambil ingatan bukan semuanya orang kaya sungguhpun mereka adalah di dalam golongan yang dikenakan taksiran cukai pendapatan. Prinsip ini juga diguna dalam pengecualian cukai kepada pesara-pesara yang mana sudah tentu pesara yang mendapat pencen yang tinggilah yang mendapat banyak nikmat sedangkan yang berpencen rendah memang tidak pernah membayar cukai.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Skim Amanah Saham Nasional ini merupakan satu detik permulaan bagi penyertaan bumiputra secara menyeluruh ke dalam pasaran saham amanah, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri sama ada beliau akan bercadang untuk menimbangkan satu cadangan yang telah dibuat oleh Seminar Ekonomi anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di mana Seminar itu mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberikan pinjaman sebanyak 90% ke atas pelaburan yang dimasuki oleh bumiputra, iaitu kita hadkan sebanyak \$1,000 pihak bumiputra cuma menyalurkan sebanyak 10% daripada \$1,000 ini sahaja dan pihak Kerajaan akan memberi pinjaman misalnya \$900 dan apabila tiba tahun 1990 maka pihak bumiputra yang berkenaan akan ada di dalam tangan mereka \$1,000 sekurang-kurangnya saham tiap-tiap seorang.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam Skim ini kita memeruntukkan iaitu kalau seseorang bumiputra sanggup membayar \$10 maka dalam jangka masa 10 tahun ianya akan memiliki sebanyak 100 saham yang nilainya ialah \$100 tanpa membayar apa-apa bayaran

dan tanpa mendapat hutang daripada mana-mana pihak. Sebabnya yang kita mengadakan peruntukan yang semacam ini ialah dengan kerana kita berpendapat kalau hutang diberi maka hutang mestilah dibayar dan dibayar bukan semata-mata pokoknya tetapi dibayar juga faedahnya. Kalau kita berpendapat bahawa kita harus berhutang tanpa membayar faedah maka ini akan membawa tabiat yang tidak baik kepada kita iaitu kita selalu berharap mendapat hutang tanpa membayar faedah ke atas hutang ini ataupun yang lebih buruk lagi kita berpendapat bahawa hutang tidak payah dibayar sama sekali.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri tadi nampaknya Amanah Saham MARA ini adalah satu rancangan yang sangat baik khususnya untuk . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini bukan Amanah Saham MARA.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Amanah Saham Nasional - maaf, Tuan Yang di-Pertua - adalah satu rancangan yang sangat baik untuk kepentingan kaum bumiputra sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tetapi lazimnya apa yang kita buat baik itu selalu dapat tentangan daripada parti-parti Pembangkang. Adakah Kerajaan sedar di akhir-akhir ini ada tuduhan-tuduhan daripada parti Pembangkang khasnya di kawasan luar bandar mengatakan bahawa Kerajaan sekarang telah bankrap, sebab itu Kerajaan hendak ambil duit rakyat untuk menampung perbelanjaan Kerajaan. Kalau benar ataupun kalau ada tuduhan-tuduhan semacam itu, apakah tindakan Kerajaan boleh diambil kepada mereka yang membuat fitnah-fitnah yang tidak berpatutan kepada Kerajaan kita?.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada ini mesti disahkan betul. Perkara 'kalau-kalau' atau di misal-misalkan, tidak boleh; payah Yang Amat Berhormat hendak menjawabnya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri memberitahu Dewan yang

mulia ini bagaimanakah Skim Amanah Saham Nasional ini boleh memastikan bahawa majoriti rakyat bumiputra boleh menikmati dari pembelian saham baik dari segi dividen supaya taraf sosio-ekonomi mereka boleh diperbaiki khasnya golongan kaum petani dan nelayan?.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jaminan yang dibuat oleh Kerajaan ialah dengan menentukan bahawa pelaburan ini tidaklah dikehendaki menjadi satu pelaburan yang besar. Biasanya di dalam pasaran saham ini jika kita hendak membeli saham kita tidak dapat membeli sebanyak 10 saham ataupun 100 saham. Biasanya dalam pasaran saham kita terpaksa membeli banyak daripada itu dan ini tentulah memerlukan harga yang tinggi. Juga biasanya saham-saham ini meningkat harganya daripada masa ke semasa, jadi kalau kita lewat membeli satu-satu saham, kita terpaksa membayar dengan harga yang amat tinggi sekali; kadangkala ada saham yang cuma \$1.00 boleh dijual sehingga \$24 pada satu saham dan kalau kita terpaksa membayar \$24 untuk satu saham yang nilainya \$1.00 tentulah banyak yang tidak mungkin membelinya. Sebab itu kita menentukan bahawa saham ini dijual dengan harga tetap sebanyak \$1.00 pada satu saham dan mereka yang ingin membeli boleh melabur sebanyak \$10 kalau dia ingin melabur. Kalau dia berkata \$10 pun dia tidak ada maka sudah tentulah dia tidak boleh melabur tetapi kalau kita tidak mempunyai \$10 lebih baiklah kita tunggu dahulu sehingga kita mendapat \$10 dan saya yakin kebanyakan daripada bumiputra ada \$10 dalam saku mereka sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka (*Ketawa*). Jadi dengan mereka ada \$10 ini bolehlah mereka membeli saham-saham ini.

Jika Ahli Yang Berhormat ada cadangan yang boleh memasukkan dalam saku bumiputra sebanyak \$10 ini, Kerajaan sedia menerima cadangan itu.

EKSPORT KAYU KELUAR NEGERI

3. **Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau akan mengkaji semula Dasar Eksport Kayu ke luar negeri memandangkan

betapa sukarnya untuk mendapatkan bahan-bahan kayu untuk menjayakan projek pembinaan rumah rakyat yang telah dilancarkan oleh Kementerian itu.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan "bahan-bahan kayu" untuk pembinaan rumah ialah kayu gergaji yang merupakan komponen terpenting dalam pembinaan perumahan. Saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sentiasa mengawasi kedudukan bekalan kayu gergaji yang dieksportkan dan yang terdapat dalam negeri untuk kegunaan tempatan. Mengikut perangkaan yang disediakan oleh Kementerian saya, jumlah kayu gergaji yang terdapat dalam negeri di Semenanjung Malaysia telah kian bertambah dalam tempoh 10 tahun dari tahun 1970 hingga 1979. Sungguhpun jumlah eksport kayu gergaji daripada jumlah pengeluaran bahan ini telah meningkat, tetapi jumlah bekalan untuk penggunaan dalam negeri telah bertambah dari 1.25 juta meter padu dalam tahun 1970 kepada 1.82 juta meter padu dalam tahun 1979. Bagi tahun 1980 pula, pengeluaran kayu gergaji sehingga bulan September berjumlah 4.96 juta meter padu tetapi eksport berjumlah 2.195 juta meter padu. Jumlah kayu gergaji yang terdapat dalam negeri sehingga bulan September 1980 ialah 2.77 juta meter padu berbanding dengan hanya 1.82 juta meter padu sahaja dalam tahun 1979.

Saya suka juga menyatakan iaitu mengikut satu kajian awal yang dijalankan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, jumlah kayu gergaji yang digunakan oleh berbagai pengguna dalam sektor awam dan swasta di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1980 ialah sebanyak 1.84 juta meter padu atau 66% daripada jumlah bekalan dalam negeri. Bagi kegunaan industri pembinaan (termasuk perumahan) dan kegunaan Jabatan-jabatan tertentu seperti Keretapi Tanah Melayu, Telekom, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Kerjaraya dan Kementerian Pertahanan, peratus yang terlibat ialah sebanyak 16.5% sahaja. Ini bermakna bahawa bekalan kayu gergaji dalam negeri untuk kegunaan berbagai penggunaan

khasnya untuk rancangan perumahan Kerajaan adalah mencukupi. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa Kementerian saya adalah memberi perhatian yang penting kepada pengguna dalam negeri dan saya bersedia mengambil tindakan yang perlu dan wajar sekiranya didapati bahawa jumlah eksport mengganggu bekalan dan permintaan tempatan. Memandangkan kepada ini Kementerian saya tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar eksport kayu gergaji pada masa ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi ada menjelaskan bahawa kayu-kayu yang bergergaji telah bertambah dikeluarkan oleh pihak pengeluar-pengeluar tempatan. Tetapi keadaan harga kayu-kayu tempatan masih lagi tinggi. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ada mempunyai rancangan untuk menentukan supaya kayu-kayu yang dipasarkan di pasaran tempatan itu dijual dengan harga berpatutan supaya dapat diguna untuk membina projek-projek yang memerlukan kayu umpamanya, rancangan rumah murah dan sebagainya.

Datuk Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, harga kayu-kayan adalah satu faktor yang lain. Kenaikan harga kayu-kayan ini telah berlaku disebabkan oleh sebab beberapa faktor. Kenaikan kos pengeluaran kayu-kayan yang disebabkan oleh peningkatan harga kayu balak, harga minyak, alat-alat ganti dan bayaran gaji pekerja-pekerja adalah satu faktor yang menyebabkan kenaikan harga kayu-kayan di negara kita.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, pada satu masa yang lalu Kementerian ini telah mengumumkan bahawa kebenaran diberi supaya kayu gergaji dan balak dibenar untuk diimport ke dalam negara kita. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sejauh manakah usaha itu telah dijalankan, berapa banyakkah kayu dapat diimport dan sejauh manakah usaha itu dapat mengurangkan kesulitan kekurangan kayu gergaji dalam negara ini.

Datuk Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menggalakkan import kayu balak dan kayu gergaji dari Sabah dan Sarawak dan negeri yang lain kepada Semenanjung Malaysia kerana Kerajaan telah mengecualikan duti import dan duti tokoh ke atas bahan-bahan ini di Semenanjung Malaysia. Saya harap pada masa akan datang kita boleh mendapat bekalan yang banyak bagi bahan-bahan ini.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar satu masa dahulu Kementerian mengharamkan sebahagian daripada kayu ini dieksport dengan harapan supaya digunakan oleh tempatan dengan harga murah. Tetapi ada yang berlaku sebaliknya kayu-kayan payah didapati dan harganya mahal. Bagaimanakah tindakan Kementerian ini bagi mengatasi masalah ini. Adakah hendak menambah bilangan pengharaman eksport kayu balak di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Soal harga, tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, melainkan mungkin ada hendak menambah lagi.

Datuk Paul Leong Khee Seong: Tiada.

ORANG-ORANG PELARIAN INDONESIA

4. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri (waktu itu pemangku Perdana Menteri) telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menyediakan pekerjaan kepada orang-orang pelarian Indonesia di Sabah; sekiranya sedar, adakah Kerajaan juga akan memberikan pekerjaan kepada pelarian Vietnam.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada orang-orang pelarian Indonesia di negeri Sabah. Oleh itu, masalah menyediakan pekerjaan kepada mereka tidak timbul.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa wakil DAP ini selalu mencurigai kepada pendatang Indonesia ini dan begitu suka dan berminat benar untuk mengekalkan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara kita ini. Apakah pihak Kementerian dapat membezakan di antara pendatang Indonesia ini dengan pelarian Vietnam dari segi istilah dan dari segi perkembangan ekonomi negara kita dan juga dari segi niat dan tujuan pendatang haram datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir sebagaimana yang diterang dan dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi tidak timbul perkara ini, sebab tiada.

KEKURANGAN WANG DI BANK TEMPATAN

5. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi bank-bank tempatan kita dari kekurangan wang, oleh kerana setengah ahli-ahli perniagaan dan orang-orang kaya menyimpan wang mereka dalam bank asing kerana takutkan cukai pendapatan peribadi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua bank-bank perdagangan adalah dikehendaki mengekalkan harta cair minima mereka pada kadar 20 peratus daripada jumlah tanggungan masing-masing. Sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah tersebut hendaklah disimpan dalam bentuk harta-harta cair utama yang antara lainnya termasuklah wang tunai. Tujuan Kerajaan mengenakan keperluan kecairan tersebut ialah untuk memastikan tiap-tiap bank menyimpan sebahagian daripada hartanya dalam bentuk wang tunai atau harta-harta mudah cair lain bagi membolehkan pengeluaran wang di luar jangkaan oleh penyimpan-penyimpan. Keperluan kadar kecairan minima ini sentiasa diberi perhatian yang teliti oleh tiap-tiap bank perdagangan. Mana-mana bank yang gagal mematuhi keperluan kadar minima boleh dikenakan bayaran faedah penalti

seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank 1973. Peruntukan undang-undang di atas telah dapat mengelakkan bank-bank perdagangan daripada mengalami kekurangan wang tunai.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa kawalan pertukaran wang asing kita yang liberal tidak menghalang rakyat Malaysia termasuklah ahli-ahli perniagaan dan orang-orang kaya untuk melabur wang mereka di luar negeri. Walau bagaimanapun, bank-bank perdagangan telah diminta supaya memastikan mereka tidak memberikan pinjaman untuk tujuan tersebut. Seterusnya simpanan yang diterima oleh bank-bank perdagangan hendaklah digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia sahaja. Ahli Yang Berhormat tentuk maklum bahawa negara kita juga banyak menerima kemasukan modal asing dari pelabur-pelabur luar negeri. Sebagai hasilnya, Imbangan Pembayaran kita secara keseluruhannya tetap kukuh, walaupun terdapat pengaliran keluar modal untuk tempoh jangka pendek.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bercakap mengenai kekurangan wang dalam bank-bank tempatan ini adakah Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu daripada sebabnya ialah ada orang-orang yang meminjam wang dari bank-bank tempatan dengan kadar faedah yang rendah dan menyimpannya dalam bank-bank di Singapura kerana mendapati faedah yang lebih tinggi dan oleh kerana itulah banyak pengaliran wang daripada Malaysia ke Singapura pada masa ini.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada mempunyai bukti bahawa ada orang yang meminjam wang daripada bank tempatan dan menyimpan wang yang dipinjam itu ke negeri-negeri lain, saya minta Ahli Yang Berhormat itu memberi detail kerana boleh diambil tindakan yang sesuai.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa bank-bank

tempatan akan dikenakan penalti sekiranya ia tidak mempunyai kecairan sebanyak 20% daripada jumlah harta. Saya ingin tahu setakat ini ada atau tidak bank-bank tempatan yang telahpun dikenakan penalti itu.

Kedua, sama ada pihak Kementerian sedar terdapat bank-bank, terutama bank perdagangan asing yang lebih suka untuk berusaha mengumpul harta daripada negara ini dan kurang sangat menyediakan kemudahan-kemudahan, umpamanya wang-wang yang boleh dipinjamkan kepada rakyat tempatan untuk tujuan perniagaan.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan bahagian pertama, baru-baru ini tiada. Bahagian kedua, saya kurang jelas tentang apa yang dimaksud mengumpul harta seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang soalan bahagian dua.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua maksud saya sama ada pihak Kementerian Kewangan sedar tentang adanya sikap setengah bank-bank perdagangan asing yang lebih suka untuk mengumpul harta dalam negara ini dengan menambahkan harta semasanya lebih daripada usahanya untuk memberi pinjaman dan menyediakan wang untuk boleh digunakan sebagai pinjaman kepada peniaga-peniaga tempatan. Itu maksudnya.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah diperhatikan oleh pihak Bank Negara tetapi walaupun bank-bank asing ada menambahkan harta semasa mereka inipun memberikan faedah dan keuntungan kepada negara kita. Tetapi sepertimana saya pernah menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini memanglah Bank Negara dan Kementerian Kewangan sentiasa mengawasi perjalanan bank-bank, termasuklah bank-bank asing dari segi memberikan pinjaman-pinjaman yang mencukupi untuk membiayai pembangunan negara ini.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan adakah beliau sedar sehingga hari ini semua bank tempatan, istimewa bank-bank di luar bandar seperti di Keluang di mana bank ini tidak beri loan baru oleh kerana bank kata pinjaman ada lebih berbanding wang deposit. Tidakkah Bank Negara ada satu dasar di mana setiap bank tidak boleh pinjam lebih wang dari wang deposit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berdiri lama-lama ini buat apa? Sudah habis, duduklah (*Ketawa*).

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara dan Kerajaan telahpun menetapkan syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi oleh setiap bank perdagangan. Sepertimana saya katakan oleh kerana sektor bank ini merupakan satu sektor yang penting dalam ekonomi negara dan oleh kerana tidak begitu banyak bank-bank yang perlu dikawal, maka biasanya segala peraturan-peraturan Bank Negara memang dipatuhi oleh tiap-tiap bank tempatan dan bank asing.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan bahawa Akta Bank kita tidak melarang untuk melabur di luar negeri. Soalan saya dengan sebab tidak adanya larangan itu maka wang Malaysia membanjiri Republik Singapura terlalu banyak sehingga timbul apa yang saya timbulkan semalam ada yang mengatakan wang Malaysia macam duit Jepun. Jadi adakah Kerajaan bercadang hendak membuat satu dasar baru menyekat sedikit penghijrahan wang ini?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ampong bin Puyon - tidak hadir.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Ampong bin Puyon tidak hadir)

KEKURANGAN SUSU

7. Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah beliau sedar bahawa kekurangan barang-barang keperluan seperti susu, gula, tepong dan lain-lainnya bukanlah sebenarnya barang-barang tersebut berkurangan tetapi adalah disebabkan disorokkan oleh sebilangan peniaga-peniaga yang ingin kaya cepat dan jika ya, apakah Kerajaan akan mengetatkan lagi undang-undang anti sorok yang sedia ada kerana kurang memberi kesan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah hampir sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang saya telah jawab pada 20hb Mac, 1981 dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

PENGAJARAN SISTEM 3M

8. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pengumuman beliau bahawa mulai daripada tahun 1983, pelajaran Sekolah-sekolah Rendah akan menitikberatkan 3M, apakah mata pelajaran-mata pelajaran dititikberatkan dalam Sekolah-sekolah Rendah kita pada masa sekarang. Adakah ini bermakna 3M itu tidak dapat diajar dengan baiknya setakat ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar Kementerian, semua mata pelajaran di sekolah rendah adalah dititikberatkan. Jika ada mata pelajaran yang tidak dijadikan mata pelajaran peperiksaan, tidaklah bermakna mata pelajaran itu tidak dititikberatkan.

Komponen 3M sebenarnya ada terdapat dalam Kurikulum Sekolah Rendah yang dilaksanakan sekarang. Yang menjadi masalah ialah penegasan yang diberikan terhadap pengajaran 3M ini didapati tidak mencukupi disebabkan oleh kepadatan isi kurikulum seluruhnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada program 3M ini akan diadakan untuk semua sekolah-sekolah semua aliran dalam Bahasa Malaysia sahaja atau akan mengikut jenis aliran sekolah-sekolah rendah; kalau dalam sekolah-sekolah rendah kebangsaan dalam Bahasa Malaysia, dalam sekolah-sekolah aliran Cina dalam Bahasa Cina dan sekolah Tamil dalam Bahasa Tamil?

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kurikulum 3M ini akan diajar di semua sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah Tamil.

Tuan Cheing Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan guru-guru di negeri Sarawak, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada Kerajaan dapat menjalankan 3M itu di negeri Sarawak dalam tahun 1983.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita boleh ataupun tidak melaksanakan 3M ini akan dibuat keputusan muktamad tidak berapa lama lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya dengan tepat. Mungkin untuk lebih jelaskan bahawa sama ada untuk sekolah-sekolah rendah yang aliran Bahasa Cina sama ada 3M akan diajarkan dalam Bahasa Tionghua mengikut jenis medium of instruction itu?

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekolah Cina itu Bahasa Tionghualah.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit sebanyak penjelasan bagaimanakah 3M diajar buat sementara ini dan apakah caranya akan dijalankan jika dibandingkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya tadi sebahagian sudah ada terkandung dalam jawapan asal, tetapi baik juga ditambah lagi supaya lebih jelas.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan yang utama sekali berhubung dengan kurikulum baru yang dicadangkan ini ialah dengan peruntukan masa yang agak nya lebih untuk Pengajaran 3M daripada apa yang terdapat pada masa ini. Sepertimana saya nyatakan memang sekarang ini pun sudah berjalan 3M, cuma dari segi masa dan penegasan tidak cukup.

NELAYAN PANTAI LAUT CINA SELATAN—GANGGUAN

9. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sebab-sebabnya berlaku gangguan dari nelayan asing terhadap nelayan-nelayan tempatan di pantai Laut China Selatan.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, gangguan nelayan-nelayan asing terhadap nelayan-nelayan tempatan di pantai Laut China Selatan adalah berpunca daripada kekayaan sumber-sumber ikan di kawasan perairan Malaysia berbanding dengan sumber-sumber yang terdapat di kawasan-kawasan negara jiran. Sebenarnya kebanyakan gangguan ini berupa gangguan terhadap alat-alat menangkap ikan seperti unjang dan bubu yang sering berlaku di musim tengkujuh, ketika rondaan oleh pihak berkuasa berkurangan disebabkan bot-bot ronda kecil tidak dapat keluar jauh ke laut. Kementerian saya telahpun mengadakan satu peraturan untuk menyelaraskan agensi-agensi penguatkuasaan iaitu Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Polis Laut untuk meronda kawasan-kawasan yang sering mengalami gangguan ini.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Gangguan dari nelayan asing telah menyebabkan banyak kerugian terhadap alat-alat penangkapan tadi yang dialami oleh nelayan-nelayan tempatan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini taksiran jumlah kerugian yang dialami setakat ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menolong mereka ini?. Saya ingin tahu juga sama ada Yang Berhormat

Menteri sedar ataupun tidak bahawa ada sindiket haram tempatan yang turut sama memainkan peranan dalam gangguan ini. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil?

Tuan Yang di-Pertua: Ada 3 bahagian kecil dalam soalan tambahan ini. Yang pertama, taksiran itu saya fikir melainkan kalau sudah ada angkanya Yang Berhormat Menteri hendak menjawab ataupun tidak.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai dasar Kerajaan tidak ada memberi pampasan kepada nelayan-nelayan yang mana alat-alat penangkapan ikan mereka itu diceroboh oleh penangkap-penangkap ikan daripada luar negeri.

Berhubung dengan perkara yang kedua, saya tak sedar ada sindiket haram itu. Kalau Ahli Yang Berhormat ada butir-butir lanjutnya saya sedia mendengar.

Di atas yang ketiga, saya tak berapa pasti apakah Yang Berhormat kehendaki?

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir tadi!

Tun Ismail bin Said: Sindiket haram. Apakah tindakan yang diambil?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dia tak cabar, apa ada tindakan, tak adalah.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan bahawa terdapat gangguan-gangguan dari nelayan-nelayan asing terhadap nelayan-nelayan tempatan di pantai Laut Cina Selatan. Soalan saya apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di peringkat antarabangsa untuk mengurangkan sekurang-kurangnya gangguan-gangguan dari nelayan-nelayan asing tersebut.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun ada perbincangan dengan yang berkuasa di negeri jiran kita dan mereka juga memberi kerjasama untuk cuba menahan rakyat mereka dari memasuki perairan kita.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk berusaha membekalkan

senjatapi kepada nelayan-nelayan sebabnya yang berjumpa dengan lanun-lanun dan penceroboh-penceroboh ini, nelayan. Kalau ada senjatapi mungkin pencerobohan itu berlaku dan kalau ada pun kurang kalau tidak akan bertambah lagi.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tidak ada.

ARANG BATU/GAS CECAIR PETROLIAM—MENGGUNAKAN

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil, setakat ini, oleh Kementeriannya dalam merumuskan satu Dasar Tenaga Gantian yang menggunakan arang batu dan gas cecair petroliam memandangkan kenaikan kos tenaga di seluruh negara yang kerap berlaku berikutan kenaikan harga minyak petrol dan apakah kejayaan yang telah dicapai sehingga sekarang berhubung hal ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan bahayanya jika negara kita terus terlalu bergantung kepada satu sumber tenaga sahaja iaitu minyak. Menyedari akan hakikat ini, maka Kerajaan telah memutuskan bahawa strategi pembangunan tenaga negara kita akan berasaskan kepada penggunaan empat sumber tenaga iaitu minyak, hidro, gas asli dan arang batu. Strategi Kerajaan ialah untuk mengutamakan pembangunan punca tenaga yang boleh didapati dalam negara ini.

Kerajaan memang memberi perhatian ke arah pembangunan arang batu. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengkaji kemungkinan industri-industri pembuatan untuk mengalihkan kegunaan sumber tenaganya daripada elektrik/bahanapi kepada arang batu. Kajian ini menunjukkan bahawa setakat ini, ada kemungkinan industri-industri seperti simen yang menggunakan tenaga elektrik/bahanapi dengan banyaknya mengalih kepada arang batu dalam proses pengeluarannya. Sebuah syarikat simen sudahpun diberi kelulusan

untuk mengalih kepada arang batu dan ada kemungkinan syarikat-syarikat yang lain akan berbuat demikian.

Aktiviti eksplorasi arang batu di negara ini akan dipertingkatkan. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Penyiasatan Kajibumi akan menjalankan aktiviti-aktiviti eksplorasi yang terperinci untuk menilai sumber arang batu yang terdapat di seluruh negara. Kajian-kajian yang tertentu sudah menunjukkan bahawa kebanyakan arang batu di negara ini terdapat di Sarawak. Sementara itu, Kerajaan akan juga berusaha mendapatkan kerjasama negara-negara lain di dalam aspek bekalan sumber arang batu. Dalam perkara ini, suka juga saya maklumkan bahawa negara-negara ASEAN telah bersetuju pada dasarnya bekerjasama rapat dalam aspek-aspek penggunaan arang batu.

Bersabit dengan kegunaan gas asli petroliam cecair (LPG), dan gas asli mampat (CNG) suka saya maklumkan bahawa PETRONAS sedang menjalankan kajian yang meliputi aspek-aspek ekonomi, logistik serta praktiknya bagi kegunaannya. Kerajaan juga sedang meneliti pengalaman-pengalaman kegunaan LPG dan CNG di negara-negara lain sebelum kedua-dua gas ini dapat diperkenalkan di negara kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada beberapa buah negara asing yang terlibat dalam perumusan dasar tenaga gantian di mana negara-negara itu ada memberi bantuan kepada negara Malaysia.

Yang kedua, ialah oleh sebab perumusan dasar gantian adalah melibatkan perbelanjaan yang besar dan oleh hal yang demikian apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Tabung Sekuriti Tenaga Negara (National Energy Security Fund) bagi tujuan untuk menguruskan perkara itu.

Datuk Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, Kerajaan di masa meneliti kegunaan sumber-sumber arang batu sebagai satu sumber tenaga memang juga mengkaji di negara-negara di mana sumber arang batu yang didapati dan mengikuti kajian itu kita

juga akan meneliti ekonomiknya, mendapat bekalan dari negara-negara yang tertentu. Jadi kita tidak dapat menentukan pada masa sekarang dari mana ianya dapat diperolehi.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Kerajaan memang sedar bahawa punca tenaga perlu di negara kita ini dan oleh yang demikian perbelanjaan yang mencukupi memang terus akan diadakan ketika ianya diperlukan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Dari segi kos pengeluaran, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan yang mana lebih murah iaitu tenaga yang berasaskan arang batu ataupun tenaga hidro.

Datuk Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang sekarang, kedua-dua punca tenaga ini memang ada kos yang tersendiri. Jika negara kita hendak menggunakan arang batu sebagai punca tenaga, kita mesti juga mengambil taksiran kos-kos pengangkutan dan sebagainya. Dan pada setakat ini kita belum membuat kajian yang tepat untuk memberi keputusan mana yang lebih ekonomik.

Jadi, yang kedua serupa juga dengan hydro electric power oleh kerana punca hydro electric power di Semenanjung memang terhad jika kita bertujuan untuk memperkembangkan punca hydro electric power tentu kita akan menggunakan hydro power potency yang ada di negeri Sarawak dan ini juga mempunyai kos pengeluaran yang memang sentiasa ada dan ekonomiknya belum dapat ditetapkan pada masa sekarang. Tetapi oleh kerana harga minyak akan meningkat kedua-dua opsyen ini akan lebih murah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan kos petrol ini disebabkan kadar seunit elektrik ini telahpun meningkat, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah dasar yang menentukan kadar bayaran seyunit sekarang ini adalah berbeza dengan kadar yang lepas iaitu semakin banyak yunit dipakai maka makin kurang kadar seunit yang digunakan. Dan apakah dengan kadar baru ini pihak LLN tidak begitu menggalakkan orang

menggunakan kuasa elektrik terutama untuk digunakan bagi perusahaan-perusahaan kecil yang selalunya membebankan dengan kadar yang baru ini.

Datuk Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu berlainan daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kemukakan juga fasal ada hubungan atau kaitan dengan penggunaannya. Tidak apalah kalau lain.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan awal tadi Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa empat punca dapat digunakan iaitu minyak, hydro, gas asli dan arang batu. Lantaran harga minyak adalah tinggi dan makin meninggi, soalan saya adakah pihak Kementerian beliau melalui LLN membuat sebarang perancangan untuk menentukan bahan bakaran minyak tidak akan digunakan dan lebih banyak penggunaan juga terhadap gas asli memandangkan negara ini banyak mempunyai potensi dari segi gas asli.

Datuk Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, memang dasar Kerajaan untuk mengurangkan dengan secepat mungkin yang boleh penggantungan negara kita atas minyak petrolium. Memang juga satu strategi Lembaga Letrik Negara untuk berbuat demikian. Tetapi oleh kerana pelaksanaan projek-projek tenaga mengambil masa yang agak panjang nampaknya mungkin setahun, dua atau tiga tahun yang akan datang tidak mungkin sangat berubah prestasi bahagian punca tenaga yang diperolehi dari minyak.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Menteri yang berkenaan, adakah Kementeriannya dapat menimbang menggunakan nuclear energy.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kuasa nuclear memang sebagai satu kuasa tenaga yang banyak digunakan di negara-negara yang lain terutama sekali negara-negara yang sudah maju. Dalam Kerajaan kita meninjau strategi tenaga, kita terpaksa memilih punca tenaga yang ada di negara kita ini untuk diberi keutamaan. Daripada setakat ini walaupun kita tidak terus menolak kegunaan kemungkinan menggunakan nuclear di masa yang akan

datang-kejauhannya tetapi pada setakat sekarang tujuan kita ialah memajukan punca tenaga di negara kita dahulu sebelum kita mengambil perhatian untuk menggunakan punca tenaga nuclear.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

BADAN-BADAN BERKANUN—RANGKA PROJEK

11. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa badan-badan berkanun dan Separuh Kerajaan telah membuat beberapa banyak Rangka Projek dalam usaha untuk menolong menambah pendapatan dan punca kerja rakyat, terutama penduduk luar bandar yang mengusahakan sektor pertanian. Setakat ini apakah dan sejauh mana kejayaan yang dicapai dan diperolehi atas penyatuan idea, usaha, penyelidikan dan pencapaian matlamat yang berupa kolektif dari MIDA, FAMA, LPP, MAJUTERNAK, PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA, MADA, LLN dan lain-lain agensi untuk menambahkan dan meninggikan pendapatan rakyat. Apakah rangka rancangan di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan dijayakan atau dibuat oleh badan-badan berbentuk kolektif dengan tidak ada persaingan dan perbezaan cara yang merugikan masa, tenaga dan wang ringgit yang akhirnya mengecewakan harapan rakyat.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap agensi yang ditubuh oleh Kerajaan ada perancangan dan matlamatnya di dalam usaha pembangunan negara. Kejayaan keseluruhannya ada terkandung dalam dokumen-dokumen Rancangan Malaysia Keempat dan saya berharap Ahli Yang Berhormat bersabarlah sehingga perisytiharan dan pelancaran pada 27 haribulan ini.

PERJANJIAN BIJIH TIMAH— PENGELUAR/PENGGUNA

12. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandang

bahawa di persidangan di London baru-baru ini berkenaan dengan perjanjian bijih timah, pengeluaran-pengeluar dan pengguna-pengguna bijih timah gagal mencapai persetujuan mengenai suatu Perjanjian Bijih Timah yang baru, sebab-sebab kegagalan itu dan sekiranya ada kemungkinan bagi menepati suatu pakatan di antara pengeluar-pengeluar dan pengguna-pengguna bijih timah.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa adalah menjadi kelaziman di sesuatu persidangan antarabangsa untuk tidak mendapat persetujuan atau kata sepakat dengan mudahnya terutama sekali apabila perundingan yang diadakan itu melibatkan kepentingan yang berlainan antara negara-negara pengeluar dan pengguna. Adalah menjadi satu tugas berat dan besar untuk mencapai kata sepakat ini di mana kepentingan kedua belah pihak dapat dipenuhi dan ditimbangkan.

Perjanjian Timah Antarabangsa adalah merupakan satu Perjanjian Barangan Antarabangsa yang tertua sekali diwujudkan dan ianya telahpun menunjukkan kesannya di dalam menstabilkan harga timah. Persidangan Perundingan Perjanjian Timah Antarabangsa diadakan untuk meneruskan lagi kerjasama yang memang telah wujud di antara negara-negara pengeluar dan pengguna timah melalui perjanjian tersebut. Namun demikian, di dalam usaha-usaha untuk mendapatkan perjanjian yang baharu ini terdapat beberapa masalah di sepanjang perundingan tersebut oleh kerana perbezaan kepentingan yang saya katakan di atas itu tadi.

Sebab-sebab mengapa perjanjian tidak dicapai di persidangan perundingan yang pertama itu yang telah diadakan pada bulan April dan Mei tahun lepas ialah berpunca dari keengganan beberapa buah negara pengguna untuk menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh negara-negara pengeluar yang bertujuan untuk memperkemaskan dan memperbaiki lagi perjanjian tersebut. Negara-negara pengguna tertentu ini telah mengemukakan beberapa cadangan yang radikal yang tidak sesuai

dengan objektif dan hasrat negara-negara pengeluar di dalam perjanjian tersebut.

Di persidangan perundingan yang kedua yang telah diadakan pada bulan Disember tahun lepas beberapa kemajuan dan kejayaan telah dicapai. Selain daripada pihak Amerika Syarikat negara-negara lain pada amnya telahpun mencapai persetujuan ke atas tiga perkara pokok bagi perjanjian tersebut iaitu sains stok penimbal, cara pembiayaannya dan kawalan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, perundingan sedang berjalan di Geneva sekarang dan oleh yang demikian, eloklah kita bersama-sama menunggu keputusannya.

MENCANTUMKAN SEKOLAH-SEKOLAH KECIL

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil yang berselerak di luar bandar untuk dijadikan sekolah-sekolah pusat untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, usaha mencantumkan sekolah-sekolah kecil dan meningkatkan lagi taraf pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan yang mundur ialah satu daripada perakuan terpenting yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran.

Dalam usaha mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pelajaran telah melancarkan satu kajian yang mendalam bagi menentukan keperluan sekolah-sekolah kecil di luar bandar.

Dapatan-dapatan daripada kajian ini akan digunakan sebagai asas-asas pertimbangan untuk melaksanakan percantuman sekolah-sekolah kecil di mana keadaan membenarkan.

Sebagai permulaan, satu rancangan perintis yang meliputi pembinaan sekolah rendah pusat yang berasrama dan kompleks sekolah rendah telah dimulakan di Negeri Sembilan dan Trengganu. Adalah diharapkan

dengan penerimaan dan kejayaan usaha perintis ini, rancangan yang sedemikian rupa akan dapat diperluaskan ke seluruh negara.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil ini kepada sebuah sekolah pusat adalah cadangan yang baik dan bijak. Masalahnya, murid-murid yang begitu kecil yang selama ini tidak dapat berjauhan atau berenggang dengan ibubapa untuk ditempatkan di asrama-asrama. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang sebagai ganti asrama ini Kerajaan bercadang untuk mengadakan atau memberi kemudahan pengangkutan, mengangkut murid-murid ini dari kampung mereka ke sekolah pusat sebagai ganti asrama.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mencatumkan sekolah-sekolah kecil ini akan dijalankan di kawasan-kawasan yang terpencil dan di kawasan-kawasan tersebut biasanya menghadapi masalah pengangkutan dan kalau sekiranya Kementerian Pelajaran hendak melaksanakan rancangan ini, kita akan terpaksa bergantung kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan. Oleh sebab itu kita berpendapat adalah lebih baik kalau sekolah-sekolah rendah ini bila kita hendak cantumkan akan bina asrama-asrama untuk menempatkan murid-murid di dalam asrama-asrama tersebut.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dalam proses percantuman sekolah-sekolah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sekejap tadi, apakah ini melibatkan semua kelas-kelas yang terdapat di sekolah-sekolah berkenaan yakni daripada Darjah I sampai ke Darjah VI ataupun dasingkan Darjah I hingga Darjah III dikekalkan di tempat asal, manakala Darjah IV ke atas dipindahkan sekolah yang mempunyai asrama.

Soalan kedua, apakah persediaan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk menjamin supaya pengawasan dan pengawasan kanak-kanak yang berumur daripada 6 tahun lebih hingga 9 tahun ini

benar-benar berjalan sewaktu mereka itu ditempatkan di asrama-asrama yang berkenaan.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua jenis percantuman, iaitu pertama, yang melibatkan Darjah I sampai ke Darjah VI dan projek printis di Negeri Sembilan yang saya sebutkan tadi adalah corak yang pertama dan yang kedua yang di Trengganu hanya daripada Darjah IV sampai ke Darjah VI sahaja kerana kita belum pasti lagi apakah kesannya daripada segi pertumbuhan emosi dan psikologi anak-anak kita, lebih-lebih lagi mereka ini sangat muda lagi dari segi umurnya.

Bagi jawapan soalan yang kedua, Kementerian Pelajaran bercadang untuk melantik guru-guru yang akan memainkan peranan sebagai ganti ibubapa di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawabannya Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kemungkinan sekolah-sekolah ini akan dibahagikan kepada dua iaitu satu, daripada Darjah I hingga Darjah VI dan satu lagi daripada Darjah IV hingga Darjah VI. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini apabila ibubapa menghantar anak-anak mereka untuk pergi ke sekolah, masuk Darjah I, maka ada setengah-setengah kanak-kanak ini yang menangis dan terpaksa ditunggu sehingga seminggu oleh kerana mereka ini tidak mendapat kesempatan pergi ke sekolah-sekolah bimbingan kanak-kanak. Saya ingin bertanya, kalau misalnya kanak-kanak ini dimasukkan ke asrama mulai Darjah I hingga Darjah VI, sama ada pihak Kementerian akan mengadakan kelas-kelas bimbingan kepada kanak-kanak ini sebelum mereka masuk ke Darjah I di kampung-kampung yang berkenaan.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kelas-kelas pra-persekolahan tidak dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, kita akan berusaha

supaya kanak-kanak yang akan terlibat dalam rancangan ini akan dapat kemudahan pra-persekolahan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah soalan ini dan menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai sekolah-sekolah kecil-bukan di kawasan terpencil, tetapi dalam kawasan saya sendiri ada beberapa buah sekolah di mana muridnya tidak sampai 100 orang dan ini merugikan daripada pihak Kerajaan terpaksa menempatkan guru-guru bahasa Inggeris, guru-guru Ugama Islam dan sebagainya, padahal sekolah dan darjah terlalu kecil; dua atau tiga kelas. Jadi, adakah sekolah-sekolah yang seperti ini juga akan dicantumkan menjadi satu dan menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan seperti yang saya cadangkan tadi.

Dato' Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, takrif sekolah-sekolah kecil ialah sekolah-sekolah di mana bilangan pelajar adalah kurang daripada 180 orang. Jadi termasuklah sekolah-sekolah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin hendak menganjurkan usaha percantuman ini di kawasan Ahli Yang Berhormat, bolehlah saya sendiri pergi ke sana bersama dengan Ahli Yang Berhormat untuk membuat penyediaan bagi usaha untuk mencantumkan sekolah-sekolah tersebut dan kita boleh fikirkan apakah cara yang sebaiknya untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit dengan usaha itu.

MELANJUTKAN PELAJARAN BAGI ANGGOTA TENTERA

14. Tuan Haji Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan Kementerian ini untuk memberikan peluang kepada anggota tentera melanjutkan pelajaran supaya mendapat kelulusan SRP, SPM, STP, Diploma dan Ijazah.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan pembesaran dan penyusunan semula Angkatan Tentera, tumpuan tidak hanya diberikan kepada meninggikan mutu dan kecekapan para anggota tentera di dalam bidang-bidang

pengendalian senjata dan alat-alat moden dan sophisticated, tetapi juga di dalam bidang pelajaran akademik.

Dalam meninggikan taraf pelajaran akademik di kalangan anggota-anggota tentera, usaha-usaha telah dijalankan oleh Kementerian saya untuk menggalakkan anggota-anggota tentera menambah ilmu pengetahuan di bidang pelajaran akademik dari peringkat rendah sehinggalah ke peringkat tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa buat masa ini Kementerian Pertahanan telahpun berusaha mengadakan kelas-kelas tuition yang intensif bagi pelajaran SRP di pusat-pusat pelajaran di Markas Formasi untuk anggota-anggota tentera yang ingin mengambil peperiksaan SRP. Pelajaran adalah diberi oleh jurulatih-jurulatih pelajaran tentera yang terlatih. Untuk pelajaran SPM dan STP pula, kemudahan belajar melalui cara pos yang boleh didapati di sekolah-sekolah dalam negeri, ataupun kehadiran secara sambilan di sesebuah pusat pelajaran lanjutan Kerajaan atau Institute Pelajaran yang diakui, adalah digalakkan.

Di peringkat pengajian tinggi pula, Kementerian ini mempunyai skimnya yang tersendiri yang dinamakan "Skim Pengajian Tinggi Angkatan Tentera" dalam mana pegawai-pegawai tentera yang sedang berkhidmat diberi peluang melanjutkan pelajaran mereka sehingga ke peringkat Diploma, Ijazah atau Ijazah lanjutan. Dewasa ini seramai 150 orang pegawai dalam perkhidmatan telah dihantar untuk mengikuti berbagai-bagai kursus di universiti-universiti dalam dan luar negeri. Jumlah ini dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa. Untuk skim ini, peruntukan sebanyak \$5 juta ada disediakan tiap-tiap tahun.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mengadakan kelas-kelas tuition, adakah galakan-galakan lain yang diberi kepada anggota-anggota tentera ini, misalnya, dengan jalan menaikkan gaji atau pangkat mereka apabila mereka lulus SPM/STP ataupun diploma dan ijazah.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mendapat kelulusan sijil-sijil tertentu akan diberi keutamaan dalam urusan kenaikan pangkat ataupun untuk memegang jawatan-jawatan yang tertentu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai di antara pegawai-pegawai Angkatan Tentera ini setelah mendapat ijazah ataupun ijazah lanjutan terus meninggalkan perkhidmatan tentera dan adakah pihak Kementerian mempunyai satu syarat supaya mereka yang mendapat ijazah dan ijazah lanjutan ini dapat berkhidmat kembali dengan Perkhidmatan Tentera.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi seseorang pegawai yang pergi melanjutkan pelajaran, memang sudah ada ikatan-ikatan dan syarat-syarat yang tertentu dan hanya dalam kes-kes yang tertentu sahaja, iaitu apabila diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera, barulah seseorang pegawai itu boleh dilepaskan. Jadi, bermaknalah bahawa mereka terpaksa berkhidmat dengan Angkatan Tentera selepas lulus mengikuti pelajaran lanjutan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab nature ataupun keadaan tugas Angkatan Tentera terutama sekali daripada the rank and file adalah begitu rupa, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah usaha-usaha tuition yang dijalankan oleh pihak Kementerian beliau bagi anggota tentera menghadapi peperiksaan SRP yang pertamanya mendapat sambutan daripada anggota Angkatan Tentera sendiri dan yang kedua, setakat hari ini apakah hasil yang didapati daripada tuition yang tersebut.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi sambutannya adalah memuaskan, tetapi saya tidak ada angka-angka dari segi mereka yang sebenar-benarnya lulus di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran seperti yang dikatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

KONFLIK IRAN—IRAQ

15. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Malaysia untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh dua buah negara Islam, iaitu Iran dan Iraq.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Seperti yang telah saya terangkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, semenjak munculnya konflik Iran-Irak, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif di Pertubuhan Persidangan Islam dan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencari jalan menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara Islam. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri dengan sukacitanya bersetuju menerima jemputan bekas Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam Presiden Zia Ul-Huq, untuk bersama-sama menganggotai satu Rombongan Pendamai Pertubuhan Persidangan Islam. Sidang Kemuncak Ketiga Pertubuhan Persidangan Islam di Taif baru-baru ini telah memperluaskan Rombongan Pendamai itu dari 6 anggota kepada 9 anggota iaitu Malaysia, Pakistan, Bangladesh, Turki, Guinea, Senegal, Gambia, PLO dan Setiausaha Agong PPI.

Rombongan Pendamai telah melawat Teheran dan Baghdad buat kali pertamanya dari 28hb Februari hingga 2hb Mac, 1981. Pada 4hb Mac Rombongan Pendamai telah melawat Teheran dan Baghdad buat kali kedua untuk menyampaikan kepada mereka cadangan-cadangan perdamaian yang mengandungi empat unsur penting:-

- (1) satu gencatan senjata;
- (2) pengunduran tentera Iraq dari wilayah Iran;
- (3) perundingan penyelesaian secara damai isu-isu pertikaian di antara dua negara; dan
- (4) Pertubuhan Persidangan Islam akan menjamin agar gencatan senjata dipatuhi oleh kedua-dua pihak.

Malaysia bersama-sama dengan anggota Rombongan Pendamai yang lain akan meneruskan usaha-usahanya sehingga satu penyelesaian konflik itu diperolehi.

PERUSAHAAN MINYAK MALAYSIA— BANTUAN OPEC

16. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah kemajuan yang telah dicapai daripada perundingannya dengan Menteri Minyak Kuwait, Sheikh Ali Al-Ayhby Al-Sabah pada 13hb Disember, 1980 yang berkaitan dengan kerjasama dan bantuan dalam bidang perusahaan minyak, nyatakan bagaimanakah Kuwait dan lain-lain negara OPEC dapat menolong Malaysia membangun perusahaan minyaknya supaya Malaysia sendiri dapat berdikari di bidang perusahaan minyak serta menuju ke matlamat menghakmilik-negarakan perusahaan minyak daripada dibelenggu dan dimonopoli oleh syarikat-syarikat minyak asing sekarang.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Di dalam perjalanannya ke Bali pada tahun lepas kerana menghadiri Persidangan OPEC, Menteri Minyak Kuwait, Sheikh Ali Al-Ayhby Al-Sabah telah singgah di Malaysia kerana membuat lawatan resmi atas jemputan saya. Beberapa siri perbincangan dan rundingan telah diadakan di antara beliau dengan saya serta Pegawai-pegawai PETRONAS. Perbincangan ini merupakan lanjutan kepada perbincangan yang diadakan di Kuwait semasa saya membuat lawatan resmi ke negara itu dalam bulan Mac, 1980. Di antara perkara-perkara yang telah dibincangkan di perjumpaan-perjumpaan itu adalah seperti berikut:-

1. meminta pihak Kuwait mengambil bahagian secara usahasama dengan PETRONAS di dalam projek kilang penapis minyak di Melaka. Permohonan telah juga dikemukakan kepada Kuwait supaya dapat pihaknya membekalkan kepada kita sekurang-kurangnya 20,000 tong minyak mentah Kuwait sehari bagi keperluan jangkamasa panjang negara ini.

2. penubuhan sebuah syarikat kerjasama di antara PETRONAS dengan Perbadanan Petroliam Kuwait untuk mencarigali minyak di kawasan lautan (off-shore exploration). Kedudukan mengenai perkara ini masih di peringkat awal.
3. meminta bantuan teknikal serta kepakaran daripada pihak Kuwait untuk membantu melatih pegawai-pegawai PETRONAS serta warganegara Malaysia yang berkenaan di dalam bidang industri petroliam. Dengan adanya kepakaran ini negara kita dapat mengendalikan perusahaan ini dengan sempurna tanpa mengharapkan sangat bantuan dari luar.

Selaras dengan dasar ekonomi yang diamalkan sekarang, bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk memiliknegarakan perusahaan-perusahaan petroliam. Bahan-bahan itu adalah tetap kepunyaan dan milik mutlak negara kita. Bagi membantu kita mengusahakan sumber alam yang sangat berharga itu, kita telah mengikat beberapa Perjanjian Pengeluaran (Production-Sharing Agreement) dengan beberapa kontraktor dan hasil daripada bahan itu sama-sama kita nikmati sekarang ini.

PENDATANG HARAM VIETNAM

17. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tindakan Kementerian dalam menyelesaikan masalah pelarian Vietnam dan mengurangkan bilangan mereka yang telah berada di Malaysia dengan begitu berkesan dan efektif sekali dalam menyelesaikan masalah ini berbanding dengan lain-lain negara, jika ya sama ada terdapat rakyat terutamanya dari mereka yang sentiasa menentang Kerajaan khususnya dari Parti Pembangkang dalam negara ini pernah memberikan tahniah kepada Kerajaan atas kebijaksanaan dan kejayaan kita menyelesaikan persoalan yang rumit ini yang mana merekalah orangnya yang mengancam hebat Kerajaan Barisan Nasional dalam tahun 1978 dan 1979 dahulu, jika ya, dari siapa datangnya ucapan tahniah ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan memang sentiasa mengambil berat terhadap masalah Pendatang Haram Vietnam, dan tindakan-tindakan yang dijalankan selama ini memberi kesan yang baik, berbanding pada jumlah yang ada dalam negara pada bulan Jun 1979 (73,000) dan sekarang ini jumlah tersebut telah turun kepada 10,549. Sungguhpun pada peringkat awalnya pihak Kerajaan dikecam di dalam menyelesaikan masalah ini, tetapi kini mereka telah senyap. Ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa tindakan-tindakan Kerajaan itu telah berjaya. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada apa-apa ucapan tahniah diterima dari mana-mana pihak pembangkang.

WANG KERTAS PALSU MALAYSIA/AMERIKA

18. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ada anasir-anasir yang membuat wang ringgit kertas palsu \$10/- dan \$50/- Malaysia dan wang Amerika Syarikat palsu dalam pasaran kita dan sejauh manakah kejayaan dicapai oleh Kerajaan untuk menghancurkan sindikit membuat wang tiruan ini.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Kerajaan memang sedar bahawa terdapat matawang Ringgit Malaysia yang bernilai \$10 dan \$50 serta matawang Amerika Syarikat dipalsukan. Walau bagaimanapun, jumlah wang kertas palsu \$10 dan \$50 yang dikesan setakat ini amatlah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan jumlah wang tulin yang ada dalam edaran. Mengenai matawang palsu Amerika Syarikat pula sukalah saya menjelaskan bahawa perkara ini tidak perlu dibimbangi kerana matawang asing termasuk matawang Amerika Syarikat tidak sah diperlakukan di Malaysia. Selanjutnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kes-kes pemalsuan adalah dilaporkan kepada polis dan Bank Negara Malaysia sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya dalam penyiasatan mereka. Hasil dari kerjasama tersebut dan pertolongan dari pihak polis tertentu di luar negeri, pihak polis telah berjaya merampas alat-alat yang dipercayai

digunakan untuk mencetak wang kertas palsu Malaysia dan wang kertas asing di Hongkong dalam tahun 1977 dan di Filipina pada tahun lalu. Mereka yang ditangkap sama ada telah didakwa, di penjara atau sedang menunggu tindakan mahkamah.

BANDUAN MENERJAKAN FARDHU JUMAAT

19. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa penghuni-penghuni Islam di Penjara Pengkalan Cepa, Kelantan telahpun mendirikan Fardhu Jumaat, bilakah pula penghuni-penghuni Islam dalam Penjara Pudu akan dibenarkan pula menyempurnakannya. Jika perkara ini telah dibincangkan sekian lama apakah keputusannya.

Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie: Kerajaan adalah sentiasa membenarkan banduan-banduan Islam mengerjakan Fardhu Jumaat.

Kementerian ini suka memaklumkan bahawa suasana di Penjara Pudu dengan Penjara Pengkalan Cepa adalah tidak boleh disamakan, terutama dilihat dari perspektif dan implikasi keselamatannya. Kawasan tanah di Penjara Pudu adalah tidak mencukupi untuk dijadikan kawasan ibadat. Walau bagaimanapun pihak berkuasa penjara tidaklah mengabaikan langsung tanggungjawab keugamaan kepada penghuni-penghuni Islam di Penjara berkenaan. Aktiviti agama telah diadakan dari semasa ke semasa, seperti kuliah/syarahan agama, sebuah madrasah telah pun dibuat berhampiran dengan Penjara berkenaan untuk kemudahan pegawai/kakitangan Penjara untuk menunaikan ibadat sembahyang.

JURURAWAT TERLATIH DI LUAR NEGERI

20. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak dari jururawat di Hospital negara ini mendapat latihan di luar negeri. Kebolehan dan pengalaman mereka tidak boleh dinafikan,

banyak perbezaan dari latihan tempatan. Berapa banyak dari mereka ini berkhidmat dengan Kerajaan dan di luar Kerajaan, setelah diketahui terdapat banyak dari mereka tidak dapat menyesuaikan diri mereka setelah dihantar ke luar bandar. Adakah ini benar; dan nyatakan mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyang): Pada masa ini terdapat seramai 7,083 orang jururawat terlatih berkhidmat di berbagai hospital dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan. Dari jumlah ini, hanya seramai 647 orang sahaja yang telah dilatih dari luar negeri semasa kita belum lagi mengeluarkan jururawat-jururawat yang cukup dari sekolah-sekolah latihan jururawat kita.

Saya belum menerima sebarang aduan mengenai tidak cekap ataupun sikap jururawat-jururawat ini walaupun mereka telah dilatih dari luar negeri. Apa yang perlu kita ingat ialah mereka juga adalah rakyat Malaysia bukannya orang-orang asing. Soalan mereka mempersesuaikan diri dengan keadaan tempatan tidaklah timbul, khususnya sebagaimana jua semua jururawat, tanpa mengira tempat mereka dilatih, mereka adalah dipersesuaikan untuk berkhidmat mengikut keadaan negara ini sendiri.

Jururawat-jururawat terlatih dari luar negeri ini telahpun menyahut seruan kita untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, ketika kita menghadapi kekurangan genting jururawat-jururawat dahulu. Pada keseluruhannya mereka telah memberi perkhidmatan kepada rakyat dengan cekap dan dedikasi.

BEKALAN AIR/LETRIK KEPADA SETINGGAN

21. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat kelambatan dalam meluluskan permohonan untuk memberi bekalan air dan letrik kepada beribu-ribu setinggan di Kuala Lumpur yang telah menyebabkan ketidakselesaian kepada setinggan-setinggan berkenaan terutama sekali memandangkan salah satu matlamat Rancangan Malaysia

Pertama ialah untuk membekalkan kawasan-kawasan luar bandar dengan air dan letrik; apakah benar Wilayah Persekutuan kini dikenakan tekanan politik yang hebat dan disebabkan itu borang-borang permohonan bekalan air dan letrik terpaksa ditaja oleh partai-partai Komponen Barisan Nasional. Bolehkah Menteri berkenaan menerangkan 'demarcation' di antara perkhidmatan awam dengan penguasaan politik dalam pentadbiran di Dewan Bandaraya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, membekalkan air dan letrik kepada kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan tidak ada hubungan dengan Rancangan Malaysia Pertama atau rancangan membekalkan air dan letrik di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu adalah tidak wajar membandingkan kawasan-kawasan setinggan dengan kawasan-kawasan luar bandar kerana Kerajaan mempunyai dasar-dasar dan perancangan tertentu dan tersendiri terhadap setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan.

Adalah tidak benar Kementerian Wilayah Persekutuan dikenakan apa-apa tekanan politik yang hebat, yang ada berlaku hanyalah permintaan-permintaan persahabatan (friendly requests) dari parti-parti Komponen Barisan Nasional yang senantiasa berusaha membawa kebajikan kepada rakyat. Penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan terutama setinggan-setinggan sudah mula menyedari bahawa parti-parti Komponen Barisan Nasional sudah terbukti jasa mereka dan berkesan pula di dalam memajukan permohonan mereka kepada Kerajaan. Oleh sebab itulah Barisan Nasional senantiasa diminta menaja permohonan-permohonan untuk mendapatkan letrik dan air bagi kawasan-kawasan setinggan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bekalan api dan air untuk kawasan setinggan yang dikemukakan kepada Dewan Bandaraya adalah diproses mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan terlebih dahulu sebelum ianya diluluskan. Di antara syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi sebelum permohonan

bekalan letrik dan air diluluskan oleh Dewan Bandaraya ke kawasan-kawasan setinggian ialah dipastikan terlebih dahulu kawasan-kawasan setinggian yang memohon tidak terlibat dengan sebarang projek pembangunan Kerajaan ataupun kawasan-kawasan tersebut tidak dimiliki oleh orang-orang perseorangan/pihak swasta. Oleh yang demikian, siasatan rapi adalah diperlukan sebelum satu-satu keputusan memberikan kebenaran diambil. Atas sebab-sebab inilah maka kadangkala mengambil masa.

Mengenai kelulusan bekalan api dan air juga Dewan Bandaraya hanya memberi kelulusan dasar dan yang melaksanakan ialah Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Kerja Air, Selangor. Dari segi teknik pula kawasan setinggian sememangnya sukar untuk dimasukkan bekalan api dan air oleh kerana keadaan rumah terlalu sesak dan tempat membina 'sub-station' dan sebagainya tidak dapat diadakan. Bekalan letrik dan air ke kawasan-kawasan setinggian juga akan bergantung kepada peruntukan yang ada.

PELABUHAN MIRI— PENDARATAN BARANG-BARANG

22. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pada masa ini pendaratan barang-barang di pelabuhan Miri terpaksa melalui 6 atau 7 peringkat dan ini menimbulkan banyak kelewatan dan sekiranya betul dapatkah peraturan-peraturan kastam dimudahkan atau satu sistem yang lebih sempurna untuk tindakan pemeriksaan dan penilaian dapat dirancang untuk mempercepatkan lagi pengimportan barang-barang.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Adalah tidak benar bahawa pendaratan barang-barang di pelabuhan Miri terpaksa melalui 6 atau 7 peringkat dari segi peraturan Kastam kerana peraturan Kastam yang dipakai di Miri adalah sama dengan peraturan yang dipakai di lain-lain pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Pengimport hanya perlu untuk mengikrar barang-barang yang diimport oleh mereka dan membayar apa-apa

cukai yang kena dibayar sebelum barang-barang tersebut dilepaskan dari kawalan kastam. Mungkin masalah yang dihadapi oleh pengimport ialah untuk mendaratkan barang-barang mereka dari kapal ke atas dermaga tetapi perkara ini tidak ada kena mengena dengan peraturan kastam. Mengenai pemeriksaan dan penilaian barang-barang pula cara yang sama adalah diamalkan di Miri sepertimana yang diramalkan di Semenanjung Malaysia. Tidak ada masalah yang dihadapi di Semenanjung Malaysia sendiri dalam perkara ini.

PANGGILAN TERUS DAIL (STD) KE BRUNEI

23. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa panggilan terus ke Singapura dan Brunei tidak dapat dibuat dari Sarawak walaupun orang-orang di negeri-negeri tersebut dapat menalefon kita secara automatik dan bilakah sistem ini akan dilancarkan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanggan-pelanggan telefon di Sarawak akan dapat menikmati kemudahan panggilan sendiri terus dail (STD) ke Negeri Brunei mulai esok hari (25.3.1981).

Pelanggan-pelanggan Sarawak yang ingin menghubungi pelanggan-pelanggan di Singapura, pada masa ini terpaksa mendapat bantuan telefonis Antarabangsa. Perkhidmatan STD ke Singapura dari Sarawak masih belum dapat dilaksanakan lagi kerana beberapa sebab teknikal yang harus diselesaikan.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat bahawa pelanggan-pelanggan di Negeri Brunei (sebelum 25.3.1981); dan Singapura dapat menghubungi secara terus dengan pelanggan di Sarawak adalah tidak benar.

PELARIAN FILIPINA

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau telah mengambil langkah-langkah untuk membincangkan isu pelarian Filipina dengan

Kerajaan Filipina. Jika benar, beri penerangan, jika tidak mengapa?.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, masalah pelarian orang-orang Filipina itu ada kaitan dengan masalah situasi di Filipina Selatan yang mana penyelesaiannya sedang diusahakan oleh Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam. Dalam konteks ini, sebarang langkah untuk mengatasi masalah pelarian orang-orang Filipina itu, sewajarnya diusaha bersama, dengan Pertubuhan yang tersebut.

TELEGRAM KE LUAR BANDAR— KELAMBATAN

25. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa telegram yang dihantar ke kawasan luar bandar selalunya lewat sampai dan jika ya sama ada beliau bercadang hendak menambahkan lagi bilangan penghantar-penghantar cepat untuk menghantar telegram ke kawasan luar bandar.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Kementerian saya memang sedar bahawa penghantaran telegram ke kawasan-kawasan luar bandar kadangkala mengalami sedikit kelambatan. Walau bagaimanapun, kejadian seperti ini adalah amat sedikit sekali.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Telekom mempunyai tatacara khas bagi menghantar telegram-telegram ke alamat di kawasan luar bandar. Terdapat dua cara penghantaran telegram ke kawasan luar bandar iaitu:-

- (a) *Melalui Penghantar Telegram:* Penghantar-penghantar Telegram akan menghantar semua telegram yang diterima di Pejabat Telegraf ke kawasan-kawasan yang alamatnya berada dalam lingkungan 10 batu dari Pejabat-Telegraf berkenaan; tetapi sekiranya isi kandungan telegram tersebut tergolong dalam katogeri 'kecemasan-segera Penghantar Telegram akan menyampaikannya segera

walaupun di luar kawasan (lingkungan 10 batu).

- (b) *Melalui Posmen:* Di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai Pejabat Telegraf, hantaran telegram akan dibuat melalui Pejabat-pejabat Pos yang berdekatan. Had kawasan hantaran telegram yang dijalankan oleh pihak Perkhidmatan Pos ialah untuk alamat-alamat yang berada dalam lingkungan 2 batu dari Pejabat Pos. Sekiranya isi kandungan telegram berkenaan tergolong dalam katogeri 'kecemasan-segera pihak Perkhidmatan Pos akan berusaha menyampaikannya dengan cara menghubungi pihak-pihak Polis, Penghulu, Sektor-sektor Rukun Tetangga, Balai Raya atau orang ramai yang mengetahui alamat penerima. Di samping itu juga pihak Jabatan Telekom akan mengupah \$1.00 untuk satu unit telegram kepada sesiapa yang sanggup menyampaikan telegram kepada penerima sebenar apabila didapati terlalu sukar untuk menghubungi penerimanya. Kepada telegram-telegram biasa pula, pihak Perkhidmatan Pos dengan budi-bicaranya boleh menyampaikan telegram-telegram tersebut kepada penerima dengan cara meminta pertolongan dari pihak polis, Penghulu, Rukun Tetangga dan sebagainya.

Untuk Makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian saya masih lagi belum mempunyai tatacara alternatif bagi mengganti sistem Hantaran Telegram yang ada sekarang, kerana pada pandangan Kementerian saya tatacara yang diamalkan ini adalah sesuai dengan keadaan tempatan dan masih praktikal.

TEKSI PANDU SENDIRI MEMPUYAI PEMANDU SIMPANAN

26. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah peraturan telah dibuat membolehkan pemandu teksi bagi permit 'pandu sendiri' menggunakan pemandu

simpanan semasa keuzuran atau waktu rehat, bagi penggunaan sepenuhnya teks tersebut dan tidak merugikan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kementerian saya telahpun mengkaji perkara pemandu kedua bagi teks-teksi yang dilesenkan di bawah dasar pandu sendiri dan mendapati perlunya diberi sedikit kelonggaran di dalam melaksanakan dasar tersebut. Peraturan sedang dibuat bagi membolehkan pengusaha-pengusaha teks pandu sendiri memohon kebenaran Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan menggunakan seorang pemandu simpanan/pemandu kedua. Di dalam melaksanakan kelonggaran ini, Kementerian saya akan meneliti permohonan-permohonan mengikut keperluannya kerana ditakuti nanti peluang seperti ini akan digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk memajak permit-permit yang diberikan yang mana akhirnya akan menjejaskan matlamat dasar pandu sendiri tersebut.

RAKYAT MALAYSIA MELAWAT NEGERI CHINA

27. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar polisi Kerajaan ialah tidak suka rakyat keturunan China mengunjungi Negeri China atau melawat kerabat mereka di sana; jika tidak, mengapa seorang tua keturunan China gagal mendapat Visa China sungguhpun beliau telah membuat permohonan pada bulan Mac, 1979 dan nyatakan tempoh masa yang diperlukan oleh Menteriannya untuk memproses dan melulus sesuatu permohonan visa China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China adalah hubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan dan bukan antara rakyat dengan rakyat. Kerana adanya dasar Parti Komunis China masih menyokong perjuangan Parti Komunis di negara ini seperti apa yang dikatakan oleh Teng Hsio Peng di Bangkok waktu lawatannya baru-baru ini maka Kerajaan terpaksa memandang soal lawatan warganegara Malaysia ke negara China dengan terbatas.

Mengenai permohonan melawat saudara-mara di Republik Rakyat China, Kerajaan membenarkan warganegara Malaysia melawat saudara-mara yang rapat di atas dasar belas kasihan jika permohonan itu disokong dengan bukti-bukti yang sah dan mencukupi serta lawatan itu tidak akan menimbulkan apa-apa implikasi keselamatan.

Saya tidak dapat memberi ulasan lanjut mengenai permohonan seorang tua keturunan China melawat Republik Rakyat China sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat memandangkan tidak ada butir-butir lanjut mengenainya.

“TAMIL MALAR”—HUKUMAN

28. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah hukuman yang telah dikenakan kepada akhbar Tamil Malar kerana menyiarkan rencana yang memburukkan agama Islam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Hukuman-hukuman yang telah dikenakan kepada akhbar Tamil Malar kerana didapati menyiarkan rencana yang memburukkan agama Islam dan boleh memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam ialah:

- (a) Kementerian telah menarik balik permit akhbar semenjak 29 Mac 1980 dan sehingga hari ini akhbar ini tidak dikeluarkan lagi.
- (b) Ketiga-tiga orang pengarang yang bertanggungjawab menyiarkan artikel tersebut telah didakwa di Mahkamah pada 12-3-1981. Ketiga-tiganya mengaku salah dan telah didenda sebanyak \$2,000 seorang.

PAKAR PERUBATAN TEMPATAN

29. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan kita mempunyai kepercayaan terhadap pakar-pakar perubatan tempatan. Kalau ada, mengapa Perdana Menteri kita pergi menjalani pembedahan di London; kalau

tidak, berilah sebab-sebab mengapa Kementerian beliau masih belum dapat mengupah pakar bedah jantung atau membuat sesuatu supaya pakar-pakar bedah itu tidak meletakkan jawatan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kerajaan memang mempunyai segala keyakinan terhadap kebolehan dan kemahiran ikhtisas pakar-pakar perubatan dan doktor-doktor tempatan di negara ini, Walau bagaimanapun, pada masa-masa tertentu adalah perlu juga bagi kita untuk mendapatkan perkhidmatan perunding-perunding dan pakar-pakar perubatan dari luar negeri khususnya bagi kes-kes yang rumit di mana kita masih belum lagi mempunyai kemudahan-kemudahan untuk pembedahan-pembedahan yang tertentu. Perkara ini bukanlah suatu perkara yang luar biasa kerana sebilangan pesakit-pesakit dari negara-negara yang telah majupun ada yang masih mendapatkan rawatan di tempat-tempat yang lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dinasihatkan oleh Pakar-pakar Perubatan untuk menjalani pembedahan "coronary by-pass" di London baru-baru ini kerana kita belum lagi mempunyai perkhidmatan kepakaran dalam bidang pembedahan Cardiothoracic buat masa ini.

Kementerian Kesihatan sedang giat merancang penubuhan sebuah Unit Cardiothoracic di Kuala Lumpur bagi menampung kes-kes penyakit jantung pada masa hadapan kelak. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa sebilangan kes-kes ini tidak akan lagi dirujuk ke luar negeri untuk mendapatkan rawatan apabila ianya dianggap perlu dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

KAWASAN SIMPANAN PADANG RAGUT—MEMAJUKAN

30. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak sekali kawasan-kawasan yang telah dijadikan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri sebagai kawasan simpanan padang ragut yang masih belum dibangunkan. Jika sedar, apakah tindakan yang akan dijalankan

oleh Kerajaan bagi memajukan kawasan-kawasan ini semoga bekalan daging dalam Negara dapat dipertingkatkan dan harganya dapat dikawal diparas yang berpatutan.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Dari pada sejumlah 97,000 ekar kawasan yang dikhaskan untuk rancangan padang ragut, sebanyak 33,000 ekar telah diusahakan, di antaranya 8,000 ekar telah ditanam dengan rumput yang bermutu (improved pastures). Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 30,000 ekar dicadangkan untuk diusahakan dan sebahagiannya akan ditanam dengan rumput yang bermutu rampai (improved pastures).

Ada sebahagian daripada kawasan padang ragut yang tidak begitu sesuai untuk diusahakan kerana kawasannya adalah terpencil dan berbukit-bukit. Bagi kawasan-kawasan yang sesuai, segala usaha akan diambil untuk dimajukan. Selain daripada membuka dan menanam rumput ragut di kawasan ini, tindakan juga telah dan sedang diambil untuk mengusahakan kawasan-kawasan lain, termasuk kawasan persendirian (home plots) dan kawasan tanah terbiar. Sehingga ini 1,460 ekar telahpun diusahakan.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR/ KAMPUNG-KAMPUNG KURANG MAJU

31. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembangunan kawasan luar bandar dan kampung-kampung tradisional di negara ini dari segi ekonomi, sosial dan kemudahan asas seperti hubungan jalanraya, bekalan letrik, air, kesihatan serta pelajaran adalah terlalu ketinggalan dibanding dengan pembangunan di kawasan bandar dan jika sedar, apakah langkah konkrit yang akan diambil bagi mencepatkan pembangunan tersebut sebelum 1990 dan bagi mencapai hasrat ini sama ada beliau bercadang mewujudkan satu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kampung-kampung Tradisional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Kerajaan tidak bercadang untuk

mewujudkan Kementerian yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh sebab pembangunan luar bandar dan kampung-kampung adalah dijalankan oleh beberapa Kementerian. Kerajaan memang sedar kawasan luar bandar dan kampung-kampung adalah kurang maju dari segi ekonomi, sosial dan kemudahan asas berbanding dengan kawasan-kawasan bandar di negara ini. Menyedari akan hakikat ini maka Kerajaan telah merancang dan melaksanakan banyak program dan projek seperti jalanraya, bekalan air, kesihatan, pelajaran dan pemulihan kampung di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang bertujuan bukan sahaja untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut tetapi juga untuk menjamin supaya seluruh rakyat di negara ini dapat menikmati segala faedah dari segi ekonomi, sosial dan kemudahan asas yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Usaha-usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar dan kampung-kampung ini akan terus dipergiatkan lagi di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Bagi menjamin supaya segala program dan projek yang dirancang itu dapat dilaksanakan dengan jayanya, Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-langkah Untuk Mempercepatkan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Negara di mana Jawatankuasa Kabinet ini telah menyediakan satu laporan yang lengkap mengenai langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Salah satu daripada perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini ialah mengenai pengagihan semula sumber-sumber pelaksanaan projek untuk menjamin supaya keupayaan pelaksanaan bagi kawasan-kawasan yang kurang maju dapat diperkuat serta diperkemaskan lagi. Keseluruhan perakuan-perakuan mengenai langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet akan dirasmikan pelaksanaannya sebelum pelancaran Rancangan Malaysia Keempat. Saya percaya dengan pelaksanaan laporan ini pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang bertujuan untuk memberi

menfaat kepada rakyat dapat dipercepatkan pelaksanaannya.

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG— PENYELEWENGAN

32. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rancangan pemulihan kampung tradisi telah diseleweng oleh pihak tertentu yang mana bantuan kayu, atap, zing dan lain-lain diberi hanya bernilai di antara \$400.00 hingga \$500.00. Jika ya, apakah beliau bercadang hendak mengarah pihak yang berkenaan supaya menyasat perkara ini supaya orang kampung tidak ditipu.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Bantuan kayu, atap, zing dan lain-lain bahan yang bernilai antara \$400 hingga \$500 yang diberikan kepada rumah-rumah yang akan dipulihkan di dalam Rancangan Pemulihan Kampung bukanlah satu penyelewengan. Di dalam program Rancangan Pemulihan Kampung, had maksima bantuan yang boleh diberikan kepada sesebuah rumah ialah sebanyak \$1,000.00 dan, bukannya setiap rumah dimestikan diberi peruntukan sebanyak \$1,000.00. Ini bererti nilai sebenar kayu, atap, zing dan lain-lain bahan adalah mengikut keperluan sebenar rumah-rumah yang akan dipulihkan dengan syarat perbelanjaan tersebut tidak melebihi \$1,000.00.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

33. Tuan P. Patto minta Menteri Kebajikan Am menyatakan nama semua pusat pemulihan dadah di negara kita serta bilangan penagih dadah yang telah dirawat dan yang sedang menerima rawatan di sana; jumlah bilangan penagih dadah yang telah dirawat yang kembali ke pusat-pusat tersebut untuk rawatan lagi kerana mereka menjadi penagih dadah semula; dan apakah jenis bantuan yang diberi kepada Pusat Pertolongan (Pusat Pemulihan Dadah), Batu Gajah, Perak.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Kementerian Kebajikan Am menguruskan

empat buah pusat pemulihan dadah seperti berikut:

1. Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu,
2. Pusat Pemulihan Dadah, Besut, Trengganu,
3. Pusat Pemulihan Dadah, Bukit Mertajam,
4. Pusat Pemulihan Dadah, Tampoi, Johor.

Semenjak pusat-pusat ini dibuka dalam bulan Oktober, 1975 hingga 31.12.80 kecuali Pusat di Besut yang hanya dibuka pada bulan Mac, 1979, sejumlah 4,773 orang penagih dadah telah dimasukkan untuk menjalani pemulihan. Jumlah penghuni yang menjalani pemulihan dalam keempat-empat pusat-pusat tersebut pada 16-3-1981 ialah 470.

Jumlah penghuni yang telah dibebaskan daripada pusat-pusat ini dalam tempoh tersebut ialah 4,179 dan dari jumlah ini 203 orang telah dimasukkan semula kerana ketagih dadah iaitu setelah menjalani pemulihan di dalam salah sebuah daripada 4 pusat yang ditadbir oleh Kementerian ini.

Berkaitan dengan bantuan kepada Pusat Pertolongan di Batu Gajah, Kementerian saya tidak memberi bantuan kewangan kepada pusat pemulihan persendirian ini. Walau bagaimanapun, bantuan berupa khidmat nasihat dalam bidang teknik dan iktisas telah diberi dari masa ke semasa apabila diminta. Pusat Pertolongan mendapatkan wang dengan usahanya sendiri dan salah satu daripada sumber kewangannya adalah daripada geran bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Perak. Jumlah geran bantuan yang diterima daripada sumber ini di antara tahun 1974 hingga 1980 ialah \$197,000.

SKIM BANTUAN TANAMAN GETAH DI SARAWAK

34. Tuan Sibat Miut anak Tagong minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa Skim Bantuan Tanaman Getah belum lagi diperluaskan ke beberapa kawasan

pendalaman seperti Long Bulan dan Long Jawi di Belaga dan kenapakah jadi begitu; dan

- (b) Adakah sebarang kemungkinan hendak mengadakan skim bantuan kepada penanam-penanam padi bukit.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad): (a) Saya sedar bahawa buat masa ini Skim Bantuan Tanaman Getah di negeri Sarawak belum dapat diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

- (1) Oleh kerana kesukaran perjalanan ke kawasan tersebut yang hanya boleh dibuat melalui sungai yang sangat merbahaya dan mungkin menyebabkan kerja-kerja penyeliaan yang teratur bagi menghantar bahan-bahan bantuan tidak dapat diwujudkan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kawasan ini tidak ada perhubungan awam yang boleh dilalui untuk menghantar baja, bahan-bahan tanaman dan lain-lain lagi bagi menjayakan skim ini.
- (2) Oleh sebab kawasan ini terlalu jauh dari mana-mana pelabuhan di negeri Sarawak, tambahan pula dengan kesukaran perhubungan awam menyebabkan belanja menghantar baja ke kawasan ini juga mahal.
- (3) Adalah juga menjadi satu masalah bagi membawa benih-benih tanaman ke kawasan ini di mana benih-benih tanaman ini hendaklah ditanam seberapa segera selepas dikeluarkan dari tapak semaian (nursery). Dengan kesukaran perhubungan awam yang tersebut tidak ada jaminan benih-benih semaian itu dapat disampaikan kepada peserta-peserta pada masa yang ditentukan.

Oleh sebab perkara-perkara yang tersebut buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk memperluaskan skim tanaman getah ke kawasan-kawasan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

(b) Sebenarnya bantuan subsidi kepada penanam-penanam padi bukit telah dilaksanakan di Sarawak di mana penanam-penanam padi diberi subsidi baja. Baja dijual kepada mereka dengan harga \$1 bagi tiap-tiap 10 lbs satu bag. Untuk Makluman Yang Berhormat sekiranya baja ini dibeli melalui pasaran biasa harganya \$6 bagi tiap-tiap 10 lbs. Tiap-tiap ketua keluarga dibenarkan membeli sehingga 3 (tiga) bag.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D. Y. M. M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapikan terbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima.” (23hb Mac, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedang menyampaikan jawapannya dan sekarang saya jemput Yang Berhormat menyambung.

3.39 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya dalam Dewan yang mulia ini semalam tentang masalah post-mortem, saya suka menjelaskan bahawa kes-kes medico-legal juga termasuk kes-kes akibat kemalangan apabila timbul masalah tuntutan insurans dan liabiliti, di mana

kematian berlaku secara luar biasa. Oleh kerana sebab-sebab yang tertentu seperti yang saya sebutkan tadi, dukacita bahawa kadangkala Pegawai Perubatan yang berkenaan tidak dapat mengelakkan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka dan di mana diwajibkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes ini mereka telah diberi arahan supaya “post-mortem” dijalankan secepat yang mungkin agar mayat-mayat dapat dikuburkan dengan segera. Sesungguhnya saya bersempati dengan saudara-mara dan sahabat-handai individu yang terlibat dalam kes-kes ini. Namun demikian, saya berharap bahawa mereka akan memahami keperluan ini dan tidak dengan sengaja menyalahkan pihak Polis ataupun Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas-tugas mereka masing-masing.

Berhubung dengan teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda mengenai kesesakan di Hospital Besar Alor Setar, saya suka memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, beberapa projek telah dilaksanakan yang termasuk:

- (i) Pembinaan satu blok wad 4 tingkat;
- (ii) Sambungan kepada Bilik Bersalin;
- (iii) Pembinaan Unit Sakit Jiwa (Mental Health Unit);
- (iv) Perancangan untuk sebuah blok Perkhidmatan Pusat (Central Service Block).

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula, Kementerian telah memasukkan beberapa cadangan termasuk:

- (i) Wad 4 tingkat yang mengandungi 136 buah katil;
- (ii) Kompleks Bersalin yang mengandungi 100 buah katil.

Di samping itu, Kementerian sedang membina hospital daerah baru di Sik, manakala Hospital Daerah di Kulim dan Yen adalah sedang dalam perancangan. Apabila siap kelak, hospital-hospital baru ini akan mengurangkan beban kerja di Alor Setar. Kementerian juga bercadang membina hospital daerah baru di Jitra, Pendang dan Kuala Nerang di bawah Rancangan Malaysia

Keempat. Saya berharap bahawa penduduk-penduduk di sekitar Alor Setar dapat bersabar sehingga projek-projek baru ini dilaksanakan. Saya sendiri menyedari dalam lawatan saya bahawa bangunan hospital Alor Setar ialah bangunan lama, dan kita akan mencuba dengan seberapa dayausaha yang boleh untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di sana. Sukacita juga saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian sedang membina sebuah bot ambulan untuk Pulau Langkawi yang akan digunakan bagi membawa pesakit-pesakit yang serius ke hospital-hospital di Alor Setar di mana yang perlu.

Mengenai teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani mengenai kemudahan sembahyang bagi pesakit-pesakit dan pelawat-pelawat yang beragama Islam di Hospital-hospital Kerajaan, Kementerian menyedari akan keperluan ini dan telahpun mengarahkan semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri untuk mengambil tindakan mengadakan sekurang-kurangnya satu kemudahan tempat beribadat bagi orang-orang Islam di hospital-hospital, di mana yang boleh.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah membangkitkan teguran mengenai kekurangan Pusat-pusat Kesihatan Luarbandar di Sarawak. Sukalah saya memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian bercadang membina sebuah Pusat Kesihatan baru, 30 buah klinik desa baru dan 4 buah pejabat kesihatan di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat. Adalah menjadi dasar Kementerian untuk memberi keutamaan kepada perkembangan perkhidmatan kesihatan luarbandar agar penduduk-penduduknya dapat menikmati taraf kesihatan yang tinggi.

Mengenai cadangan untuk mengadakan kajian semula kemudahan/kelengkapan di Hospital Besar, Kuching, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa memanglah menjadi dasar Kementerian jua untuk membaharui atau menambah alat-alat apabila perlu, di

hospital-hospital Kerajaan. Kementerian sedang merancang penubuhan Unit Rawatan Kanser di Hospital Besar, Kuching, yang akan memberi rawatan radiotherapy untuk pesakit-pesakit kanser.

Di samping rancangan-rancangan untuk membina hospital-hospital dan klinik-klinik, saya ingin menyentuh di sini bahawa Kementerian Kesihatan kini semakin memandang berat jua mengenai beberapa amalan sosial sebilangan rakyat, yang mana ada melalui kejahilan mereka sendiri ataupun kurang sedar tentang kepentingan kesihatan, melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan kesihatan mereka di samping memberi bebanan kepada masyarakat keseluruhannya. Dengan adanya sebab inilah maka saya pada dua tahun yang kebelakangan ini telah menegaskan kepada semua pegawai-pegawai Kementerian yang mempunyai perhubungan dengan orang ramai, tentang perlunya mereka menerangkan kepada orang ramai tentang bahaya-bahaya ini. Kita akan terus mengadakan kempen-kempen kesihatan ini dari masa ke semasa supaya kita semua menyedari bahawa sekalipun beberapa penyakit itu tidak mungkin dapat dielakkan, walau dengan sistem perkhidmatan kesihatan yang terbaik di dunia ini, sebilangan di antaranya sekurang-kurangnya boleh diawasi melalui amalan kesihatan yang wajar. Saya merasa gembira untuk menyatakan bahawa pada keseluruhannya kempen-kempen ini telah disambut baik oleh rakyat.

Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana menunjukkan minat terhadap aktiviti-aktiviti Kementerian Kesihatan dengan membangkitkan teguran-teguran yang membina supaya Kementerian boleh mengambil tindakan sewajarnya. Saya suka memberi jaminan bahawa Kementerian akan terus berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan serta memperbaiki perkhidmatan kesihatan, perubatan dan pergigian di negara ini supaya kesihatan dan kesejahteraan rakyat jelata terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Polis.

Bagi menjawab teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Kangar, Ulu Kinta dan Sungai Petani, ingin saya mengulang di sini bahawa pihak Kerajaan sedang membesarkan tenaga semua bidang pasukan Polis, menambahkan kelengkapan kenderaan dan kemampuan latihan untuk membentasi semua jenis ancaman termasuk kegiatan lanun di laut dan berbagai macam jenis jenayah di darat seperti samun, rompak, curi dan rogol. Rancangan untuk membaiki dan menambah balai polis dan kakitangan polis di balai juga sudah ada dan keputusan telah pun dibuat untuk menambah elaun perjalanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam, Ulu Muda dan Kangar telah mengingatkan Kementerian mengenai penyelewengan dalam bidang ajaran agama dan meminta pihak Kementerian mengawal perkembangan sentimen akibat darinya. Terserahlah kepada rakyat jelata untuk mengajar dan belajar ajaran agama betul bagi satu-satu agama. Majlis Hal Ehwal Ujama Islam di peringkat pusat dan negeri bertanggungjawab penuh dalam hal ini. Pihak Kementerian akan bertindak jika satu-satu ajaran itu disalahgunakan sehingga mengancam keselamatan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Petaling kedua-duanya dari DAP, dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bukan dari DAP, telah mendesak supaya rakan-rakan mereka dibebaskan dari tahanan. Ini terserahlah kepada Lembaga Penasihat dan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk menentukan sama ada mereka masih menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Adalah penting diingat bahawa wakil dari Kota Melaka menyatakan bahawa mereka yang ditahan itu telah dikhianati oleh DAP. Pihak Kementerian dalam melaksanakan tugas tidak terpengaruh dengan pendapat Wakil-wakil dari Kuala Lumpur Bandar dan Petaling ataupun dari Kota Melaka.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, Kepong dan Setapak telah menyentuh mengenai ucapan memerangi gejala dadah. Pihak Polis turut terlibat dalam usaha ini dan sedang giat menambahkan tenaga dan kegiatan dalam Unit Anti-Dadah untuk bergerak secara lebih berkesan. Insya-Allah hasilnya akan kelihatan bertambah hebat dalam sedikit masa lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam dan Damansara telah menimbulkan lagi mengenai pendatang haram dari Indonesia. Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat itu mungkin tidak mengikuti dan memahami jawapan saya yang panjang lebar mengenai perkara ini sewaktu saya menjawab soalan Wakil Keluang pada 18hb Mac, 1981, eloklah Ahli-ahli Yang Berhormat itu menyemak Laporan Perbahasan Parlimen mengenai tajuk berkenaan untuk memahaminya.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu telah meminta supaya dilonggarkan syarat bagi rakyat Malaysia keturunan Cina melawat negeri China. Memandangkan kenyataan Musa Ahmad, maka terbukti bahawa betulnya dasar Kerajaan yang mengawal lawatan rakyat Malaysia ke negeri China. Adalah penting diingat bahawa hubungan Malaysia dengan China adalah di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Matang kerana telah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya membawa balik Musa Ahmad.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor dan Damansara telah mendesak supaya pas lawatan sosial bagi isteri asing dipanjangkan dari 3 bulan ke tahun. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menimbangkan pas lawatan tahun ke tahun bagi warganegara yang berkahwin sebelum 6hb Februari, 1980 dan memohon permit masuk sebelum 6hb Mac, 1980. Peraturan ini masih belum berubah.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah mendesak supaya hukuman gantung yang dikenakan ke atas mereka yang bersalah di bawah ISA digantikan dengan hukuman penjara seumur hidup. Agak anih jika kita perhatikan cara Ahli DAP mengeluarkan

pendapat dalam Dewan ini. Bagi mereka yang dipenjarakan di bawah ISA disuruhnya Kerajaan lepaskan kerana katanya tidak bersalah, bagi yang kena hukum gantung pula disuruhnya Kerajaan ganti dengan hukuman penjara seumur hidup. Apakah pula cadangan DAP bagi mereka yang dikenakan hukuman penjara seumur hidup di bawah ISA?

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bukan sahaja telah mencadangkan supaya undang-undang di negara ini diubah mengikut selera beliau, tetapi telah menyambut baik pertubuhan luar negeri seperti Amnesty International untuk turut membantah atas sebab-sebab perikemanusiaan. Sebagai seorang peguam yang mengetahui undang-undang dan cara undang-undang dibuat dan dikuatkuasakan di negara ini, saya berasa hairan kenapa selalu perkara yang telah diputuskan oleh Parlimen sehingga menjadi undang-undang dibawa kembali ke Parlimen untuk ditukarubah selepas undang-undang itu dikuatkuasakan mengikut proses yang tertentu.

Saya menyedari adanya peguam yang menyarankan supaya ISA diboycottkan kemudian telah turut membela kes-kes ISA dan jika yang dibelanya kalah dalam pengadilan maka mulalah usaha meminda undang-undang dan badan-badan luar dan dalam negeri yang tidak bersangkut-paut dengan proses undang-undang di negara ini turut campurtangan kononnya atas sebab-sebab perikemanusiaan. Adalah penting diingatkan keputusan menggantung orang yang didapati salah di segi undang-undang dan setelah proses rayuan dan pengampunan selesai dilalui bukanlah satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan, malahan kerana sikap perikemanusiaan kita mengadakan undang-undang untuk membela nasib golongan majoriti yang sungguh ramai, yang tidak bersalah dan ingin hidup dalam selamat tanpa keselamatan mereka diganggu dan diancam. Jika usaha mereka dari badan antarabangsa seperti Amnesty International adalah atas dasar perikemanusiaan, maka mereka sepatutnya berusaha untuk menghalang negara mereka masing-masing supaya tidak mengeluarkan berbagai-bagai jenis senjata yang digunakan dalam pertempuran dan peperangan di dunia yang

menyebabkan beribu-ribu dan berpuluh ribu malahan beratus ribu manusia yang tidak bersalah mati terbunuh kerananya, mereka juga perlu menghabiskan umur mereka dengan memberi perhatian kepada perkembangan jenayah pembunuhan dan perompakan yang berlaku secara lebih meluas di ibu-ibu negara dan negara mereka masing-masing. Jika tidak ada senjata yang dibuat di negara mereka yang menjadi pelupur dan kakitangan Amnesty International, maka tidak adalah senjata yang digunakan oleh penjenayah yang terlibat dengan kes-kes ISA, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bolehlah membantu mereka dalam usaha ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sekali lagi telah menimbulkan soalan mengenai ALIRAN. Walaupun ALIRAN nampaknya tidak suka persoalan mengenainya dijawab di dalam Parlimen. Pemimpin-pemimpin ALIRAN ingin kebebasan menjawab di Parlimen disekat walaupun mereka kononnya memperjuangkan kebebasan pendapat. Agak anih bagi golongan yang bermegah dengan kebebasan akademik walaupun dengan usaha yang membakar perasaan orang-orang Melayu tidak suka kepada kebebasan Ahli Parlimen yang menjawab terhadap tuduhan yang dibuat dengan bebas di dalam Parlimen.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang telah tidak menghiraukan keputusan hakim di dalam kes-kes ISA perlu memberi nasihat kepada pemimpin ALIRAN supaya tidak mencari publisiti murah dengan membuang masa keemasan hakim-hakim yang bijaksana untuk mengkaji pertubuhan mereka dengan menubuhkan Suruhanjaya Di-Raja, para hakim kita mempunyai tugas yang lebih penting dan lebih berat. Pemimpin ALIRAN sebagai orang yang kononnya cerdik dan pandai perlu membaca dahulu satu-satu kenyataan di Parlimen dengan teliti sebelum bertindak dengan cara yang gelojoh.

Sebagaimana yang telah saya katakan dalam Dewan ini sewaktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa Suara Revolusi Parti Komunis Malaya selalunya campurtangan dalam isu yang menguntungkan mereka. Sokongan Suara Revolusi tidak semestinya menggambarkan pendirian antara yang menyokong dengan

yang disokong tepat sealiran. Perhitungannya ialah siapa untung, siapa rugi. Siaran PAPRI (Parti Persaudaraan Islam Parti Komunis Malaya) mengenai Islam umpamanya tidak semestinya kerana mereka cintakan Islam. Sebagaimana juga badan-badan yang mengeluarkan buku mengenai Islam tidak semestinya memperjuangkan Islam, begitu juga badan-badan yang mengeluarkan buku mengenai kepimpinan Melayu tidak semestinya mereka kasih kepada Melayu, sama ada satu-satu karya itu dipanggil analisa akademik atau karya jahanam yang memperolok-olokkan kepimpinan Melayu tergantung di pihak mana letaknya hati dan perasaan seseorang yang mengerti, sama ada satu-satu kes itu disokong oleh badan-badan antarabangsa seperti Amnesty International atau tidak bukanlah ukuran betul atau tidak kes itu, mahkamah kita tidak menghakimkan hati dan perasaan, tetapi hati dan perasaan turut menjadi sebab ancaman kepada keselamatan negara.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunjukkan minat kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

3.56 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ~~berbanyak~~ terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan di-Raja.

Saya akan hanya menyentuh beberapa perkara yang perlu dijelaskan sementara teguran, dan lain-lain pandangan yang dibangkitkan akan saya ambil perhatian untuk kajian dan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Dasar Ekonomi Baru adalah digubal bertujuan untuk mewujudkan perpaduan negara

melalui dua strategi iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara dapat diagihkan secara saksama di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Tidaklah dapat dinafikan bahawa kehendak sosio-ekonomi setiap kaum adalah diambil-kira oleh Kerajaan semasa perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan negara. Salah satu daripada strategi di bawah dasar ini ialah rancangan Kerajaan untuk menentukan pencapaian penyertaan bumiputra sekurang-kurangnya 30% dalam sektor pemegang saham menjelang tahun 1990. Di bawah rancangan ini Kerajaan telah melancarkan Skim Pindah-milik Saham Kerajaan kepada bumiputra melalui Skim Amanah Saham Nasional. Kerajaan akan berusaha sedaya-upaya memberi penerangan-penerangan supaya rakyat bumiputra memberi minat yang positif terhadap rancangan ini. Berhubung dengan ini juga saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar iaitu Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang cuba menggagalkan dan menghalang pelaksanaan skim ini.

Mengenai syor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Jabatan Perdana Menteri menggiatkan lagi kempen penerangan mengenai Skim Amanah Saham Nasional, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada Skim Amanah Saham Nasional ini di dalam kegiatan publisiti Kerajaan. Dalam rangka ini setiap jentera publisiti Kerajaan akan digunakan untuk menjelaskan skim ini kepada rakyat agar ianya difahami sepenuhnya oleh mereka supaya bumiputra akan menyokong dan menyertai skim ini.

Dalam rancangan ini seminar-seminar, kursus-kursus dan ceramah-ceramah telah diadakan untuk memberi maklumat yang lengkap kepada Pegawai-pegawai Penerangan, Pegawai Daerah, Pegawai Kemajuan Masyarakat, Pegawai MARA dan lain-lain pemimpin masyarakat supaya mereka dapat memberi penjelasan kepada bumiputra yang lain.

Seminar-seminar dan kursus-kursus ini telahpun dijalankan dalam bulan Februari dan Mac yang lalu yang akan diteruskan lagi. Selain daripada itu juga suka saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kursus orientasi yang lebih mendalam mengenai skim ini supaya semua isu-isu yang berkenaan dapat difahami oleh Pegawai Penerangan telah diatur dan dilaksanakan.

Rancangan ceramah-ceramah dan lawatan-lawatan di kampung-kampung akan dimulakan mulai akhir bulan Mac ini. Melalui ceramah-ceramah ini adalah diharapkan seberapa ramai bumiputra akan dapat memahami skim ini dan akan menyertainya. Di samping itu dengan kerjasama Kementerian Penerangan, aktiviti-aktiviti publisiti telahpun dan akan dipergiatkan melalui radio, televisyen dan juga akhbar.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperurusikan Mesyuarat*

Berhubung dengan perpaduan negara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Kuala Lumpur Bandar, perlu dinyatakan di sini bahawa usaha untuk meningkatkan pencapaian perpaduan negara sememangnya sudah, sedang dan akan terus dijalankan sehingga tercapainya perpaduan itu. Seperti yang telah dijelaskan tadi Dasar Ekonomi Baru adalah digubal untuk menyusun semula masyarakat serta membasmi kemiskinan rakyat. Dengan itu adalah nyata bahawa Dasar Ekonomi Baru itu merupakan hanya salah satu daripada cara untuk mewujudkan perpaduan kaum. Dengan lain-lain perkataan, terdapat banyak lagi rancangan-rancangan Kerajaan serta dasar-dasar yang bercorak sosio-ekonomi, sosio-ethnic dan politik yang kesemuanya diperkuatkan dengan tujuan untuk mewujudkan perpaduan kaum. Dengan yang demikian adalah tidak wajar perpaduan negara diukur atau dipandang semata-mata berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sahaja.

Perlu dinyatakan juga bahawa usaha kearah perpaduan negara merupakan tanggungjawab bersama dan juga satu proses yang memakan masa yang panjang dan

berlanjutan, yakni tempoh pencapaian matlamatnya sukar diramalkan. Dalam konteks ini juga adalah diharapkan supaya Ahli-ahli dari parti Pembangkang, khususnya Ahli Yang Berhormat itu sendiri supaya memahami akan tujuan itu dan turut berusaha mewujudkan perpaduan negara dengan cara menghindarkan diri dari mengkritik dasar-dasar Kerajaan dan lain-lain rancangan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar seterusnya menyatakan tentang ketidakadilan dalam Dasar Ekonomi Baru dengan memberi contoh dalam aspek pelajaran di mana beliau mendakwa Kerajaan telah memberi keutamaan kepada orang-orang Melayu untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi. Dalam hal ini saya ingin sekali lagi menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa dasar Kerajaan memperbanyakkan orang-orang Melayu memasuki pusat pengajian tinggi adalah selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru oleh kerana selama ini iaitu sebelum terlaksananya Dasar Ekonomi Baru, orang-orang Melayu adalah ketinggalan dalam bidang pelajaran tinggi. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah semata-mata untuk mengimbangkan orang-orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi. Oleh yang demikian, perkara seperti ini tidaklah boleh dianggap sebagai tidak adil dan perkara ini sepatutnya tidak dibangkitkan.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa Kerajaan telah gagal membasmi kegiatan-kegiatan rasuah termasuk **rasuah** politik, suka saya **menjelaskan** bahawa usaha-usaha untuk membasmi kegiatan rasuah akan terus dilipatgandakan. Berkaitan dengan ini Biro Siasatan Negara akan terus melancarkan program-program pencegahan dan penambahan keanggotaan BSN sedang dilaksanakan setimpal dengan kelulusan Belanjawan. Di samping itu orang ramai adalah diminta memberi kerjasama dengan lebih giat lagi kepada BSN bagi membasmi gejala rasuah ini.

Mengenai amalan rasuah di kalangan kakitangan Kerajaan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Kuala Lumpur Bandar, adalah dijelaskan iaitu sikap Kerajaan terhadap masalah ini adalah nyata iaitu Kerajaan mahu menghapuskan amalan tersebut. Bagi mencapai matlamat ini beberapa langkah telah diambil termasuk kerjasama dengan BSN yang menjadi agensi utama bagi mengawal dan menjalankan tindakan undang-undang terhadap sesiapa jua yang terlibat. Di samping itu tindakan tatatertib juga diambil terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan yang didapati melakukan rasuah. Hukuman-hukuman yang boleh dikenakan ialah dari peringkat memberi amaran sehinggalah ke peringkat membuang kerja sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Pegawai-pegawai Awam, Kelakuan dan Tata Tertib, Bab "D" 1980.

Selain daripada itu, beberapa langkah telah diambil untuk mendorong kakitangan Kerajaan dengan tujuan untuk menanamkan sikap untuk berkhidmat kepada negara serta mengikis kepentingan diri sendiri melalui langkah-langkah seperti dilancarkan Etika Perkhidmatan Awam sejak 1hb Februari, 1979 dan lain-lain galakan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja dan kelakuan yang baik. Langkah-langkah ini memberi contoh kepada kakitangan lain supaya bekerja dengan lebih tekun dan dedikasi si samping menjauhi sebarang amalan rasuah. Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Am telah diperkemas meliputi aspek-aspek tatatertib dalam Perkhidmatan Awam. Selain daripada itu juga ceramah-ceramah mengenai tatatertib dalam Perkhidmatan Awam telah diberi di semua Jabatan dan Kementerian dengan tujuan untuk menyedarkan kakitangan betapa pentingnya mengamalkan kelakuan yang baik.

Kerajaan adalah memandang secara serius terhadap kakitangan yang sengaja menyeleweng dan melambatkan pelaksanaan projek-projek yang disediakan. Tindakan disiplin yang tegas terhadap beberapa orang pegawai seperti itu telahpun diambil. Tetapi perlu disebut di sini bahawa bilangan mereka amatlah kecil sekali, dengan izin, negligible in number jika dibandingkan dengan sebilangan besar daripada pegawai-pegawai

yang menjalankan tugas pelaksanaan dengan baik dan memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang menyentuh tentang penghantaran pegawai yang cukup ke negeri Perak bagi mengatasi kekurangan pegawai-pegawai untuk menjamin projek-projek pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Adalah dinyatakan iaitu Kerajaan dari semasa ke semasa memberi perhatian bagi pengisian jawatan kosong yang mengendalikan kerja-kerja pembangunan di seluruh negara. Kerajaan akan mengambil tindakan tegas dari semasa ke semasa untuk menghantar pegawai-pegawai yang terlatih dan berpengalaman bagi mengendalikan projek-projek pembangunan. Bagi negeri Perak kekosongan jawatan bagi pegawai-pegawai pentadbir adalah 10% manakala jawatan perkeranian dari Kumpulan 'C' kebanyakannya telah diisi.

Sukacita dijelaskan juga bahawa pengisian jawatan di peringkat negeri adalah diuruskan oleh pentadbiran negeri di mana jawatan-jawatan dari perkhidmatan Jabatan Jurutera Kesihatan, Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya adalah diselaraskan oleh pentadbiran negeri dengan Kementerian dan Jabatan yang mengendalikan jawatan-jawatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menyentuh tentang pencen-pencen yang lambat dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara. Berhubung dengan perkara ini adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk membuat pembayaran pencen kepada seseorang pegawai Kerajaan yang telah bersara selewat-lewatnya sebulan selepas bersara. Perhatian yang berat telah diberikan supaya pembayaran pencen tidak kelewatan dan bagi mereka yang akan bersara apabila mencapai umur wajib tindakan terhadap penyediaan kertas pencen bermula setahun sebelum tarikh persaraan. Sebagai panduan sebuah buku telah disediakan untuk kegunaan Ketua-ketua Jabatan bagi menghuraikan langkah-langkah persiapan bagi seseorang pegawai yang bersara apabila mencapai umur wajib. Sebuah buku panduan lain juga disediakan bagi pesara yang mengandungi maklumat

mengenai persaraan dan persiapan yang perlu. Hasilnya Jabatan Perkhidmatan Awam telah dapat membayar ganjaran dan pencen sebanyak 85% daripada pegawai-pegawai yang bersara mengikut masanya. Untuk baki 15% pencen pendahuluan (interim payment) adalah dibayar sehingga kes-kes mereka selesai dan selepas itu barulah pencen penuh dapat dibayar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menimbulkan dua perkara mengenai Jabatan Peguam Negara iaitu:

- (a) beliau menyentuh tentang kegagalan mencapai penyelesaian terhadap nasib pesalah-pesalah yang telah dihukum gantung dalam pertemuan Majlis Peguam dengan Peguam Negara;
- (b) Ahli Yang Berhormat itu merayu supaya Kerajaan menghentikan pengantungan dan menggantikan hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup.

Bagi menjawab perkara (a) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar bahawa baru-baru ini wakil-wakil Majlis Peguam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis itu telah berjumpa Peguam Negara dan perjumpaan itu tidak memberi apa-apa hasil. Ini adalah kerana apa yang dikehendaki oleh Majlis Peguam dari Peguam Negara adalah sesuatu yang di luar kuasa Peguam Negara. Mereka meminta Peguam Negara menghentikan pengantungan orang-orang yang didapati bersalah kerana memiliki senjata api dan peluru secara haram di bawah Seksyen 57 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Walaupun bagi kes-kes yang berkenaan itu telahpun ada keputusan dari Jumaah Pengampunan supaya hukuman mati diteruskan. Peguam Negara hanya menjadi seorang daripada beberapa orang ahli Jumaah Pengampunan bagi kes-kes keselamatan dan keputusan yang dibuat adalah keputusan Jumaah Pengampunan tersebut dan pihak Peguam Negara tidak ada kuasa mengatasi keputusan itu. Memandangkan kepada keputusan ini tidaklah adil bagi Ahli Yang Berhormat itu mengkritik Peguam Negara sebagaimana yang beliau ucapkan itu. Suka saya menyatakan dalam perkara ini

Peguam Negara telah menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan mengikut undang-undang yang ada.

Akhir sekali ingin saya menegaskan di sini bahawa Jumaah Pengampunan bagi kes-kes keselamatan tidak membuat keputusan secara melulu seperti yang didakwakan. Setiap kes dipertimbangkan mengikut berat ringannya, setiap faktor dihalusi dan keputusan dibuat setelah hal keadaan sekeliling dipertimbangkan dengan mendalamnya. Dalam kes-kes tertentu hukuman mati telah dibatalkan oleh Jumaah Pengampunan dan sebagai gantinya dikenakan hukuman-hukuman yang lebih ringan. Tetapi perlu diingat ini tidak boleh dilakukan pada setiap masa dan dalam setiap kes.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga merujuk kepada kes Tan Tian Peng dan menyatakan bahawa Hakim perbicaraan itu berpendapat bahawa kes itu boleh dipertimbangkan dengan belas kasihan. Bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa Jumaah Pengampunan menghalusi semua aspek kes ini dan timbangan yang teliti telah dibuat sebelum keputusan itu dicapai.

Mengenai perkara-perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, yang saya tidak memberi jawapan saya akan ambil ingatan untuk pertimbangan dan seterusnya peraksanaan mana yang perlu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

4.15 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan atas Titah Ucapan DiRaja 1981. Semua cadangan atau teguran yang ada kaitannya dengan Kementerian saya akan dikaji dengan saksama dan di mana yang difikirkan sesuai dan praktik akan dilaksanakan. Sementara itu ingin saya memberikan sedikit ulasan tentang beberapa perkara yang ada kaitannya dengan Kementerian saya yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Ekonomi Malaysia dijangka akan terus menjadi kukuh dalam tahun 1980 dan 1981 walaupun kedudukan ekonomi antarabangsa dijangka tidak begitu menggalakkan. Keluaran Negara Kasar atau KNK dijangka meningkat pada kadar 8% dalam tahun 1980 berbanding dengan 8.5% dalam tahun 1979. Pada tahun 1981 pula pertumbuhan ekonomi dijangka hanya meningkat pada kadar 7.6%. Ini adalah disebabkan sektor eksport dijangka berkembang dengan kadar yang perlahan kerana permintaan luar negeri dijangka lebih rendah berikutan dengan kedudukan ekonomi antarabangsa yang kurang menggalakkan. Sektor perkilangan negara ini pula dijangka berkembang dengan kadar yang memuaskan dan sektor pembinaan akan terus berkembang dengan pesatnya berikutan dari permintaan yang terus tinggi untuk rumah persendirian dan juga bangunan untuk perusahaan. Oleh itu ekonomi Malaysia dijangka terus menjadi kukuh pada tahun 1981. Asas imbalan pembayaran serta simpanan luar akan juga terus kukuh. Simpanan luar yang pada akhir tahun ini berjumlah \$10.7 ribu juta akan dapat membiayai import tertangguh selama 5½ bulan. Petunjuk-petunjuk ini menunjukkan keteguhan ekonomi negara dan juga Ringgit Malaysia yang mana telah meyakinkan pelabur-pelabur dan juga peminjam-peminjam antarabangsa dalam Ekonomi negara dan Ringgit Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kedudukan Ringgit yang mana nilainya baru-baru ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang diketahui, Ringgit Malaysia tidak lagi berasaskan kepada nilai Dolar Amerika Syarikat. Semenjak bulan September 1975 kita telah menggunakan sekumpulan matawang negara-negara utama yang menjadi rakan perdagangan kita bagi menentukan nilai Ringgit. Cara ini adalah untuk mengurangkan kesan perbezaan nilai matawang-matawang antarabangsa terhadap kadar pertukaran Ringgit supaya kadar pertukaran Ringgit menjadi stabil dalam pasaran matawang asing. Semenjak negara kita menggunakan konsep sekumpulan matawang negara-negara utama bagi menentukan nilai Ringgit hingga bulan Ogos

1980, kadar pertukaran Ringgit adalah pada amnya stabil kecuali dalam tahun 1976 dan 1979 apabila ia menjadi lebih kukuh akibat daripada kedudukan perdagangan Malaysia yang lebih baik pada tahun-tahun tersebut. Dalam bulan September 1980 hingga bulan Mac 1981 nilai Ringgit Malaysia jika dibandingkan dengan sekumpulan matawang-matawang dagangan utama Malaysia atau pun composite mengalami kejatuhan sebanyak 3.3% sahaja.

Nilai Ringgit telah merosot baru-baru ini disebabkan oleh keteguhan dalam nilai matawang-matawang asing yang menjadi sekumpulan matawang bagi menentukan nilai Ringgit, terutama sekali Dolar Amerika Syarikat, Yen Jepun, Dolar Singapura dan Pound Sterling dan lain-lain matawang berkaitan dengan perniagaan antarabangsa. Walaupun Ringgit Malaysia telah mengalami kemerosotan berbanding dengan nilai-nilai matawang Amerika Syarikat, Singapura dan Brunei tetapi ia mengalami keteguhan berbanding dengan nilai-nilai matawang Pound Sterling, Deutschmark dan Swiss Franc. Apabila dibandingkan dengan sekumpulan matawang yang menjadi rancangan ataupun composite bagi menentukan nilai Ringgit, nilai Ringgit hanya mengalami kejatuhan hanya sebanyak 3.3% di antara penghujung bulan September, 1980 sehingga pertengahan bulan Mac tahun ini. Pada 13hb Mac tahun ini umpamanya kejatuhan nilai Ringgit jika dibandingkan dengan matawang yang menjadi rancangan ialah hanya 0.9% sahaja.

Perbezaan dalam kadar pertukaran Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura dan Brunei, tidak harus menimbulkan kebimbangan. Ini adalah perkembangan yang biasa berlaku kepada mana-mana matawang seperti Ringgit Malaysia yang mana nilainya bergantung kepada prestasi sekumpulan matawang asing negara-negara yang menjadi rakan perdagangan negara kita ini. Dolar Singapura telah bertambah kukuh dengan luar biasanya disebabkan oleh kemasukan wang asing dan kadar-kadar faedahnya yang secara relatifnya tinggi di Singapura. Manakala, kedudukan Ringgit ini adalah juga disebabkan oleh pertambahan import yang telah meningkat sebanyak 42% dalam tempoh Januari, hingga September 1980

berbanding dengan penerimaan eksport yang meningkat hanya sebanyak 7% dalam tempoh tersebut. Tambahan pula Ringgit pada lazimnya menjadi lemah pada akhir dan awal sesuatu tahun kerana permintaan yang tinggi terhadap matawang asing untuk menyelesaikan pembayaran akhir tahun dan pembayaran import.

Sayugia saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kejatuhan nilai Ringgit secara amnya dapat memberi faedah kepada ekonomi negara ini. Di antara faedah-faedah ialah, ia akan dapat menolong memajukan eksport terutamanya eksport-eksport yang amat sensitif kepada pertandingan harga seperti minyak kelapa sawit dan barang-barang perkilangan. Ianya juga dapat mengurangkan import terutamanya import barang-barang yang tidak perlu. Di samping itu juga ia akan dapat mengujudkan pendapatan yang bertambah serta peluang-peluang pelaburan dan pekerjaan. Selanjutnya kejatuhan nilai Ringgit dijangka akan tidak menggalakkan import dan pemindahan wang keluar negeri dan dengan ini mungkin akan membawa kepada pembaikan dalam imbalan pembayaran negara kita. Selain daripada itu, petani-petani mungkin akan mendapat faedah daripada kadar pertukaran yang lebih rendah itu melalui harga barang-barangan eksport yang lebih baik.

Berasaskan kepada pernyataan-pernyataan di atas kejatuhan nilai Ringgit berbanding dengan Dolar Singapura ini tidaklah seharusnya diperbesar dan dibimbangkan. Ini adalah kerana sungguhpun Singapura merupakan rakan dagangan yang penting kepada Malaysia tetapi perdagangan kita dengan negara itu masih kecil jika dibandingkan dengan perdagangan kita dengan negara-negara Jepun dan Amerika Syarikat. Perlu ditegaskan bahawa ekonomi negara kita adalah teguh.

Asas kedudukan imbalan pembayaran dan simpanan negara juga terus kukuh. Kedudukan kredit Malaysia adalah di antara yang tertinggi dalam pasaran matawang antarabangsa dan Ringgit Malaysia terus

mendapat keyakinan dari rakan-rakan dagangan utama negara. Ekonomi Malaysia mempunyai asas yang kukuh dan dijangka terus berkembang dengan pesatnya pada masa hadapan. Oleh yang demikian, saya tidak nampak sebarang sebab mengapa kejatuhan nilai Ringgit dalam jangka masa pendek ini boleh menimbulkan kebimbangan dan kurangnya keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengawasi perkembangan nilai Ringgit dan langkah-langkah yang perlu akan diambil jika sekiranya keadaan memerlukan.

Seperti yang saya terangkan tadi kedudukan Imbalan Pembayaran negara mungkin tidak begitu baik seperti yang telah kita jangka memandangkan ekonomi antarabangsa yang kurang menggalakkan pada tahun ini. Sektor eksport misalnya mungkin tumbuh pada kadar yang perlahan oleh kerana kekurangan permintaan dari negara-negara perindustrian yang mana sedang mengalami kemelesetan ekonomi. Di sebaliknya pula import kita semakin bertambah terutama sekali import alat-alat jentera dan pelaburan. Ini adalah suatu perkembangan yang tidak dapat dielakkan oleh kerana negara kita sedang mengalami pembangunan yang begitu pesat. Memandangkan kedudukan ini maka adalah perlu bagi kita untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi memperbaiki keadaan Imbalan Pembayaran terutama sekali dalam bidang perdagangan. Di antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah dengan melebihikan di kalangan rakyat Malaysia penggunaan barang-barang keluaran negara ini ataupun "made in Malaysia goods" kerana terdapat ramai orang-orang kita yang lebih suka membeli barang buatan luar negeri walaupun barang-barang yang tidak kurang mutunya itu boleh didapati di Malaysia. Jika kecenderungan kepada barang-barang tempatan dapat diamalkan, kita akan dapat memperteguhkan lagi kedudukan perdagangan kita. Begitu juga adalah baik jika lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan syarikat penerbangan kebangsaan dan bukan penerbangan asing umpamanya supaya dapat dielakkan wang keluar dari negara kita.

Menyentuh tentang mencadangkan supaya kadar cukai bijih timah disemak semula untuk membolehkan Kerajaan Negeri mendapat lebih hasil dari sumber tersebut, sukalah saya menyatakan iaitu, duti eksport ke atas timah baru sahaja disemak semula dalam Belanjawan tahun 1980 dengan struktur cukai yang berasaskan kepada hasil lebihan dari kos pengeluaran. Rombakan struktur duti ini telah mengakibatkan kehilangan hasil yang dianggarkan sebanyak \$162 juta pada setiap tahun. Struktur baru ini bertujuan untuk membantu perusahaan timah untuk meneruskan, dan jika boleh, memajukan lagi perusahaan utama ini. Sekiranya tidak berbuat demikian perusahaan timah terutamanya lombong-lombong kecil mungkin ditutup dan tidak akan mendatangkan sebarang hasil untuk negara kita.

Yang demikian, Ahli Yang Berhormat tentu pernah mendengar pepatah Ingeris yang berbunyi "Jangan bunuh angsa betina yang bertelorkan emas". Hanya di sini, masalahnya ialah dengan timah dan bukannya emas. Oleh itu menaikkan lagi kadar cukai timah bukanlah satu langkah yang sesuai lebih-lebih lagi dalam keadaan yang menyelubungi industri bijih timah sekarang ini yang sedang mengalami harga pasaran yang lembab berikutan dengan pengumuman Kerajaan Amerika Syarikat untuk menjual 30,000 tan daripada stok simpanannya dalam jangkamasa tiga tahun. Pengumuman ini telah menimbulkan keadaan yang tidak tentu dalam pasaran dunia bijih timah.

Mengenai inflasi saya ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memberi keutamaan yang paling tinggi kepada usaha melawan inflasi dengan langkah-langkah kewangan, langkah-langkah belanjawan dan langkah-langkah pentadbiran. Di antara langkah-langkah ini ialah pemberian subsidi yang berjumlah sebanyak \$1.4 ribu juta dalam tahun 1981 ataupun 10% dari Belanjawan 1981. Subsidi ini meliputi beberapa jenis subsidi untuk barang-barang keperluan dari jenis makanan hinggalah kepada bahan minyak. Daripada jumlah tersebut, \$723 juta adalah subsidi untuk petroliam dan barang-barang

bersangkutan termasuk diesel dan minyak tanah. Subsidi ini adalah diberi untuk mengurangkan kesan-kesan harga minyak yang tinggi ke atas orang-orang awam, pengangkutan awam, pengusaha-pengusaha, nelayan-nelayan dan petani-petani selain daripada itu \$140 juta telah diberi untuk subsidi pertanian dalam bentuk baja, benih dan kelengkapan ladang yang dijangka dapat membantu petani-petani meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan mereka. Banyak lagi langkah-langkah fiskal dan pentadbiran telah dilaksanakan bagi mengurangkan kesan inflasi.

Kerajaan telah memberi beberapa pengecualian cukai serta menanggung subsidi yang besar atas barang-barang perlu sebagai langkah penting untuk meringankan bebanan inflasi atas orang ramai, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Mengenai cukai jualan, barang makanan termasuk buah-buahan tidak dikenakan cukai ini. Selain dari itu kebanyakan peniaga-peniaga kecil telah dikecualikan dari cukai jualan. Dalam Belanjawan 1981 Kerajaan telah mengecualikan cukai jualan bagi peniaga-peniaga yang mempunyai "sales turnover" yang kurang dari \$100,000 dan mengenai bayaran upah pula, yang kurang dari \$20,000. Bagi pengilang-pengilang kain baju, Kerajaan akan mengurangkan cukai jualan yang mereka bayar sekarang atas barang pengeluaran mereka. Sambil itu Kerajaan juga telah menghapuskan duti import bagi hampir-hampir semua barang makanan melainkan barang itu perlu diberi perlindungan import. Misalnya bagi buah-buahan, import duti telah dikurangkan sebanyak 50% dalam Belanjawan 1979 dan 1980 untuk menurunkan harga buah-buahan di pasaran tempatan. Bagi lain-lain bahan makanan seperti susu, minuman ringan, ayam dan telur import duti yang ada ialah untuk memberi perlindungan kepada pengeluaran tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawal harga barang-barang keperluan seperti ini.

Langkah-langkah pentadbiran yang rapi juga telah dilaksanakan seperti kawalan harga ke atas barang-barang keperluan dan juga kawalan ke atas penipuan-penipuan perniagaan, sorok dan pengambilan untung

yang berlebihan melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga (Perletakan Harga oleh Peruncit-peruncit) tahun 1977.

Suka saya menegaskan di sini bahawa subsidi ke atas barang-barang keperluan adalah diberi untuk mengurangkan kesan kenaikan harga kepada orang ramai. Harga barang-barang ini telah menjadi stabil oleh kerana pemberian subsidi tersebut. Tetapi baru-baru ini oleh kerana kos pengeluaran bagi barang-barang keperluan seperti gula dan sebagainya telah meningkat maka adalah sukar bagi harga-harga barang keperluan itu dikekalkan pada paras yang rendah terutama sekali memandangkan harga antarabangsa adalah lebih tinggi. Oleh itu kenaikan harga barang-barang keperluan seperti gula baru-baru ini adalah untuk mengambilkira perkara ini dan juga untuk menggalakkan pertambahan bekalan yang mana dijangka akan dapat mengurangkan tekanan harga bagi barang-barang tersebut.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil itu Kerajaan telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam usaha membendung inflasi. Ini adalah terbukti dari Angka Tunjuk Harga Pengguna yang menunjukkan kenaikan harga pengguna adalah sebanyak 6.7% bagi seluruh tahun 1980. Walaupun inflasi telah meningkat kepada 6.7% bagi tahun 1980 berbanding dengan 3.9% dalam tahun 1979 kadar ini adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan kadar inflasi di negara-negara lain seperti di Singapura 8.5%, Indonesia 15.9%, Negeri Thai 11%, Sri Lanka 21% dan Korea Selatan 27%. Di negara-negara di Afrika dan Latin Amerika kadar inflasi mereka adalah lebih buruk, misalnya di Argentina 159%, Zaire 98%, Peru 67% dan Ghana 54% dalam tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mengelakkan pengaruh-pengaruh dari negara-negara perindustrian utama dalam perkembangan paras harga dalam negeri kerana ekonomi kita ini adalah ekonomi yang terbuka. Kita masih lagi mengimport banyak barang-barang dari luar negeri terutamanya alat-alat pengangkutan dan pelaburan dan juga makanan yang mana memberi kesan kepada paras harga dalam negara. Ini adalah

disebabkan kadar-kadar inflasi di negara-negara tersebut terutama sekali negara-negara yang menjadi rakan perdagangan kita adalah tinggi. Misalnya di Amerika Syarikat kadar inflasi meningkat 12.7%, di negeri Perancis 13.6%, di United Kindom 15.9% dan di Jepun 8.9% dalam tahun 1980. Walau bagaimanapun dengan langkah-langkah kewangan, belanjawan dan pentadbiran yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan kita telah dapat mengurangkan kadar inflasi di Malaysia kepada satu paras yang paling rendah jika dibandingkan dengan kadar inflasi di negara-negara membangun yang lain. Kerajaan sedar betapa buruknya kesan inflasi terhadap usaha kita membangunkan negara dan juga terhadap kehidupan orang ramai. Oleh itu Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan inflasi dan akan tidak teragak-agak melaksanakan apa jua langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan paras inflasi dapat dikawal dan terus berada pada paras yang berpatutan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka merujuk kepada soalan mengenai kontraktor-kontraktor tempatan dan juga pengambilan sab-kontraktor-sab-kontraktor tempatan. Di sini ingin saya menyatakan bahawa perkara seperti yang dibangkitkan itu adalah digalakkan dan Kerajaan sedang mengambil tindakan ke arah matlamat ini.

Kontraktor-kontraktor mempunyai tanggungjawab tertentu untuk menentukan bahawa rancangan Kerajaan adalah terlaksana dalam tempoh yang ditetapkan. Beberapa keputusan dasar telah dibuat untuk menolong kontraktor-kontraktor supaya mereka dapat menjayakan semua rancangan Kerajaan yang dikendalikan oleh mereka. Berasaskan kepada maklum balas dan juga rayuan-rayuan yang telah dibuat oleh Persatuan-persatuan Pemborong-pemborong Binaan, beberapa peraturan tender dan kontrak telahpun diubahsuai selaras dengan kehendak-kehendak semasa. Dalam usaha untuk menolong aliran kewangan kontraktor-kontraktor semasa menjalankan kontrak-kontrak Kerajaan dan untuk menentukan ada kelonggaran dari segi kenaikan harga, sistem tender telahpun ditukar. Di masa yang lepas sistem tender adalah berasaskan kepada harga tetap, tetapi bermula daripada 1-1-1980

Kerajaan telah pun mengeluarkan nisbah perubahan harga yang pada asalnya telah diasaskan kepada 8 bahan-bahan binaan tertentu. Pada pengakhir tahun lepas senarai ini telah pun ditingkatkan untuk meliputi 15 bahan-bahan binaan yang terlibat.

Dengan tujuan untuk menolong kontraktor-kontraktor supaya mereka muncul dan dapat memberi sumbangan ke arah pembangunan negara dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan, kajian sedang dibuat untuk menimbang pembayaran kenaikan harga bagi kontrak-kontrak yang kurang daripada \$5.0 juta yang telah dikendalikan sebelum nisbah kenaikan harga diisytiharkan iaitu bagi kontrak-kontrak yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 1977, 1978 dan 1979 dengan syarat kontraktor tersebut menyiapkan projek yang dikendalikan itu sungguhpun mereka mengalami kerugian memandangkan kepada kenaikan harga bahan-bahan binaan yang berlaku bagi tempoh 1977 hingga 1979. Adalah diharapkan bahawa nisbah kenaikan harga yang meliputi tempoh ini dapat diisytiharkan tidak berapa lama lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk menjawab.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh masalah-masalah pelajaran di negara ini semasa perbahasan Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Saya dapati banyak di antara perkara-perkara yang dibangkitkan itu masih merupakan perkara lama yang diolah dengan cara yang berlainan, yang mana telahpun diberi penjelasan sama ada ketika soal jawab mulut ataupun di dalam ucapan-ucapan semasa mengulas perkara-perkara di perbahasan-perbahasan yang lalu. Saya tidak bercadang untuk mengulas semula perkara-perkara sedemikian. Izinkanlah saya menjawab beberapa perkara saja yang saya

fikir perlu untuk diberi penjelasan selanjutnya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara mengenai kenaikan yuran pelajaran oleh Kerajaan British kepada pelajar-pelajar asing di Britain. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan yuran pelajaran yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar asing oleh Kerajaan British adalah semata-mata kerana keadaan ekonomi negara tersebut. Umumnya diketahui bahawa universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi di Britain bergantung kepada pemberian subsidi oleh Kerajaan dan dengan kemerosotan ekonomi yang dihadapi sekarang maka Kerajaan British telah menarik balik pemberian subsidi tersebut dan dengan itu juga telah mengenakan bayaran penuh (full cost) yuran pengajian kepada semua pelajar-pelajar asing kecuali mereka dari negara ahli European Economic Community.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi tujuan membantu pelajar-pelajar kita yang menuntut di United Kingdom yang mengalami kesulitan dan kerumitan akibat daripada kenaikan yuran pengajian maka Kerajaan telah menubuhkan satu tabung di bawah Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan Pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire. Tabung ini bertujuan khusus untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian ini dan ianya telah mula dikuatkuasakan dalam tahun 1980. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sejak Kerajaan British menaikkan yuran, Kerajaan kita telah mengurangkan bilangan penuntut yang dihantar ke United Kingdom dan menambahkan lagi bilangan penuntut yang dihantar ke Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Canada dan Belgium.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyuarakan mengenai kelambatan menyiapkan bangunan-bangunan sekolah. Sukalah saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedar tentang adanya kekurangan bilik-bilik darjah di beberapa sekolah di dalam negeri ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian ini akan mengambil beberapa tindakan untuk mempercepat pembinaan kemudahan-kemudahan persekolahan terutamanya bilik darjah melalui beberapa langkah-langkah. Pertama, Kementerian ini akan melantik juru perunding (consultant) untuk melaksanakan projek-projek sekolah secara berkelompok sama ada untuk dilaksanakan secara biasa atau secara pre-fab (pasangsiap). Kedua, Kementerian Pelajaran juga sedang menimbang cadangan untuk menyerahkan kepada pihak berkuasa Pembangunan Wilayah dan FELDA untuk membina sekolah-sekolah yang terlibat dalam kawasan-kawasan mereka.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah supaya Kementerian Pelajaran mengadakan rancangan persekolahan satu sesi di sebelah pagi sahaja, memang benar bahawa Kementerian saya berhasrat untuk melaksanakan sistem sekolah satu sesi supaya murid-murid akan mengikuti pelajaran sebelah pagi sahaja. Negeri yang pertama yang akan mengamalkan sistem sekolah satu sesi di sebelah pagi sahaja ialah negeri Melaka seperti yang telah diumumkan dalam bulan Februari 1981 ini. Rancangan sekolah satu sesi ini akan diperluaskan ke negeri-negeri lain dari masa ke semasa secara berperingkat-peringkat dan mengikut kecepatan pembinaan sekolah-sekolah dan bilik-bilik darjah yang telah dirancangan oleh Kementerian Pelajaran.

Ahli Yang Berhormat dari Sarikei telah membangkitkan mengenai kekurangan guru-guru di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya jelaskan bahawa lima buah maktab perguruan di Semanjung Malaysia juga melatih guru-guru untuk ditempatkan di negeri Sarawak. Pada masa ini oleh sebab kekurangan calon-calon yang sesuai, maktab-maktab perguruan di Sarawak tidak dapat menggunakan kemampuan latihan yang sedia ada dengan sepenuhnya.

Mengikut iklan pengambilan guru-guru, salah satu syarat untuk melayakkan seseorang calon itu diterima memasuki latihan perguruan ialah mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia. Memandangkan

berlakunya kekurangan calon-calon di Sarawak untuk memenuhi syarat di atas, Kementerian Pelajaran mungkin boleh mempertimbangkan calon-calon yang hanya mendapat Bahasa Malaysia pangkat lulus sahaja di peringkat SPM/MCE ataupun mendapat pangkat kepujian di peringkat SRP/LCE. Walau bagaimanapun calon-calon yang dipilih mengikut syarat-syarat yang telah dipertimbangkan itu, dikehendaki mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia dan lulus Ujian Lisan Bahasa Malaysia di peringkat SPM semasa di dalam latihan. Dengan langkah ini diharapkan jumlah pengambilan calon-calon untuk setiap maktab perguruan di Sarawak dapat dipenuhi.

Berkaitan dengan gesaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, Bachok dan Ulu Selangor supaya matlamat dan penekanan terhadap Kurikulum Baru yang lebih menegaskan kemahiran 3M dilaksanakan dengan sungguh-sungguh, bagi menjamin kejayaan pelaksanaan Kurikulum Baru di sekolah-sekolah rendah, Kementerian saya sedang merancang dan menyusun persediaan-persediaan tertentu dalam beberapa bidang. Dari segi kandungan Kurikulum Baru ini, Pusat Perkembangan Kurikulum di Kementerian ini sedang giat menyediakan bahan-bahan pembelajaran untuk murid dan bahan-bahan pengajaran untuk guru yang mementingkan penguasaan kemahiran-kemahiran asas 3M tersebut. Bahan-bahan ini akan dicuba di 300 buah sekolah-sekolah rendah di semua negeri di Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak mulai tahun 1982. Pengesanan percubaan ini akan dilakukan bersama oleh Kementerian dan semua Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri. Antara bahan-bahan yang sedang disediakan itu termasuklah panduan-panduan guru, buku-buku teks, dan alat-alat pembelajaran untuk murid-murid.

Di samping itu langkah-langkah sedang disusun untuk memberi pendedahan kepada guru-guru dan para pendidik yang lain yang akan memimpin pelaksanaan Kurikulum Baru itu. Krusus-krusus pendedahan tersebut akan mula dijalankan menjelang akhir tahun 1981 dan di sepanjang tahun 1982, dan tahun-tahun berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah disiplin di sekolah-sekolah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Mantin, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian berat ke arah membentuk disiplin yang baik di sekolah-sekolah, dan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan akan diambil oleh Kementerian saya:

- (a) Mengkaji bagaimana mengurangkan bilangan murid-murid di sesebuah darjah.
- (b) Mencuba mengurangkan persekolahan dua sidang atau dua sesi.
- (c) Mendapatkan kerjasama erat dari Persatuan Ibubapa dan guru bagi mengawasi gerakerja mengawal disiplin.
- (d) Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji cara-cara pengajaran dan pembelajaran supaya ia menjadi lebih menarik minat pelajar-pelajar supaya mereka dapat menumpukan perhatian yang penuh terhadap pelajaran.

Sebagaimana yang telah diumumkan baru-baru ini, satu Seminar Disiplin Sekolah telah pun diadakan di Pulau Pinang pada bulan Disember, 1980, dan segala perakuan-perakuan dan keputusan-keputusan di dalam seminar ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

- (a) Menubuhkan Unit Khas Disiplin Sekolah di Kementerian yang bertujuan untuk mengadakan, menyelaras dan menyelesaikan masalah-masalah disiplin pelajar. Ia juga akan mengaturkan Krusus Khas bagi tujuan menguatkan disiplin sekolah-sekolah.
- (b) Menubuhkan Jawatankuasa Disiplin di tiap-tiap sekolah dan daerah di negara ini. Jawatankuasa ini akan diberi kuasa menyelesaikan masalah-masalah disiplin.
- (c) Menerbitkan sebuah buku Panduan Disiplin Sekolah, sebuah risalah disiplin kanak-kanak sekolah untuk

ibubapa dan sebuah buku tatacara untuk melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup sudah penjelasan yang dapat saya beri terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai pelajaran di negara kita ini. Saya sedar bahawa ada di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah tidak saya sentuh di dalam penjelasan saya tadi. Ini tidak bermakna saya tidak mengambil berat terhadap pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah dibuat tetapi Kementerian saya akan mengambil perhatian kepada segala teguran-teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk perancangan dan pelaksanaannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput pula Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Tempatan untuk menjawab.

4.48 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga terlebih dahulu suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perjalanan dan tugas-tugas Kementerian saya, terutamanya mengenai perumahan. Semua teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang ditimbulkan itu akan dikaji dan dipertimbangkan oleh pihak Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, ada menyebutkan rasa keciwanya kerana sehingga hari ini Lembaga Perumahan Negara masih belum tertubuh lagi.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan, setelah meneliti cara mendalam mengenai perkara ini, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa suatu Lembaga Perumahan Negara adalah tidak perlu dibentuk buat pada masa ini. Sebaliknya, satu strategi telah dirangka untuk mempercepatkan pelaksanaan rumah awam

kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Strategi ini yang menyentuh dasar dan konsep perumahan kos rendah, akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama lagi. Jadi buat masa ini saya tidak bercadang untuk menghuraikan strategi-strategi baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Jerai telah bertanyakan mengenai dasar untuk mengatasi masalah perumahan bukan sahaja di bandar tetapi juga di kawasan luar bandar. Dalam hal ini sukacita saya maklumkan bahawa dasar perumahan Kementerian saya adalah meliputi program perumahan awam kos rendah di bandar dan juga di kawasan luar bandar. Dasar ini mengambil kira keperluan rumah di suatu tempat dan tugas untuk menentukan keperluan rumah itu memerlukan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang lebih mengetahui tentang keadaan keperluan perumahan masing-masing. Dalam hal ini kebanyakan projek perumahan adalah terletak di bandar-bandar di mana keperluan rumah adalah lebih mendesak. Sungguhpun program perumahan awam kos rendah tidak begitu tertumpu perhatiannya kepada kawasan-kawasan luar bandar tetapi sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa lain-lain agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, DARA, Jabatan Orang Asli, Lembaga Tanah Sabah, Lembaga Tanah Sarawak dan sebagainya serta juga Skim Pinjaman Perumahan di bawah Kementerian saya ada menyediakan kemudahan perumahan dan kemudahan pinjaman perumahan untuk mereka yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Padang, Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang dikendalikan oleh Kementerian saya melalui Jabatan Perumahan Negara adalah bertujuan untuk membantu kesemua golongan berpendapatan rendah memiliki rumah termasuk pekerja-pekerja ladang dan estet. Bagi maksud ini Skim tersebut telah dibahagikan kepada 4 jenis iaitu:-

Skim A : Pekerja-pekerja yang tinggal dan mempunyai tanah

dipersekitaran sesuatu estet perindustrian atau tinggal dan mempunyai tanah berhampiran dengan kawasan punca-punca pendapatan.

Skim B : Bagi penduduk-penduduk kampung baru yang ada tanah.

Skim C : Bagi pekerja-pekerja estet dan lombong yang ada tanah berdekatan dengan tempat pekerjaan mereka.

Skim D : Bagi setinggan-setinggan yang terlibat dalam kawasan-kawasan yang akan dijalankan projek-projek Kerajaan dan mereka diberi tapak perumahan yang baru.

Dari keempat-empat jenis Skim di atas, Skim C adalah dituju khas kepada pekerja-pekerja estet dan lombong. Dengan ini jelaslah bahawa Kementerian saya juga memberi perhatian berat kepada ke semua golongan berpendapatan rendah termasuk pekerja-pekerja lombong dan estet.

Setakat ini sebanyak \$1,227,750 jumlah pinjaman telah diluluskan di bawah Skim C.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga telah menggesa Kementerian saya supaya mengadakan dialog dengan Kerajaan-kerajaan Negeri terutama dalam hal-hal seperti zoning kawasan perumahan. Kementerian saya sememangnya sering mengadakan dialog dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan perumahan terutama sekali Perumahan Awam Kos Rendah. Mengenai zoning kawasan perumahan, persediaan pelan struktur telahpun dikendalikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang juga di bawah Kementerian saya yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat. Pada masa ini kajian-kajian sedang dibuat bagi kawasan-kawasan Majlis Perbandaran Kota Star, Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Kota Bharu. Aspek-aspek perumahan adalah diambilkira dalam kajian-kajian pelan-pelan struktur tersebut. Kementerian saya juga mempunyai program-program untuk menyediakan lima lagi pelan-pelan struktur

bagi kawasan-kawasan Majlis Perbandaran Ipoh, Johor Bharu, Melaka, Kuantan dan Butterworth. Di samping pelan-pelan struktur ini, pelan-pelan zoning dan pelan-pelan tata-aturlah ada disediakan oleh pihak-pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan Jabatan-jabatan Perancang Bandar dan Desa di peringkat negeri bagi kawasan-kawasan perumahan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap tugas-tugas yang melibatkan Kementerian saya terutamanya mengenai perumahan. Lain-lain perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana tidak sempat saya memberi penjelasan atau ulasan di sini akan diteliti dan diberi pertimbangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka terhadap Kementerian saya serta memberi pandangan dan syor-syor bagi pertimbangan Kementerian saya. Saya tidak berhajat untuk menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, izinkanlah saya mengulas beberapa pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Ramai dari Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal kenaikan harga barang-barang keperluan khususnya mengenai gula, simen dan susu pekat. Sukacita saya jelaskan di sini sekali lagi bahawa oleh kerana ekonomi negara kita adalah bercorak ekonomi terbuka adalah mustahil bagi negara kita mengasingkan diri dari keadaan ekonomi dunia. Oleh kerana ekonomi dunia kini sedang menghadapi tekanan inflasi sudah pasti ia akan membawa kesan yang sama kepada negara kita. Tambahan pula, kos tenaga telah meningkat dari satu tahun ke

satu tahun berikutan dengan keputusan OPEC meninggikan harga minyaknya. Industri-industri yang terpaksa bergantung kepada minyak sebagai sumber tenaga sudah pasti tidak dapat mengeluarkan barang-barang pada kos yang rendah. Inilah sebabnya harga barang-barang keperluan telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat setengah-setengah golongan rakyat di negara ini yang masih belum dapat menerima hakikat bahawa negara kita tidak dapat mengasingkan diri dari keadaan yang berlaku di seluruh dunia di mana sekarang ini dilandai oleh inflasi. Mereka ini tidak sedar atau tidak mahu sedar mengapa harga barang-barang keperluan di negara kita terpaksa dinaikkan kadangkala sehingga dua kali dalam masa setahun. Oleh kerana kita perlu mengimport setengah-setengah bahan mentah barang-barang keperluan seperti minyak mentah untuk barang-barang petroleum, gula mentah untuk gula pasir, gandum untuk tepung gandum dan sebagainya adalah mustahil pekilang-pekilang mengimport bahan-bahan mentah ini pada kos yang tinggi dan menjualnya pada paras harga yang merugikan. Untuk membolehkan kilang-kilang ini terus mengeluarkan barang-barangan itu mereka perlu menerima satu pulangan yang berpatutan. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya pernah diberitahu oleh pengeluar-pengeluar bahawa mereka tidak dapat meneruskan pengeluaran barang-barang itu kerana mereka tidak dapat terus menanggung kerugian jika Kerajaan tidak menaikkan harga barangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan seperti yang tersebut di atas langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah untuk mengurangkan kesan inflasi ini melalui kawalan harga di mana pengeluar-pengeluar hanya dibenarkan menaikkan harga dengan kadar yang paling minima untuk menampung kenaikan kos pengeluaran. Untuk setengah-setengah barang di mana pengeluar-pengeluar tidak dapat menyerapkan sebahagian dari kenaikan kos bahan mentah dan di mana Kerajaan berpendapat kenaikan yang terpaksa diberi adalah terlalu tinggi sehingga boleh mengancamkan kestabilan

dan pembangunan ekonomi negara Kerajaan terpaksa memberi subsidi. Pada tahun 1980 sahaja, jumlah subsidi yang diberi ialah lebih kurang \$1,400 juta.

Rakyat perlu sedar bahawa Kerajaan tidak berkemampuan untuk memberi subsidi selama-lamanya dengan tidak terhad atau kepada semua barang perlu sehingga tiada kenaikan harga berlaku. Kerajaan perlu juga menggunakan pendapatan negara untuk membiayai projek-projek pembangunan dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial. Di sini sukalah saya mengulang bahawa pengguna-pengguna hendaklah memainkan peranannya dalam membendung inflasi. Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak perlu harus dikurangkan dan janganlah bertindak "panic buying".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengguna-pengguna di Malaysia harus berasa bangga kerana dengan adanya langkah Kerajaan dalam mengawal harga serta pemberian subsidi, negara kita telah dapat membendung inflasi pada satu kadar yang rendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar yang terdapat di negara-negara lain termasuk negara-negara perindustrian.

Dalam keadaan di mana ekonomi negara sedang menghadapi tekanan inflasi, sudah tentu segelintir peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab cuba mengeksploitasikan keadaannya. Ini berlaku di mana-mana negara juga. Langkah yang Kerajaan boleh ambil ialah mengurangkan perbuatan ini tetapi langkah ini hanya akan membawa kesan jika pengguna-pengguna memberi sokongan dengan melaporkan perbuatan itu kepada Kerajaan serta memulau kedai yang menjual pada paras harga yang tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang harga dan bekalan gula. Antara syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah supaya Kerajaan mengurangkan harga gula. Seperti yang saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan sedang mengawasi harga gula yang akan diimport oleh kilang-kilang gula dan jika harga gula yang diimport turun Kerajaan akan mengkaji semula harga gula di negara ini.

Mengenai syor-syor beberapa orang Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan membuat kajian yang teliti sebelum menaikkan satu-satu harga barang, sukalah saya menjelaskan sekali lagi bahawa semua permohonan menaikkan harga barang-barang kawalan adalah dikaji dengan teliti oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah meminta Kerajaan mengimport lebih banyak lagi gula mentah. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kilang-kilang gula akan mengimport kira-kira 485,000 tan metrik gula mentah dalam tahun ini. Berdasarkan kepada anggaran yang dibuat oleh Kementerian saya, jumlah ini adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengawasi kegunaan gula di negara dan jika perlu mengarahkan kilang-kilang gula tempatan mengimport lebih banyak lagi gula mentah. Kilang Gula Felde Perlis telah dibenarkan mengimport 14,000 tan metrik gula mentah di bawah kontrak jangka panjang dengan Australia, manakala Gula Padang Terap telah memberitahu Kementerian saya pihaknya tidak berkeupayaan untuk mengimport gula mentah di bawah kontrak tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Harga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun memberitahu keputusan Kerajaan terhadap syor di Dewan yang mulia ini pada penggal persidangan yang lalu iaitu syor ini tidak dapat diterima kerana kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Suruhanjaya seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun saya perlu mengulang lagi bahawa Kerajaan buat masa ini adalah berpuashati dengan jentera-jentera yang sedia ada untuk menentukan kenaikan harga beberapa barang-barang perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang menjalankan amalan-amalan perniagaan yang tidak bertanggungjawab. Sukacita saya memaklumkan bahawa untuk mengenakan sebarang tindakan ke atas peniaga-peniaga yang mengeksploitasikan keadaan harga

sesuatu barangan yang harganya ditetapkan oleh Kerajaan seperti harga simen, Kementerian saya perlulah mendapatkan bukti dan keterangan yang konkrit. Ini boleh dilaksanakan dengan pihak-pihak yang dikenakan bayaran yang lebih membuat laporan dengan serta-merta kepada pegawai-pegawai Kementerian saya bagi membolehkan tindakan yang segera diambil untuk mencari dan mendapatkan segala bukti yang boleh digunakan sebagai keterangan bagi mendakwa pihak-pihak yang berkenaan. Tindakan-tindakan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bukan sahaja boleh diterima tetapi boleh dipraktikkan jika ada mana-mana pihak yang dieksploitasi sanggup tampil ke hadapan dengan bukti yang cukup. Dalam hubungan ini, adalah diharapkan supaya maklumat-maklumat seperti ini disalurkan segera ke pejabat cawangan Kementerian saya untuk diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda mengenai dengan penubuhan kilang baharu bagi menampung sebarang kekurangan adalah merupakan satu tindakan jangka panjang dan Kerajaan memang telah memberikan perhatian terhadap perkara ini. Untuk menyelesaikan kekurangan dengan tindakan jangka pendek, Kerajaan juga mempunyai cadangan untuk membuat pengimportan simen secara pukal (bulk) daripada negara-negara jiran untuk kegunaan negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pengimportan simen daripada luar negeri adalah bebas dan hanya tertakluk kepada pembayaran cukai yang nominal.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh syor Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan memperkenalkan satu Akta Pelindung Pengguna yang komprehensif, Kementerian saya merasa Akta seperti itu adalah tidak perlu bagi masa ini. Ini adalah kerana kini telah terdapat tidak kurang dari 24 Akta yang mengandungi peruntukan-peruntukan tertentu untuk melindungi kepentingan pengguna. Akta-akta tersebut yang dikuatkuasakan oleh Kementerian/Jabatan berkenaan menyentuh bidang perlindungan pengguna yang luas seperti harga dan bekalan, mutu dan keselamatan

dan amalan perniagaan. Di antara undang-undang itu, terdapat beberapa undang-undang khususnya Akta Perihal Dagangan, 1972 yang boleh disifatkan sebagai akta pelindung pengguna yang agak komprehensif. Akta ini merangkumi sebahagian besar aspek perlindungan pengguna yang boleh dibandingkan dengan undang-undang yang sama di beberapa negara yang lain. Justeru itu, langkah-langkah sedang diambil sekarang untuk meminda Akta Perihal Dagangan ini dengan tujuan memperkuatkannya supaya dapat memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sahaja tidak akan dapat melindungi kepentingan pengguna sepenuhnya tanpa sokongan dan kerjasama pengguna-pengguna sendiri. Malahan perlindungan pengguna yang terbaik sekali ialah pengguna-pengguna sendiri. Pengguna-pengguna sendiri hendaklah lebih cergas dan berwaspada dalam segala tindak-tanduk mereka dan janganlah semata-mata menyerahkan segala-galanya kepada Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mengesyorkan supaya diadakan Tribunal Tuntutan Pengguna (Consumer Appeal Tribunal) untuk melayani tuntutan-tuntutan dari para pengguna. Tribunal seperti ini, pada pendapat Kementerian saya, adalah tidak perlu pada masa ini. Jentera pentadbiran hal ehwal pengguna yang sedia ada sekarang adalah didapati mencukupi untuk mengendalikan aduan dan tuntutan para pengguna. Bahagian Hal Ehwal Pengguna di Kementerian saya telah dan akan sentiasa bersedia menolong pengguna-pengguna menyelesaikan aduan-aduan dan tuntutan-tuntutan mereka. Malahan aduan-aduan yang diterima oleh Bahagian ini didapati semakin bertambah dari setahun ke setahun dan kebanyakan daripadanya dapat diselesaikan dengan kerjasama kedua-dua pihak syarikat dan pengguna. Ini menunjukkan bahawa pengguna-pengguna sekarang telah mempunyai kepercayaan atas kebolehan dan keupayaan jentera pentadbiran hal ehwal pengguna yang ada sekarang, dan dari itu Tribunal Tuntutan Pengguna tidaklah diperlukan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Agensi atau Lembaga Khas untuk mengendali dan mengedar semua barang-barang keperluan. Sukacita saya jelaskan di sini bahawa cadangan ini adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara kita yang mengamalkan sistem ekonomi bebas. Selain daripada itu sekiranya Kerajaan mengambilalih semua kegiatan pengedaran dan pembekalan barang-barang keperluan, tidak ada jaminan kekurangan tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan saya terhadap cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Walaupun saya hanya memberi ulasan kepada setengah-setengah dari pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, ini tidak bermakna cadangan-cadangan yang lain tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sebaliknya saya ingin memaklumkan bahawa semua cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan dalam membuat apa-apa keputusan oleh Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk menjawab.

5.05 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas teguran dan pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Segala pandangan dan teguran akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab secara menyeluruh terhadap beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan Jerai mengenai Dasar Pertanian Negara. Dasar Pertanian Negara adalah prospektif plan yang akan menentukan pembangunan negara dalam usaha-usaha pertanian ke arah tahun 1990. Dasar ini akan meliputi bidang

pengeluaran petanian dan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negara di samping meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan, menjamin pengeluaran makanan negara, mengurangkan kadar import bahan makanan, menyediakan luang-luang pekerjaan dan meningkatkan nilai-nilai pemakanan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pengubalan Dasar Pertanian Negara sedang di dalam perbincangan pihak Jawatankuasa Kabinet dan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah membincangkan mengenai dasar ini secara terperinci bila diumumkan kelak. Kerjasama terutamanya dari semua pihak yang terlibat iaitu Kerajaan Negeri dan sektor-sektor swasta di dalam pelaksanaan dasar-dasar nanti sangatlah diharapkan, ini termasuklah dari segi kegunaan tanah.

Perkara kedua, yang ingin saya jelaskan ialah mengenai saranan yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kangsar mengenai pertambahan pegawai dan kakitangan dibidang pertanian terutamanya di lapangan khidmat nasihat. Projek Perkembangan Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan perkembangan Jabatan-jabatan Pertanian Negeri dengan menambahkan Pegawai-pegawai Pertanian untuk menjalankan kerja-kerja pengembangan supaya kadar pekerja penkembangan dengan petani-petani akan dapat dikurangkan dari kadar 1:1,600 kepada 1:800. Dengan cara ini petani-petani akan dapat khidmat nasihat dengan lebih berkesan dan teratur melalui projek ini 4 buah RETDC (Rural Extension Training Development Centre), 30 buH ESC (Extension Service Centre) dan alat-alat serta jentera pengangkutan akan ditambah.

Di bawah sistem ini segala penyelidikan yang dijalankan melalui ajensi-ajensi penyelidikan seperti MARDI dan juga dari punca-punca lain dapat disebarkan kepada petani-petani dengan lebih berkesan dan tepat lagi. Di bawah sistem 2L ini juga petani-petani adalah disusun mengikut kumpulan-kumpulan tani supaya pencapaian teknologi-teknologi yang disebutkan tadi dapat disebarkan dengan lebih cepat. Adalah

didapati hasil daripada penilaian awal terhadap projek-projek di bawah kawasan printis, sistem 2L ini telahpun menunjukkan kejayaan yang menggalakkan di mana hasil tanaman telahpun meningkat. Selain dari meningkatkan perkhidmatan perkembangan melalui sistem 2L, Kementerian Pertanian juga menguatkuasakan Kaedah-kaedah pendaftaran racun makhlok perosak tanah 1976 di bawah Akta Racun Makhlok Perosak, mulai 1hb April, di Semenanjung dan 1hb Januari, 1982 di Sarawak dan Sabah, dengan tujuan semua racun-racun makhlok perosak yang di import atau di kilang di dalam negeri hendaklah didaftarkan supaya mutu dan bahan aktif racun-racun ini tidak terjejas. Pegawai-pegawai di bawah Sistem 2L akan juga memberi penerangan-penerangan lanjut kepada petani-petani di dalam hubungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai 'opinion leader' yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kangsar iaitu untuk melatih petani-petani yang dipilih untuk menjadi 'opinion leader' di kalangan kaum tani, Kementerian Pertanian telahpun menjalankan berbagai jenis kursus melalui agensinya untuk memilih ketua-ketua kumpulan yang mungkin menjadi 'opinion leader' di kalangan petani-petani. Berhubung dengan pasaran, Kerajaan sedar bahawa pemasaran yang baik adalah kunci kepada kejayaan ekonomi pertanian, dan Kementerian Pertanian sedang berusaha meningkatkan lagi usaha-usaha pemasaran melalui FAMA. Pada amnya saya berpuashati terhadap pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di agensi pemasaran pertanian. Sekiranya terdapat kes-kes tertentu penyalahgunaan kuasa berlaku adalah diharapkan kes tersebut dikemukakan kepada Kementerian saya untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat dari Sungai Petani untuk memberi peruntukan kewangan yang besar kepada Kementerian Pertanian bagi melaksanakan beberapa rancangan demi meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan. Untuk makluman Yang Berhormat dari Sungai Petani, sukacita saya maklumkan bahawa

pihak Kementerian Pertanian sedang merancang untuk mengadakan suatu projek perkampungan nelayan yang teratur di kawasan Tanjong Dawai, Kuala Muda, Kedah. Projek ini adalah meliputi kawasan seluas 30 ekar dan di antara lain akan memberikan kemudahan asas yang lebih baik kepada para peserta termasuklah kemudahan perumahan yang lebih selesa. Lebih kurang \$5.2 juta akan diadakan untuk membiayai projek ini yang akan dilaksanakan di dalam tiga peringkat. Apabila dilaksanakan sepenuhnya ianya akan memberi faedah kepada kira-kira 300 orang nelayan. Para peserta projek ini akan menjalankan ternakan ikan di dalam sangkar iaitu sebahagian daripada kegiatan ekonomi mereka. Segala tunjuk ajar dan latihan dan bantuan yang berkaitan akan disalurkan kepada peserta-peserta projek ini. Adalah dijangkakan tiap-tiap peserta akan memperolehi punca pendapatan daripada satu unit sangkar kira-kira \$2,000 setahun. Kerja-kerja awal bagi melaksanakan projek ini telahpun dijalankan dan pemilihan peserta untuk peringkat pertama telahpun mula diadakan pada akhir tahun 1980.

Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan terhadap Kementerian saya dan segala pandangan tersebut akan saya teliti dalam pelaksanaan semua aktiviti-aktiviti Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk menjawab.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan pendapat terhadap Kementerian saya.

Dalam pada itu izinkanlah saya menjelaskan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Mengenai cadangan supaya Kerajaan membina sebuah Pelabuhan di Kuala Perlis yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sukalah saya menyatakan bahawa pada masa ini Kerajaan belum ada cadangan. Didapati kemudahan yang ada di sana sudah mencukupi bagi menampung keperluan perkapalan yang ada sekarang. Di samping itu negeri Perlis terletak tidak jauh dari pelabuhan utama Pulau Pinang, dan keupayaan Pelabuhan Pulau Pinang adalah mencukupi bagi menampung import-eksport bagi negeri-negeri sebelah utara termasuklah Kedah, Perlis dan sebelah utara Perak. Walau bagaimanapun, syor Ahli Yang Berhormat

dari Kangar itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Mengenai cadangan supaya MAS menambahkan masa perkhidmatannya ke Alor Setar, sukacita dimaklumkan bahawa mulai 1hb April, 1981, MAS akan menambahkan perkhidmatannya kepada 4 kali seminggu dengan pesawat B-737. MAS juga bercadang mengadakan perkhidmatan pesawat B-737 sebanyak 5 kali seminggu mulai 1hb September, 1981 dan sekiranya permintaan bertambah, MAS akan menambah menjadikan perkhidmatannya kepada tiap-tiap hari dengan pesawat B-737.

Jadual-jadual penerbangan mulai

1hb April, adalah seperti berikut:

(i) B-737 (4× seminggu)

Sektor	Hari	Masa Bertolak	Masa Sampai
Kuala Lumpur/ Alor Setar	Isnin, Rabu dan Jumaat	4.30 petang	5.15 petang
Kuala Lumpur/ Alor Setar	Sabtu	2.30 petang	3.15 petang
Alor Setar/ Kuala Lumpur	Isnin, Rabu dan Jumaat	8.30 pagi	9.15 pagi
Alor Setar/ Kuala Lumpur	Sabtu	6.00 petang	6.45 petang

(ii) F-27 (3× seminggu)

Sektor	Hari	Masa Bertolak	Masa Sampai
Kuala Lumpur/Ipoh Pulau Pinang/ Alor Setar	Selasa, Khamis dan Jumaat	8.40 pagi	10.55 pagi
Alor Setar/ Pulau Pinang Ipoh/Kuala Lumpur	Selasa, Khamis dan Jumaat	1.40 petang	4.00 petang

Mengenai Lapanganterbang Alor Setar, Kerajaan sedang dalam proses pembinaan bangunan terminal yang baru.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan perkara mengenai peraturan keselamatan yang dilaksanakan di Lapanganterbang Pulau Pinang, di mana dikatakan telah menimbulkan ketidakselesaan kepada penumpang-penumpang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penerbangan Awam telah melaksanakan peraturan baru dalam sistem pemeriksaan di lapanganterbang tersebut pada bulan Februari yang lalu. Penukaran kepada sistem pemeriksaan yang baru ini adalah bertujuan memastikan keselamatan penerbangan.

Peraturan baru ini terpaksa dibuat memandangkan bahawa pada masa ini terdapat kedai-kedai di dalam bilik bertolak yang mana barang-barangnya boleh dibeli selepas pemeriksaan dilakukan. Pemeriksaan yang rapi terpaksa dilakukan kerana pihak keselamatan Lapanganterbang tidak dapat memastikan sama ada barang-barang yang dijual di kedai dalam bilik bertolak itu bersih daripada alat-alat letupan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peraturan yang dilaksanakan di Lapanganterbang Pulau Pinang sekarang juga dipraktikkan di lain-lain lapangan terbang antarabangsa di dunia.

Kementerian ini yakin sistem Penerbangan Malaysia telah dapat memberi khidmat yang memuaskan kepada pengguna-penggunanya. Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat tersebut yang mengatakan kakitangan MAS tidak boleh bersuara kerana mereka tidak ada persatuan adalah tidak benar. Semenjak Kesatuan Kakitangan Penerbangan (EAU) dimansuhkan oleh Kerajaan, kakitangan-kakitangan MAS telah menubuhkan Persatuan Pekerja MAS. Persatuan ini berfungsi menjaga kebajikan kakitangan MAS melalui aktiviti-aktiviti.

Yang Berhormat dari Ulu Muda juga mencadangkan supaya diperbaiki jadual perjalanan keretapi dan mengurangkan kegelinciran. Ini memanglah menjadi tujuan Kerajaan. Pihak Kerajaan memang dari masa ke semasa sedang berusaha bagi memaju dan memodenkan perkhidmatan keretapi di negara ini. Rancangan seperti menggunakan landasan konkrit dan rancangan mengadakan landasan kedua adalah semata-mata bertujuan bagi mengurangkan kegelinciran-kegelinciran serta memperbaiki lagi jadual masa perkhidmatan keretapi di negara ini. Kerajaan juga sedang menjalankan kajian bagi mengadakan keretapi letrik dan "third rail standard gauge", Kerajaan berharap dengan adanya rancangan-rancangan tersebut perkhidmatan keretapi negara ini akan bertambah baik.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin, sukacita dinyatakan sejak Rancangan Malaysia Ketiga lagi Kerajaan telah menjalankan rancangan pemodenan dan pemulihan perkhidmatan keretapi meliputi penggantian ke atas lokomotif-lokomotif yang lama. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 10 buah lokomotif yang baru telah dibeli. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan bercadang membeli 15 buah lokomotif baru. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali-

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima",

Disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima".

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.24 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda seksyen 13(2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibaca kali yang kedua.

Sehingga ini beribu-ribu ekar tanah telah diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dimajukan oleh FELDA dan FELCRA

sebagai rancangan tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Bagi tanah-tanah rancangan tersebut, Kerajaan-kerajaan Negeri mengenakan bayaran premium dan cukai tahunan yang rendah jika dibandingkan dengan kadar yang dikenakan kepada tanah-tanah yang dikeluarkan kepada orang awam.

Punca hasil yang terbesar dari Kerajaan-kerajaan Negeri datangnya daripada hasil-hasil tanah. Kadar premium dan cukai tanah yang rendah itu dianggap tidak sesuai lagi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Untuk mengelakkan perkara ini berlanjutan, seksyen 13(2) Akta Tanah, 1960 dipinda bagi membolehkan kadar cukai tahunan yang telah dikenakan ke atas tanah-tanah berkenaan itu disemak semula.

Mengikut seksyen 132(2) Akta tersebut, kadar yang telah ditetapkan hanya boleh dipinda selepas jangka 15 tahun daripada tarikh kadar tersebut ditetapkan. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, seksyen 13(2) Akta Tanah, 1960 adalah dipinda bagi membolehkan tempoh penyemakan semula kadar cukai itu dipendekkan daripada 15 tahun kepada 10 tahun. Memandangkan kemajuan yang telah dicapai oleh peserta-peserta rancangan di bawah Akta Tanah ini, kadar cukai tahunan baru ini tidaklah menyusahkan dan dianggap menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dijemput Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.27 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, setelah negara kita merdeka beberapa rancangan

pembukaan tanah secara berkelompok telahpun dikendalikan oleh pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan salah satu usaha penempatan semula penduduk dan untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi sebahagian besar daripada rakyat kita yang berpendapatan rendah dan terutama sekali mereka yang tidak mempunyai tanah sama ada tanah tempat tinggal ataupun tanah untuk mengusahakan bagi mencari pendapatan mereka dan keluarga mereka. Maka pembukaan tanah yang lebih daripada sejuta ekar yang telah dijalankan oleh FELDA dan juga ajensi-ajensi Kerajaan yang lain adalah merupakan satu rahmat yang tidak dapat dinafikan oleh rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini maka saya mengharapkan supaya mereka yang terlibat dalam rancangan-rancangan sama ada rancangan FELDA, rancangan FELCRA, rancangan RISDA bentuk mini estate dan sebagainya. Kalau pindaan ini ditujukan kepada penempatan berkelompok yang saya sebutkan tadi maka mereka yang terlibat ini janganlah menganggap ini sebagai satu usaha Kerajaan hendak mendenda mereka itu kerana seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang bertujuan meminda Seksyen 13 Akta ini adalah merupakan suatu usaha untuk menyamaratakan kadar premium atau hasil tanah di antara tanah-tanah berkelompok dengan tanah-tanah yang diserahkan kepada pihak awam yakni di luar kawasan-kawasan berkelompok.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan pada masa pendapatan peneroka-peneroka FELDA di peringkat yang paling tinggi dua tahun yang lepas, saya mendapat tahu ada setengah-setengah mereka itu berpendapatan kalau hasil daripada kelapa sawit di sekitar \$1,500 hingga \$2,000 sebulan, maka tiada sebab kiranya masalah Cukai Tanah, masalah premium yang hendak disemak semula oleh Kerajaan ini daripada 15 tahun kepada 10 tahun tiap-tiap penyemakan itu akan menjadi satu

rungutan, akan dapat disifatkan sebagai satu bebanan kepada mereka itu. Dalam pada itu ini adalah merupakan salah satu usaha untuk membawa satu perasaan sama rata dan sama rasa walaupun tidak sama bahkan seakan-akan sama rata dan sama rasa dengan saudara mereka yang di luar kawasan tanah berkelompok yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dibandingkan dengan seekar tanah getah di luar kawasan-kawasan berkelompok ini apalah pendapatan hasil daripada seekar tanah getah kalau hendak dibandingkan dengan nisbah seekar tanah kelapa sawit, atau seekar tanah koko, atau seekar tanah getah yang termasuk dalam kawasan-kawasan berkelompok yang saya maksudkan tadi. Seterusnya, dalam hal ini saya meminta supaya kiranya keadaan-keadaan berbangkit pada masa hadapan tidak memerlukan semestinya 10 tahun ini digunakan bagi penyemakan semula premium atau hasil tanah ini. Mungkin pada masa itu keadaan meleset atau mungkin pada masa itu harga getah atau kelapa sawit di dunia jatuh sebagaimana yang pernah berlaku kepada getah kita pada tahun 30an. Maka saya merayu kepada pihak-pihak yang wajib mengenai tanah sama ada pihak Kerajaan Pusat mahupun pihak berkuasa tanah di peringkat negeri supaya jangan menggunakan tempoh minima 10 tahun seperti mana yang diminta oleh pindaan kepada Akta ini. Pada masa itu kita minta supaya pihak-pihak berwajib yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran tanah ini hendaklah menggunakan bijak pandai atau budibicara mereka itu selaras dan sesuai dengan perasaan atau penderitaan yang mungkin dirasakan oleh rakyat pada masa itu. Tetapi di sebalik itu seperti saya katakan awal-awal tadi bagi masa ini yang mana pendapatan peserta-peserta di dalam kawasan-kawasan berkelompok ini tidak dapat dianggapkan sebagai satu pendapatan yang tidak lumayan, ertinya masih lagi lumayan, maka perkara ini boleh dilaksanakan dan hendaklah dilaksanakan.

Perkara yang kedua saya ingin menyentuh yakni bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah dengan Akta ini ianya juga akan melibatkan estet-estet hanya melibatkan kawasan-kawasan seperti mana

yang saya sebutkan tadi dan kiranya oleh sebab kawasan ini yang diminta di bawah Seksyen 13 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) ini adalah ditumpukan kepada kawasan penempatan berkelompok maka mungkin juga estet-estet ini tidak termasuk dalam takrif pindaan kepada Akta ini. Maka saya minta supaya estet-estet juga hendaklah diperhatikan supaya selaras dan setanding dengan apa yang dikenakan pada golongan-golongan yang terdapat dalam FELDA, FELCRA dan sebagainya supaya kalau estet-estet setakat hari ini merasa sama hasil yang didapati seperti mana juga yang didapati oleh peneroka-peneroka bahkan kadang-kadang estet-estet mendapat hasil yang lebih lumayan daripada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi. Maka kalau tidak meliputi di bawah pindaan ini, mungkin juga Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah patut menimbangkan supaya hasil di dalam estet hendaklah juga diselaraskan dan kalau perlu lantaran estet-estet ini bukan dipunyai oleh golongan yang berpendapatan rendah, bukan estet ini berasal bertujuan untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi rakyat daripada golongan atau bracket yang miskin tetapi estet-estet ini kebanyakannya adalah dipunyai oleh golongan kaya, maka kalau tanah-tanah di kawasan penempatan berkelompok ini boleh dinaikkan yakni diturunkan tempoh 15 kepada 10 tahun maka hendaklah juga estet-estet ini disetimpalkan dari segi kadar pembayaran premium atau hasilnya itu supaya orang yang lebih kaya ini dapat dipungut lebih banyak hasil daripada mereka itu. Maka dengan ini, saya dengan sukacitanya menyokong pindaan kepada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak yang saya hendak jawab hari ini, hanya saya memberi pengakuan apabila keadaan harga getah atau kelapa sawit meleset kita tidak akan menggunakan pindaan ini sebagai satu alasan menekan mereka. Yang sebenarnya dalam soal cukai tanah ini kita sentiasa bertimbang rasa pada masa-masa yang lalu dan keadaan ini kita akan sentiasa teruskan di masa akan datang.

Berhubung dengan estet-estet undang-undang ini hanya meliputi FELDA dan FELCRA dan estet-estet adalah di bawah Land Code dan setakat ini cukai yang kita dapati daripada estet-estet itu bolehlah dikatakan sesuai dan memanglah kita memerhati dari masa ke semasa dan jika perlu kita akan pinda. Tetapi berkenaan dengan pindaan yang kita kemukakan pada hari ini, ini semata-mata untuk rancangan berkelompok yang ditubuhkan oleh Kerajaan kita seperti FELDA dan FELCRA.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang bagi meminda Seksyen 151A, 153A dan 156A Kanun Tanah Negara, Akta 56/65 dibaca kali kedua.

Peruntukan yang sedia ada di dalam Kanun Tanah Negara memang sudah membolehkan bangunan bertingkat-tingkat seperti flat dipecah bahagikan bangunan (sub-division of building) dan petak-petak (parcels) boleh dikeluarkan hakmilik subsidiary atau strata title. Perkara yang menjadi masalah ialah setakat ini pemaju-pemaju tidak mengambil berat dalam hal ini dan telah menimbulkan kesusahan kepada pembeli-pembeli. Bagi seluruh Semenanjung misalnya hanya 24

permohonan sahaja telah diterima sehingga bulan Ogos, 1980. Keadaan seperti ini adalah tidak memuaskan kerana tuanpunya bangunan atau pemaju bangunan boleh mengambil kesempatan untuk membuat keuntungan sendiri. Tuanpunya bangunan boleh menggunakan hakmilik tanah asal tapak bangunan itu sebagai cagaran untuk meminjam wang dari bank bagi perniagaan lain walhal semua petak-petak sudahpun dijual. Dengan itu hak dan kepentingan pembeli-pembeli tidak terjamin kerana ketiadaan suratan hakmilik. Kerajaan bercadang supaya tuanpunya bangunan seperti flat itu diwajibkan memohon pecah-bahagian bangunan dan seterusnya mendapatkan hakmilik subsidiary untuk semua pembeli-pembeli.

Seksyen baru 151A mewajibkan tuanpunya bangunan yang menjual petak-petak bangunan itu memohon pecah-bahagian bangunan dan mendapatkan hakmilik subsidiary dalam jangka masa yang ditetapkan. Tempoh masa bagi memohon dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) bagi bangunan-bangunan bertingkat yang siap dibina selepas seksyen ini dikuatkuasakan;
 - (i) jika penjualan atau perjanjian jual-beli dibuat sebelum tarikh seksyen ini dikuatkuasakan, 6 bulan daripada tarikh kuatkuasa seksyen ini;
 - (ii) jika penjualan atau perjanjian dibuat selepas tarikh seksyen ini dikuatkuasakan, 6 bulan daripada tarikh penjualan atau perjanjian jual-beli.
- (b) bagi bangunan-bangunan bertingkat yang telah dibina sebelum seksyen ini dikuatkuasakan, syaratnya ialah:
 - (i) jika penjualan atau perjanjian jual-beli dibuat sebelum tarikh seksyen ini dikuatkuasakan, 6 bulan daripada tarikh seksyen ini dikuatkuasakan;
 - (ii) jika penjualan atau perjanjian dibuat selepas tarikh seksyen ini dikuatkuasakan, 6 bulan daripada tarikh seksyen ini dikuatkuasakan atau 6 bulan daripada penjualan atau perjanjian jual-beli mengikut tempoh masa yang lebih lama.

Bagi tujuan seksyen ini, tarikh sesuatu bangunan berkenaan dibina adalah, saya quote, Tuan Yang di-Pertua: . . . the date on which it is certified by any public or local authority to be fit for occupation or use". Sesiapa yang tidak mematuhi seksyen ini boleh didenda tidak melebihi \$5,000 dan \$1,000 bagi tiap-tiap hari sehingga kesalahan itu dibetulkan.

Seksyen 151A dipinda untuk memberi peluang kepada pemilik-pemilik bangunan bertingkat-tingkat yang tapak tanahnya kurang daripada 5,000 kaki persegi hendaklah juga memohon pecah-bahagian bangunan dan mendapatkan hakmilik subsidiary.

Berikutan dengan pindaan Kanun Tanah Negara seperti yang dinyatakan tadi, iaitu mewajibkan tuanpunya bangunan bertingkat-tingkat yang menjual petak-petak bangunan itu untuk memohon pecah-bahagian bangunan dan mendapatkan hakmilik subsidiary, hak dan kepentingan pembeli-pembeli dapat dijamin. Ini juga mengelakkan masalah urus niaga. Apabila sahaja hakmilik subsidiary didaftarkan suratan hakmilik asal tapak tanah bangunan itu serta kawasan-kawasan dan ruangan-ruangan guna akan dimiliki oleh semua pemilik-pemilik petak-petak sebagai pemilik bersama di bawah badan pengurusan (management corporation) bagi tiap-tiap bangunan bertingkat-tingkat ditubuhkan. Badan pengurusan yang dimiliki oleh semua pemilik petak akan menguruskan sebagai pihak berkaitan dengan bangunan seperti kemudahan-kemudahan lif, tempat letak kereta, kebersihan kawasan dan sebagainya mengikut peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Kanun Tanah Negara.

Pindaan-pindaan yang disebutkan ini adalah juga dipakai bagi semua negeri, termasuk Wilayah Persekutuan. Dengan pindaan-pindaan ini, kemajuan, pembinaan, penjualan dan pengurusan bangunan seperti flat bertingkat-tingkat, kompleks beli-belah, pejabat, condominium dan sebagainya dapat dijalankan dengan lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ini ialah Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.46 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang undang-undang (Pindaan) ini dan saya ingin mengambil peluang ini melahirkan sedikit pandangan saya berhubung dengan perkara ini. Pada dasarnya saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1981 ini, tetapi dalam masa yang sama saya ingin mengemukakan beberapa perkara penting untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Boleh dikatakan bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) ini telah lama dinanti-nantikan. Ini disebabkan kerana Kanun Tanah Negara yang ada sekarang yang telah berjalan selama 16 tahun memerlukan satu kajian semula yang menyeluruh dan mana-mana bahagian yang perlu dikemaskinikan hendaklah dipinda dengan tujuan untuk menjadikan undang-undang itu lebih berkesan dalam menampung keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang ini diperkenalkan dengan tujuan utama yang tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu untuk mewajibkan setiap tuanpunya atau pemaju bangunan berbilang tingkat, baikpun bangunan kediaman ataupun bangunan kompleks beli-belah supaya membuat permohonan untuk memecah-bahagikan bangunan itu jika petak-petak dalam bangunan itu hendak dijual dengan cara hakmilik pecahan yang berasingan. Dengan lain-lain perkataan, pemaju atau tuanpunya dikehendaki atau dipaksa, kerana ada undang-undang sekarang, supaya memohon

hakmilik pecahan (strata title) dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh mula dikeluarkan sijil kesempurnaan (certificate of fitness) jika sesebuah pemaju membuat perjanjian bertulis dengan pembeli-pembeli berhubung penjualan lot-lot bangunan itu. Langkah ini amatlah dialu-alukan dan tanpa meragukannya saya berpendapat pindaan yang dicadangkan ini juga diluluskan oleh Parlimen, saya yakin bahawa sekiranya Rang Undang-undang ini juga diluluskan oleh Parlimen, ini akan terus dapat melindungi setiap kepentingan orang ramai yang ingin membeli flat atau lot-lot bangunan dalam sesuatu bangunan berbilang tingkat daripada pemaju atau tuannya.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, pemaju-pemaju atau tuannya bangunan berbilang tingkat tidak dikehendaki oleh mana-mana undang-undang supaya memohon untuk memecah-bahagikan bangunan-bangunan mereka dan ini telah menggalakkan kepada amalan-amalan yang tidak diinginkan seperti mencegarkan sesuatu bangunan yang telah dijual kepada institusi-institusi kewangan atau bank-bank untuk tujuan pinjaman.

Rang Undang-undang (Pindaan) ini jika diluluskan oleh Parlimen, saya percaya akan dapat membantu mengatasi masalah amalan-amalan yang tidak sihat ini dan tentu akan memberi faedah kepada pembeli-pembeli yang berkehendakan hakmilik pecahan untuk petak-petak bangunan yang mereka beli.

Memandangkan bahawa tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini tanpa diragukan bahawa terdapat banyak permohonan-permohonan untuk memecah-bahagikan bangunan yang berlonggok di setiap Pejabat Tanah, terutamanya di Wilayah Persekutuan yang mana tempat pemakaian pindaan Undang-undang ini dan juga dijangkakan sejumlah besar permohonan-permohonan akan dibuat. Memandangkan perkara di atas, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah penting dan perlu diperhatikan segera satu aspek yang penting iaitu sama ada pentadbiran Pejabat Tanah ini berkemampuan menyelesaikan jumlah permohonan yang begitu banyak. Saya khuatir sama ada jentera pentadbiran pejabat

Tanah yang ada sekarang dapat atau akan berupaya menampung pertambahan jumlah permohonan untuk hakmilik pecahan selepas kelulusan Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya pentadbiran di semua Pejabat Tanah perlulah dilicinkan lagi supaya ianya benar-benar berkesan dan cekap dalam mengendalikan sejumlah besar permohonan-permohonan berikutan selepas kelulusan Undang-undang ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta satu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa Pejabat Tanah di Wilayah Persekutuan dan Pejabat-pejabat Tanah di lain-lain negeri akan dilengkapi secukupnya dengan kakitangan yang berkelayakan dan jentera pentadbiran yang diperlukan untuk memenuhi peruntukan Undang-undang (Pindaan) ini.

Saya rasa bahawa kejayaan pelaksanaan Undang-undang (Pindaan) ini bergantung penuh di atas pentadbiran Pejabat Tanah dan bagaimanakah mereka berupaya memenuhi atau menyelesaikan dengan cekapnya beban kerja yang akan bertambah. Adalah menjadi harapan saya bahawa permohonan-permohonan untuk memecah bahagikan bangunan-bangunan atau hakmilik pecahan (strata title) yang dikehendaki di bawah undang-undang akan diuruskan dengan seberapa cepat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan permohonan hakmilik pecahan, saya ingin mengambil kesempatan ini menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menimbang untuk membenarkan pemegang surat hakmilik sementara (Qualified Title) membuat permohonan untuk hakmilik pecahan. Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana terdapat sejumlah besar bakal-bakal pemohon yang tidak berupaya memohon kerana peraturan-peraturan birokrasi yang mewajibkan mereka supaya mendapat atau mempunyai hakmilik tetap (final title). Satu perkara yang saya ingin memberitahu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu ialah jarak masa antara permohonan untuk dapat hakmilik tetap dan

masa pengeluarannya boleh jadi bertahun-tahun dan jika pemegang (Qualified Title) dibenarkan memohon untuk hakmilik pecahan saya rasa ini akan menolong membasmi apa yang saya ingin sifatkan sebagai red tape.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan dengan pengemukaan Rang Undang-undang (Pindaan) ini, saya ingin menggesa Kerajaan supaya merintis dan mengambil daya usaha (initiative) untuk memohon hakmilik pecahan untuk penyewa-penyewa berpendapatan rendah yang mendiami di rumah-rumah pangsa kos rendah berbilang tingkat, misalnya, rumah pangsa berbilang tingkat kepunyaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membolehkan penyewa-penyewa ini memiliki sendiri rumah pangsa ini sejajar dengan konsep demokrasi pemilikan rumah. Dalam hubungan ini saya berpendapat bahawa Dewan Bandaraya hendaklah membuat satu keputusan untuk menjual sebahagian rumah pangsa kos rendah kepada penyewa-penyewa yang ada sekarang dan menolong pula pemohon hakmilik pecahan untuk mereka yang ingin membeli rumah pangsa. Dewan Bandaraya boleh membantu penghuni-penghuni untuk menubuhkan satu badan pengurusan (management corporation) untuk mengelolakan pengurusan rumah pangsa setelah rumah pangsa itu telah dijual. Itulah pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pagoh.

5.58 *ptg.*

Tuan Muhyiddin bin Haji Monamad Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil kesempatan di dalam Majlis ini untuk menyokong di atas cadangan yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi iaitu Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Saya yakin dengan lulusnya kelak pindaan di atas Kanun Tanah Negara yang berkaitan dengan fasal-fasal yang disebutkan di dalam pindaan ini, maka kita berharap segala usaha-usaha yang telahpun dijalankan oleh pihak

pemaju-pemaju perumahan ataupun flet-flet yang bertingkat ini akan dapat disegerakan dan juga dengan pindaan ini akan mengelakkan pihak pemaju-pemaju menggunakan kesempatan bagi memanipulasikan pembeli-pembeli ataupun bakal-bakal pembeli yang sudahpun menduduki bangunan-bangunan yang bertingkat yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan itu.

Saya menyambut baik atas cadangan pindaan ini dan berharap supaya pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menentukan supaya pemaju-pemaju yang telahpun melaksanakan rancangan ini mengambil kesempatan lagi untuk membuat rayuan ataupun mencari helah-helah lain bagi mengelakkan penguatkuasaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan lulusnya Rang Undang-undang ini juga maka akan memberikan kesempatan yang lebih luas kepada pihak Kerajaan dan juga kepada pihak pemaju-pemaju perumahan untuk mengambil bahagian yang lebih tegas dan cepat lagi dalam soal membina banyak lagi rumah-rumah kos rendah dan juga rumah-rumah kos penengahan bagi menampung keperluan semasa sekarang ini. Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini bermakna bakal-bakal pembeli kepada rancangan-rancangan perumahan flet ataupun rumah bertingkat itu akan berupaya untuk mengambil kesempatan dengan keluarnya hakmilik di atas bangunan-bangunan dan ruang-ruang yang dijual oleh pihak pemaju ataupun oleh pihak Penguasa-penguasa Tempatan itu menggunakannya untuk dicagarkan dan digunakan untuk mendapat pinjaman bagi membayar balik di atas rumah-rumah yang dibelikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin juga pihak Kerajaan Negeri haruslah menyambut baik di atas pindaan yang telahpun dikemukakan ini, kerana dengan cara ini pihak Penguasa-penguasa Tempatan dan juga Kerajaan Negeri sendiri dapat memainkan peranan yang lebih aktif dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan di kawasan-kawasan sesak dan juga di kawasan-kawasan bandar-bandar baharu. Tetapi kita ingin memberi

pandangan iaitu tidaklah bermakna bahawa dengan kelulusan Rang Undang-undang ini maka Kerajaan Negeri tidak mengambil perhatian berat, umpamanya, dengan hanya meluluskan semua sekali permohonan-permohonan dari pihak pemaju untuk mengadakan projek-projek pembangunan seperti condominium ataupun rumah-rumah bertingkat di dalam kawasan-kawasan bandar dengan tidak mengambil kira keseimbangan penduduk dan juga dengan tidak mengambil kira bahawa pemaju-pemaju perumahan itu menyediakan kemudahan-kemudahan sosial yang secukup-cukupnya. Ini amat penting sekali kerana mengikut tendency pembangunan perumahan dan juga kemudahan-kemudahan perumahan sekarang ini khasnya di kawasan-kawasan bandar oleh sebab cepatnya proses pembinaan rumah ini maka terdapat gejala-gejala yang menunjukkan telah berlaku keadaan yang disebutkan sebagai keadaan modern slum iaitu keadaan kesempitan penduduk dengan sebab kurangnya perancangan dari segi pembinaan projek-projek seperti bangunan bertingkat ini. Maka saya yakin amatlah perlu sekali pihak Kerajaan Negeri diberikan peringatan dan juga dinasihatkan supaya sekiranya ada permohonan-permohonan di dalam kawasan-kawasan bandar bagi mendirikan condominium ataupun rumah-rumah flet bertingkat untuk bukan sahaja lapisan peringkat menengah ataupun atasan tetapi juga di peringkat rendah maka perkiraan sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu untuk mengelakannya menjadi sebagai satu tempat modern slum hendaklah diambil kira.

Sebagaimana yang kita ketahui pelaksanaan di atas Rang Undang-undang ini amat bergantung kuat kepada kecekapan dan juga kelicinan pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah khasnya di negeri-negeri ataupun di daerah-daerah. Kita ketahui selalu dibangkitkan dalam banyak hal dan di beberapa tempat tentang soal kelambatan yang berlaku di Pejabat-pejabat Tanah dari segi usaha memproses dan juga usaha mengeluarkan hakmilik bagi rumah-rumah yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan. Saya yakin suatu pandangan yang amat penting perlulah diberikan kepada pengurusan dan juga peningkatan prestasi

Pejabat-pejabat Tanah di daerah-daerah. Saya tidaklah mencadangkan di sini supaya keseluruhan sistem pentadbiran tanah itu dicomputerisekan iaitu dengan menggunakan sistem alat-alat komputer yang modern kerana kita ketahui di dalam kebanyakan hal pertimbangan perlulah dibuat dari segi yang lain yang tidak boleh difikirkan oleh alat-alat modern seperti komputer. Tetapi namun demikian, di pejabat-pejabat tanah di mana urusan-urusan memproses permohonan dan juga hendak melulus dan mengeluarkan surat hakmilik itu terlalu banyak, maka saya mencadangkan supaya Jabatan-jabatan Tanah yang menghadapi masalah ini diberikan kemudahan-kemudahan yang lebih dengan mengadakan alat-alat komputer di mana perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan proses pengeluaran hakmilik-hakmilik strata ini dianggapkan perlu bagi membantu pemaju-pemaju mempercepatkan pembangunan projek-projek yang ingin dilaksanakan sama ada di kawasan bandar ataupun di luar bandar. Ini amatlah perlu sekali kerana kerap kali berbangkit dan kerap kali ditimbulkan terutama di dalam Dewan yang mulia ini kelambatan mengeluarkan hakmilik itu. Suatu perkara dan implikasi yang dapat dilihat dari segi kelambatan ini ialah masalah-masalah yang dihadapi sendiri oleh pembeli-pembeli. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dengan adanya Rang Undang-undang ini mengelakkan manipulasi dari pihak pemaju untuk menggunakan hakmilik-hakmilik asal itu supaya boleh dicagarkan kepada bank ataupun kepada mana-mana institusi dan dengan sebab itu pihak-pihak pembeli-pembeli ataupun bakal pembeli tidak dapat memiliki hakmilik-hakmilik tersebut. Jadi, saya cadangkan supaya dari segi pihak Pejabat Tanah yang diberikan tugas untuk memproses dan mengeluarkan strata titles ini patutlah diambil kira dan disegerakan bagi mengatasi masalah-masalah sebagaimana yang sebutkan tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.08 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana telah mengemukakan suatu cadangan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara di dalam memberi subsidiary titles ataupun strata titles kepada pemilik-pemilik rumah pangsa, kerana ini bukan sahaja mendapat sokongan dari puak-puak bangku belakang tetapi juga mendapat sokongan daripada pihak Pembangkang yang selama ini telah menjadi satu persoalan kepada pemilik-pemilik rumah pangsa terutama di kawasan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang hendak saya sebutkan tetapi telah disebut oleh rakan-rakan saya, hanya tinggal beberapa perkara sahaja iaitu saya hendak menyebutkan tentang dengan pindaan ini terutama pemilik-pemilik rumah pangsa ataupun orang-orang yang hendak membeli rumah pangsa ini akan mendapat pinjaman dengan kadar faedah yang lebih murah daripada kadar faedah yang dikenakan sekarang. Kerana kebanyakan mereka yang membeli rumah pangsa ini dikenakan kadar pinjaman yang tinggi sampai 11%, 12% atau 13% kerana kadar bank-bank pinjaman ini telah dicadangkan oleh pihak pemaju perumahan atau oleh pihak tuan-tuan tanah yang katanya memang pembeli-pembeli rumah itu tidak akan membuat pinjaman bank kerana mereka tidak ada strata titles ataupun subsidiary titles dengan sendirinya menyebabkan mereka tidak dapat membuat pinjaman yang bebas kepada bank-bank atau kompeni kewangan yang lain. Jadi, menyebabkan mereka ini telah terpaksa membuat pinjaman yang dicadangkan oleh pihak pemaju perumahan yang dikenakan kadar faedah yang tinggi dan ini merupakan satu penindasan kepada mereka yang membeli rumah-rumah pangsa yang kita tahu golongan mereka ini adalah golongan yang berpendapatan rendah.

Badan-badan Kerajaan sendiri, misalnya, PKNS sendiri telah mengenakan kadar faedah 11% kepada pinjaman perumahan kepada flet-flet yang didirikan oleh PKNS

oleh kerana tidak ada strata titles maka jaminan tidak ada untuk pinjaman bank. Oleh sebab badan ini yang telah memberi sokongan pinjaman, maka telah dipaksakan kepada penghuni dengan kadar yang tinggi. Dengan adanya strata titles ini mudah-mudahan akan dapat meringankan beban pemilik-pemilik rumah pangsa supaya mereka tidak akan dikenakan kadar yang tinggi. Oleh itu, setelah strata ini didapati, kalau pinjaman itu baru diluluskan, saya rasa dapatlah pihak penghuni ini menukarkan pinjaman daripada tempat yang disyorkan oleh pihak pemaju ataupun tuan-tuan tanah kepada bank yang lebih menguntungkan kepada pihak tuan tanah tersebut.

Yang kedua, saya suka hendak menyebut iaitu tentulah akan menimbulkan masalah bagaimana yang ditimbulkan oleh rakan-rakan saya tentang kelambatan dan juga tentang banyaknya strata titles yang akan dikeluarkan. Di dalam keadaan seperti ini, tambahan pegawai dan juga kecekapan pegawai adalah perlu. Di dalam keadaan seperti ini saya bimbang akan timbulnya penipuan di dalam pengeluaran subsidiary titles ini akan berlaku. Kalau pernah berlaku di dalam pengeluaran lesen pemandu, road tax ataupun pengeluaran berbagai-bagai sehinggakan wang-wang palsu dapat dikeluarkan, maka penipuan di dalam pengeluaran subsidiary titles ini juga kemungkinan akan berlaku apabila pihak pemaju perumahan itu berkehendakkan bayaran lebih cepat daripada pihak pembeli perumahan itu oleh kerana kelambatan pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan kepadanya, jadi mereka ini berkehendakkan wang yang lebih cepat maka terpaksa membuat penipuan dalam pengeluaran subsidiary titles, ini juga patut diawasi.

Saya suka juga hendak menyebutkan di dalam pemberian subsidiary titles ini tentang penggunaan ruang-ruang di dalam kawasan tanah-tanah tersebut. Di dalam rumah yang bertingkat-tingkat seperti ini ruang-ruang tanah itu sudah tentu akan dimonopoli oleh orang-orang tingkat yang paling bawah sekali. Ini tidak dapat dielakkan. Jadi penggunaan ruang-ruang seperti ini patut diawasi supaya penghuni di tingkat bawah sekali tidak akan menggunakan ruang yang

lebih besar daripada apa yang diperuntukkan sebelum mendapat persetujuan daripada penghuni-penghuni rumah pangsa kerana kita dapati banyak bangunan bertingkat seperti ini akan dibuat tambahan (extension) di belakang rumah, di depan rumah oleh penghuni di tingkat bawah; walaupun ini tidak diluluskan oleh pihak Bandaraya. Tambahan bangunan seperti ini sudah tentu penghuni di tingkat bawah itu telah merampas hak-hak orang yang di tingkat atas dan juga akan mengganggu dalam ruangan, masalah kesesakan dan sebagainya, jadi kemungkinan seperti ini patut tidak akan berlaku apabila strata titles ini dikeluarkan.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyebut tentang penggunaan komputer di Pejabat-pejabat Tanah. Penggunaan ini sepatutnya dijalankan dengan secara beransur-ansur, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan di dalam masalah pengurusan tanah dan juga mempercepatkan proses-proses dan juga akan mengurangkan penipuan yang berlaku oleh pegawai-pegawai di Pejabat Tanah.

Misalnya satu masalah yang pernah berlaku iaitu penyorokan fail. Satu-satu permohonan yang telah diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Tanah, oleh pihak jawatankuasa atasan; tetapi fail itu disembunyikan oleh pegawai bawah dengan hasrat untuk mendapat keuntungan daripada penyorokan itu menyebabkan dua bulan kemudian fail itu keluar dan pengeluaran fail itu adalah kerana pegawai itu yang menyorokkan tadi, berkehendakkan sesuatu.

Misalnya, satu kelulusan telah diluluskan, fail itu disorokkan. Apabila fail itu disorok maka mereka ini akan pergi kepada pihak yang memohon tanah itu. Kalau engkau hendak tanah ini lambat sedikit lulus, kerana begini dan begitu. Kalau hendak lulus tengoklah dalam masa dua bulan saya bolehlah luluskan, tetapi kenalah bayaran sedikit untuk diberi kepada pegawai-pegawai, padahal tanah ini telahpun diluluskan oleh pihak atasan tetapi oleh kerana maksud yang tidak jujur tadi, maka penyorokan fail yang berlaku itu, menyebabkan pihak yang berkenaan terpaksa memberi sogokan barulah fail itu keluar. Walaupun perkara ini tidak diketahui

oleh pihak yang meluluskan tanah itu atau Pihak Berkuasa Tempatan tetapi perkara ini sering berlaku. Dan yang paling sedih sekali pegawai-pegawai di Pejabat Tanah mana sekalipun kita dapati mereka ini lebih banyak mempunyai tanah daripada rakyat biasa seperti S.O. dan pegawai-pegawai rendah di Pejabat Tanah—ini bukan satu tuduhan, tetapi banyak berlaku kerana mereka ini tahu di mana adanya tanah Kerajaan dan di mana adanya tanah yang kosong.

Jadi, saya minta kepada pihak yang berkuasa sama ada pihak Kementerian supaya menyekat pihak-pihak berkenaan tidak akan memiliki tanah itu walaupun seinci, kerana mereka ini diberi kuasa untuk bertugas bagi menentukan tanah ini dalam pembahagian kepada orang yang tidak bertanah. Jadi, kalau haknya yang benar untuk mendapat tanah memang betul, tak apalah, tetapi selalunya mereka ini lebih banyak mendapat tanah di mana-mana kerana pegawai ini tahu di mana tanah raja, di mana tanah Kerajaan yang tidak di 'rentah'. Ini patut sebagaimana saya kata tadi selain daripada kita mempercepat tambahan pegawai, maka perkara ini patut dielakkan, lebih-lebih lagi kalau beban kerja di dalam pengeluaran strata titles ini yang saya rasa semenjak mula bangunan ini dibuat dan dijual menyebabkan banyak strata titles ini tidak dikeluarkan, maka sudah tentu beban kerja yang bertambah kepada pihak yang berkenaan. Dengan sebab itulah saya sangat-sangat memberi sokongan kepada pihak yang berkenaan supaya undang-undang yang baru ini betul-betul berkesan dan betul-betul dapat memberi faedah kepada rakyat dan juga kepada pemilik rumah pangsa.

Selain daripada itu juga, saya minta supaya serata titles ini benar-benar berkesan di dalam penjualan rumah-rumah pangsa. Kebanyakan pemaju perumahan ini memohon kewangan atau memohon bayaran sebelum strata titles ini diluluskan oleh pihak Pejabat Tanah. Untuk masa akan datang maka tiap-tiap pemaju perumahan hendaklah menunjukkan ataupun memberikan strata titles kawasan atau ruangan rumah tersebut barulah bayaran dibayar kepada pihak yang berkenaan, janganlah hanya dijual di atas pelan sahaja tanpa mempunyai bukti yang sah bahawa strata titles telah diluluskan

kerana masa untuk meluluskan strata titles ini mengambil masa yang lama menyebabkan bayaran itu beban faedahnya ditanggung oleh pihak yang meminjam, menyebabkan mereka yang membeli ini tidak dapat membuat pinjaman daripada bank ataupun daripada mana-mana badan kewangan kerana tidak adanya subsidiary titles ini. Dengan sebab itulah, dengan kelulusan undang-undang ini kita berharap akan memudahkan pihak pembeli-pembeli rumah pangsa atau pemilik rumah pangsa yang ada sekarang supaya penipuan yang selama ini berlaku, sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tidak akan berlaku lagi dan tidak akan berulang lagi pada mereka ini kerana kita tahu orang yang membeli rumah pangsa ini adalah daripada golongan miskin, tidak mampu untuk membeli banglo-banglo yang lebih besar atau rumah-rumah yang mahal, maka kalau penekanan, penipuan seperti ini berlaku sudah tentulah akan menganiayakan golongan yang seperti ini.

Selain daripada itu, kebanyakan berlaku di rumah pangsa itu kesesakan dan kemudahan yang disediakan di rumah pangsa itu walaupun tidak menjadi tanggungjawab pihak Kementerian ini tetapi sebelum projek itu diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab biarlah penyediaan kemudahan rumah pangsa itu mempunyai peralatan yang betul baru, maknanya kelulusan yang diberi daripada pihak yang berkenaan itu biarlah benda yang benar-benar daripada jenis baik. Misalnya, lif ataupun alat-alatnya, ada terdapat di rumah pangsa itu; oleh kerana mereka yang duduk di situ daripada orang miskin, orang yang tidak pandai, tidak berkelulusan tinggi, maka lif yang dipasang di bangunan itu alat yang second-hand dan yang tidak baik. Mereka itu tidak mengetahui, akhirnya digunakan dalam sebulan dua maka benda itu telah menjadi rosak dan selalu jem oleh kerana mereka ini daripada golongan yang tidak pandai dan golongan yang miskin. Kalau ini ada kaitan dengan subsidiary titles saya rasa dapat juga disekat benda ini tidak akan berlaku kepada golongan tersebut.

Oleh itu, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan akan

memberikan kebaikan kepada golongan yang terlibat. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Maran.

6.22 ptg.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengalu-alukan pindaan Kanun Tanah Negara mengenai dengan seksyen strata titles.

Sebenarnya masalah strata titles ini bukanlah perkara baru kerana semenjak adanya Kanun Tanah Ngrara, 1965 maka peruntukan ini telahpun ada dan ada negeri-negeri, kalau tak silap saya seperti Trengganu dan juga Perak iaitu di Ipoh telahpun mengeluarkan strata titles ini tanpa pindaan, tetapi saya percaya pindaan ini perlu kerana barangkali boleh menolong melicinkan pihak-pihak pentadbir yang akan mengeluarkan strata titles ini. Tetapi yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah negeri-negeri seperti Trengganu dan juga Ipoh di mana agaknya bangunan yang tinggi-tinggi itu tidak begitu banyak, mereka berani mengeluarkan strata titles dan berani mentakrifkan undang-undang yang ada dan 'pungkar' bangunan yang tinggi-tinggi seperti di Kuala Lumpur ini pihak Pejabat Tanah mendapat kesulitan di dal am mentakrifkan seksyen yang berkenaan. Ini saya telah ketahui dengan secara tidak rasmi dengan perbualan di antara saya dengan pihak Pejabat Tanah yang mengatakan bahawa mereka juga telah mengemukakan kepada Peguam Negara mengenai dengan beberapa maksud akan undang-undang itu dan mengikut beliau, Pejabat Peguam Negara juga tidak dapat memberi keterangan yang seterang-terangnya. Ini mungkin barangkali undang-undang itu tidak lengkap kerana Kanun Tanah Negara, 1965 adalah dcedokan daripada sistem di Australia.

Jadi, saya berharap kepada Kementerian Tanah semoga perkara mentakrif undang-undang ini dapat diselesaikan terlebih dahulu, apabila pindaan ini telah selesai kelak maka adakanlah perjumpaan di antara pihak Kementerian, pihak Peguam Negara dan juga pihak Pejabat Tanah supaya tidak ada lagi masalah kurang faham di atas peruntukan undang-undang ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut sedikit sahaja adalah masalah yang akan berbangkit daripada pengeluaran strata titles ini. Ini ialah mengenai dengan management corporation. Jadi setelah bangunan yang bertingkat-tingkat itu dikeluarkan titlennya masing-masing, maka bangunan ini akan diuruskan oleh management corporation. Jadi ada kemungkinannya dan pernah berlaku di tempat-tempat lain di mana apabila bangunan itu siap didapati bahawa pemaju itu sendiri telah memiliki (retain) beberapa lot, mungkin di dalam 100 yunit flats itu disimpan 20 yunit untuk sewa. Jadi kalau management corporation ini mengadakan mesyuarat dan apabila undi mengikut unit yang dipunyai oleh tuan-tuan flats ini maka sudah tentu pemaju itu sendiri yang mempunyai lebih banyak unit akan menguasai undi. Jadi mereka ini boleh menyusahkan orang lain yang mempunyai satu unit, yang agaknya pendapatannya tidak begitu tinggi, dan kerana undi dia besar, maka dia memaksa dengan keputusan itu supaya management fee itu dibayar dengan begitu banyak. Jadi kalau perkara ini berlaku maka kemungkinan keharmonian di antara penghuni-penghuni rumah pangsa itu tidak akan wujud.

Satu perkara lagi mengenai dengan hubungan di antara penghuni-penghuni itu sendiri. Buat masa sekarang ini mungkin mereka ini kurang faham apabila Kerajaan mengatakan strata titles boleh dikeluarkan mereka menerima dengan baik, tetapi apakah tanggungjawab mereka sendiri, mereka kurang faham. Jadi, saya berharap juga supaya Kementerian dapat mengadakan kursus sivik di tempat-tempat sedemikian di mana penghuni-penghuni ini boleh dipanggil dan diterangkan apakah tanggungjawab mereka supaya keharmonian di antara mereka itu sentiasa terpelihara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli

Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan buah fikiran kepada kami berhubung dengan perkara yang baru ini. Saya rasa perkara-perkara yang dikemukakan itu semuanya berguna belaka, lebih-lebih lagi soal Pejabat Tanah dan soal management corporation. Seperti yang kita ketahui tujuan utama kita ialah hendak memberikan kepentingan pada penghuni-penghuni atau peserta-peserta rumah dan dengan adanya pihak Kerajaan dan juga penubuhan management corporation ini di mana mereka akan mengambil bahagian dalam pentadbirannya, saya yakin perkara-perkara yang rumit itu akan dapat kita selesaikan.

Saya tidak hendak mengulas begitu panjang, Tuan Yang di-Pertua, kerana segala idea-idea dan buah fikiran itu saya akan ambil pertimbangan semasa kita melaksanakannya dan saya memberikan jaminan kita akan melaksanakan dengan seberapa yang boleh.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, hari Rabu, 25 hb Mac, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.